

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 16

Selasa

5 Disember 2017

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2018	(Halaman 24)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Selasa, 5 Disember 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Yoo Wei How** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah permohonan Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi tahun 2011 hingga kini mengikut negeri serta apakah jumlah yang diluluskan; dan
- (b) lebih terperinci manfaat yang diperoleh setelah TP1M diperkenalkan.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini juga adalah merupakan soalan pertama kali saya nombor 1 dalam Dewan Negara... *[Tepuk]* Jadi terima kasihlah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memilih soalan KPKT menjadi soalan nombor 1.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya Yang Berhormat, ingat Menteri yang datang... *[Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Oh!

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa lah Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Kalau saya tidak bolehkah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh, boleh Yang Berhormat... *[Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How. Terima kasih Yang Berhormat Datuk di atas soalan yang berkaitan dengan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia ataupun kita panggil nama yang lebih ringkas iaitu TP1M.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Yoo, TP1M telah pun mula diperkenalkan oleh kerajaan Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2010 melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan pada waktu itu. Program TP1M ini Tuan Yang di-Pertua telah pun dipindahkan fungsinya kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 2013 dan selaras dengan hasrat

kerajaan untuk kita tingkatkan lagi kualiti kehidupan penghuni-penghuni kediaman berstrata, maknanya yang duduk dalam flat-flat ini.

Maka kerana itu KPKT telah pun memperkenalkan dua program utama penyelenggaraan bagi perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah iaitu yang pertama, yang berkaitan dengan soalan yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yoo iaitu Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi perumahan swasta berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah. Itu yang pertama.

Keduanya ialah Program Penyelenggaraan Perumahan ataupun kita panggil PPP bagi perumahan awam berstrata kos rendah yang dibina oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bermula pada tahun 2014 sehinggalah kini, kementerian telah pun menerima sebanyak 690 permohonan melalui program TP1M iaitu 476 permohonan bagi flat-flat kos rendah dan 214 bagi flat-flat kos sederhana rendah. Di bawah program TP1M ini Tuan Yang di-Pertua, perumahan-perumahan kos rendah, kos sederhana rendah yang dibangunkan oleh pemaju swasta dan ia melibatkan kos sebanyak RM418 juta daripada JMB, MC dan juga pihak berkuasa tempatan di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah tersebut, sebanyak 454 permohonan yang merangkumi 324 projek rumah kos rendah dan 130 projek kos sederhana rendah dengan kos berjumlah RM327 juta telah pun diluluskan oleh kementerian bagi tujuan pelaksanaan TP1M.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan apakah manfaat yang dapat dinikmati oleh penghuni-penghuni yang duduk dalam bangunan berstrata ataupun flat kos rendah dan kos sederhana rendah yang dapat menikmati program TP1M ini seperti yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yoo, berdasarkan kepada kelulusan program TP1M bermula dari tahun 2014 sehinggalah kepada 2017, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Yoo, sebanyak 150,000 unit rumah iaitu 105,000 unit kos rendah dan 45,000 unit kos sederhana rendah yang melibatkan seramai 600,000 penghuni iaitu 420,000 penghuni yang datang daripada flat-flat kos rendah dan 180,000 lagi yang datang daripada projek-projek kos sederhana rendah. Ini adalah manfaat yang dapat dinikmati oleh 600,000 penghuni seperti yang saya nyatakan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Yoo Wei How: Terima kasih diucapkan kepada Menteri KPKT. Soalan tambahan saya, siapakah yang layak memohon TP1M, dan apakah kerja-kerja pembaikan yang boleh dipohon dan kalau terdapat rumah pangsa itu pun rumah kos rendah ataupun rumah sederhana kos rendah yang tidak mempunyai JMB ataupun MC, adakah permohonan mereka boleh dipertimbangkan oleh KPKT di dalam projek TP1M ini? Sekian, sahaja.

■1010

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Yoo.

Saya ingin memaklumkan Tuan Yang di-Pertua- siapa yang layak memohon? Mereka yang layak memohon pihak pengurusan perumahan, JMB atau MC ataupun persatuan penduduk yang berdaftar. Ya Yang Berhormat Datuk. Kalau dia tidak ada JMB, tidak ada MC, tidak apa.

Asalkan dia ada persatuan penduduk yang berdaftar, dan berdaftar bagi perumahan strata kos rendah, kos sederhana rendah yang dibina oleh syarikat swasta. Itu yang paling penting Yang Berhormat Datuk, dan mereka boleh membuat permohonan kepada kementerian melalui COB, *and then* naik kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, ada 10 skop kerja di bawah program TP1M ini. Saya hendak memaklumkan iaitu:

- (i) membaiki ataupun mengganti lif;
- (ii) membaiki ataupun mengganti tangki air ataupun sistem retikulasi;
- (iii) baiki atau ganti paip sanitari;
- (iv) baiki atau ganti bumbung flat;
- (v) baiki atau ganti tangga ataupun susur tangan, *handrail*, dengan izin;
- (vi) mengecat semula keseluruhan bangunan dan harta bersama bagi tempoh setiap 10 tahun;
- (vii) pendawaian semula dan kerja-kerja elektrik bagi flat-flat kos rendah ataupun kos sederhana rendah yang membuat permohonan untuk TP1M ini;
- (viii) membaiki ataupun mengganti kemudahan awam yang melibatkan harta bersama;
- (ix) mengganti atau membina baru pagar di sekeliling kawasan pemajuan; dan
- (x) pembaikan cerun di kawasan pemajuan yang melibatkan kawasan permohonan yang saya nyatakan tadi.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Laksamana.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, bolehkah peruntukan program TP1M ini dipanjangkan kepada perumahan flat kos rendah dan kos sederhana rendah di Taman LTAT, Bukit Jalil yang penghuninya terdiri daripada veteran tentera? Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar, saya ingin mengalu-alukan *the Japanese School of Kuala Lumpur...* [Dewan tepuk] *Welcome to Dewan Negara.*

Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar, saya sebenarnya sudah berbisik dengan Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri tadi, macam mana cara hendak mohon. Eh, dia tetap juga hendak tanya, tetapi tidak apalah... [Ketawa] Mungkin dia hendak dengar suara saya menjawab agaknya.

Okey, berbalik kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar tadi, tidak ada masalah Yang Berhormat Dato'. Seperti yang saya sebutkan, permohonan boleh dibuat oleh JMB, MC ataupun persatuan penduduk yang berdaftar dan mereka duduk di rumah-rumah flat kos rendah, kos sederhana rendah. Sekiranya

bangunan perumahan itu dibangunkan oleh pihak kerajaan, maka kita akan mohon melalui Program Penyelenggaraan Perumahan yang saya sebutkan tadi, di bawah PPP. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada soalan tambahan? Silakan.

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, bagaimanakah pembiayaan TP1M yang diberikan oleh kerajaan? Adakah sepenuhnya atau sebahagian perlu ditanggung oleh penghuni? Contohnya di Selangor.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pembiayaan yang diberikan oleh kerajaan. TP1M ini kita laksanakan Tuan Yang di-Pertua, di semua negeri tanpa memilih kasih. Tidak kiralah dia negeri pembangkang atau tidak. Selagi ada rakyat yang perlu dibela, maka kerajaan akan berada di situ.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah di atas soalan yang dikemukakan tadi dan saya ingin menyebutkan, daripada segi pembiayaan- berkaitan dengan soalan daripada segi pembiayaan, adakah ditanggung sepenuhnya dan sebagainya, saya hendak umumkan berita yang baik. Ini kerana bagi mana-mana permohonan kepada Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia ataupun PPP tadi, bagi mana-mana flat kos rendah Tuan Yang di-Pertua, ia adalah ditanggung 100 peratus oleh kerajaan.

Dulu masa kita buat *matching grant*, 90 peratus ditanggung oleh kerajaan, dan 10 peratus ditanggung oleh JMB. Akan tetapi selepas itu, kerajaan menerima keseluruhan tanggungjawab itu. Kerajaan yang tanggung bagi keseluruhan perbelanjaan untuk baik pulih mana-mana perumahan kos rendah, kos sederhana rendah di bawah TP1M ataupun mana-mana perumahan kos rendah di bawah PPP. Itu ialah bagi yang kos rendah.

Bagi kos sederhana rendah Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kementerian sedang menyediakan kertas memorandum kepada Jemaah Menteri untuk memohon pengecualian sumbangan geran sepadan 70 peratus, 30 peratus bagi perumahan berstrata kos sederhana rendah. *Insyaa-Allah* pada tahun yang akan datang, kita akan tentukan, kementerian akan melaksanakan pembiayaan sepenuhnya bagi mana-mana permohonan TP1M bagi flat kos rendah dan juga bagi flat kos sederhana rendah.

Bersabit tentang Selangor, saya ingin memaklumkan kerana projek TP1M ini adalah Tuan Yang di-Pertua, maka kerajaan melalui kementerian telah berjaya untuk membela nasib-nasib penghuni-penghuni di flat-flat kos rendah dan kos sederhana rendah yang ada di negeri Selangor ini. Kita pun tidak tahu apa Kerajaan Negeri Selangor buat ini dengan penghuni-penghuni yang berada di flat-flat kos rendah dan kos sederhana rendah. Nasib baiklah kerana Yang Berhormat Menteri ini datang daripada Selangor, maka Yang Berhormat Menteri faham dengan keperluan yang perlu dilakukan.

Saya beri contoh Tuan Yang di-Pertua, di Lembah Subang 1. Lembah Subang 1 mempunyai lapan blok, 3,000 penghuni dan ada 23 unit lif yang ada di flat kos rendah Lembah Subang 1. Akan tetapi dalam tempoh itu, kerajaan negeri yang mengutip sewaan daripada setiap penghuni yang ada di Lembah Subang 1. Kementerian mengenakan sewaan kepada mana-mana PPR dengan kadar RM124 tetapi Kerajaan Negeri Selangor telah mengenakan kadar sebanyak

RM250, tetapi masih tidak mampu untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan penghuni yang ada di Lembah Subang 1.

Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada program TP1M inilah maka Yang Berhormat Menteri telah pun bersetuju untuk meluluskan peruntukan sebanyak RM18 juta untuk kerja-kerja penggantian kepada 23 lif yang rosak teruk di Lembah Subang 1 ini. Projek ini Tuan Yang di-Pertua, dijangka akan disiapkan pada bulan Oktober 2018. Jadi saya harap mudah-mudahan dengan pembaikan lif dan sebagainya, ia akan memberikan kemudahan, keselesaan daripada segi kehidupan yang lebih kondusif kepada penghuni-penghuni yang berada di flat-flat kos rendah dan juga di flat-flat kos sederhana rendah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas kepada program TP1M dan juga syabas kepada Timbalan Menteri yang sudi menjawab... [*Dewan tepuk*] Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, silakan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Bijaksana sungguh Tuan Yang di-Pertua,
Selayaknya dapat gelaran Tan Sri,
Soalan saya nombor dua,
Mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.*

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri, dan syabas kerana datang sendiri untuk menjawab.

2. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, jumlah tanaman durian Musang King yang terdapat di negara ini, dan nyatakan jumlah eksport durian Musang King ke luar negara seperti China, serta apakah langkah kerajaan bagi memastikan hanya durian Musang King yang bermutu sahaja dieksport.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan terutama sekali atas tajuk yang ramai orang berminat berkaitan dengan durian khususnya durian Musang King.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang ini kita merekodkan bahawa terdapat 66,000 hektar tanah bagi tanaman durian dan daripadanya-23,700 hektar untuk tanaman Musang King. Pihak kementerian di bawah Jabatan Pertanian Malaysia sudah pun berusaha untuk mendaftarkan setiap pokok-pokok durian ini.

Dalam rekod kami, keseluruhan pokok durian yang telah didaftarkan terdapat 1.5 juta dan secara spesifiknya bagi Musang King ialah lebih daripada 500,000. Saya sebutkan spesifik lagi, sehingga hari ini sebanyak 569,087 pokok Musang King yang telah didaftarkan. Jadi, Musang King adalah merupakan suatu yang disebutkan durian sebahagian daripada kita katakan jangkaan punca kekayaan baru untuk negara kerana ia mempunyai nilai pasaran yang tinggi dan mempunyai

potensi untuk eksport kepada dunia luar yang permintaannya dijangkakan sangat bertambah dan sangat berpotensi di masa yang akan datang.

■1020

Soalan Yang Berhormat menyatakan, macam mana kita hendak pastikan bahawa ianya adalah Musang King- yang benar-benar Musang King. Satu perkara yang kita sedang berusaha sekarang ini ialah untuk bagi mereka yang sebenarnya bagi orang biasa, dia tidak kenal mana D24, mana *Black Thorn*, mana Musang King, mana durian-durian yang lain. Dia kurang pasti. Apatah lagi kalau mereka itu berada di Singapura, di Hong Kong, di Australia, di Amerika, China, di mana ianya dijual.

Kebimbangan kita satu masa nanti, ramai orang yang sebut ini Musang King tetapi sebenarnya bukan Musang King. Oleh sebab langkah yang kita buat sekarang ini mendaftarkan setiap pokok durian yang ada dan setiap pokok itu kita akan letakkan sijilnya di pokok tersebut, Musang King yang tulen, yang asli.

Next level, kita akan gunakan teknologi *Radio Frequency Identification* (RFID). Sistem yang kita pakai di mana setiap pokok itu akan digunakan kaedah *geospatial* untuk mendapatkan lokasi yang akan terus disambung ke *internet*, sambung ke GPS, di mana setiap Musang King, ini untuk masa yang akan datang, ataupun durian kita akan berikan *sticker*. Daripada *sticker* tersebut orang boleh *scan* menggunakan telefon bimbitnya. Mereka ada *QR code*, dia *scan*, kita akan tahu. Oleh sebab misalnya di China, durian sampai banyak di sana, termasuk durian daripada Thailand. Dia akan tahu bahawa durian ini durian Malaysia. Durian Malaysia datang dari Pahang; Pahang dari Raub; Raub daripada Ulu Dong; Ulu Dong dari Ladang Zamri, misalnya; dan daripada pokok mana, dan dia akan gunakan GPS, dia akan tahu.

Jadi, dia tahu konsep *traceability*. Maksudnya, kita boleh tahu ke mana dia pergi. Daripada mana ia datang, daripada tempat mana ia datang. Ini penting untuk mengenal pasti dari segi *authentic*, dari segi keaslian Musang King ataupun durian-durian yang lain yang ada dalam negara. Ini telah kita gunakan dalam kaedah sarang burung walet. Setiap sarang burung walet yang sampai, ada *sticker*. Di situ kita tahu ia datang daripada negeri mana, daripada daerah mana, daripada rumah mana kita tahu kerana ianya sudah pun dilaksanakan sekarang dan kita boleh gunakan. Tanya berapa banyak kita hantar ke negara-negara. Sebenarnya, dari segi jumlah eksport kita tidak besar sangat. Oleh sebab itu orang ingatkan baru-baru ini harga tinggi kerana eksport. Akan tetapi sebenarnya harga tinggi baru-baru ini ialah kerana tidak berapa menjadi musimnya.

Kita hanya eksport sekitar RM70 juta, kecil. Ke negara China, untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, masih lagi kecil. Oleh kerana kita belum dibenarkan lagi untuk bawa ke sana durian sepenuhnya, termasuk kulitnya. Kita hanya dibenarkan, kita keluarkan, kita bekunya ataupun dipanggil *pulpnya*, bijinya saja yang telah dibungkus dengan baik dibenarkan masuk ke sana. Oleh kerana ada isu-isu yang berkaitan dengan *bio security* yang kita sekarang ini berusaha untuk menguruskannya supaya kita dapat kebenaran untuk masuk ke sana durian sepenuhnya dalam masa yang terdekat. *Insyaa-Allah* sekiranya berlaku, ia akan menjadikan lonjakan baru dalam dunia pertanian kita, khususnya durian sebagai punca kekayaan baru untuk rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Menteri yang sudi datang untuk menjawab sendiri soalan saya. Atas isu Musang King ini dan beberapa soalan tambahan saya pun nampaknya telah dirangkum oleh Yang Berhormat Menteri untuk menjawabnya. Walau bagaimanapun, saya ada beberapa soalan. Ada sebahagian daripadanya soalan tambahan.

Dari maklumat yang diperolehi, durian Musang King ini adalah klon daripada D197 yang mempunyai nama tempatan seperti Raja Kunyit, Durian Kunyit atau Mousang Wang atau *Cat Mountain King* dan telah didaftarkan pada 9 Disember 1993 dengan pemilik asal Wee Chong Beng dari Tanah Merah, Kelantan. Saya difahamkan pada masa ini durian ini dieksport ke negara China melalui negara ketiga seperti Hong Kong, Singapura. Soalan tambahan saya, apakah langkah kerajaan supaya durian ini dapat dieksport terus ke negara China, dari Malaysia bagi menjamin mutu dan harga yang lebih kompetitif? Adakah kerajaan bercadang memperkenalkan lain-lain jenis seperti XO, *Bamboo* dan lain-lain jenis ke negara China dan pasaran antarabangsa yang lain? Apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan penyelidikan dan teknologi bagi penghasilan durian Musang King yang bermutu tinggi dan memenuhi kehendak pasaran antarabangsa.

Saya bimbang juga, takut apakah kemungkinan berlaku durian Musang King ini seperti mana pasaran burung walet pada satu masa dulu, ia memang tinggi permintaannya. Akan tetapi oleh kerana persaingan daripada negara-negara pengeluar yang lain, maka kita lihat permintaan terhadap burung walet ini juga berkurangan daripada negara China terhadap negara kita. Jadi, saya berharap dapat jawapan yang sejelasnya daripada Yang Berhormat Dato' Sri Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya hargai pengetahuan Yang Berhormat nyatakan sebentar tadi tentang apa dia Musang King, apa *variety* nya dan sebagainya. Terima kasih. Sebenarnya kita percaya bahawa dalam dunia pertanian, kita mesti melangkah ke satu era ke lebih agresif lagi. Bukan sekadar kita bercakap tentang dasar pertanian yang baik kalau kita tidak import lagi. Kita bercakap tentang *self sufficiency level* (SSL) bagi beras kita, daging kita, ayam kita dan sebagainya. Akan tetapi kita perlu sampai ke tahap kita keluarkan sesuatu yang boleh kita eksport. Kita rasakan bahawa tidak banyak benda yang kita boleh eksport. Beras kita tidak boleh hendak lawan beras daripada Thailand, daripada India dan sebagainya. Kita tidak boleh hendak keluarkan anggur, epal, *orange* yang kita import daripada negara lain.

Apa yang kita lihat antara perkara yang boleh kita ketengahkan ialah durian. Kita cuba baru-baru ini kerana kita tahu China masih mengehadkan, durian kita tidak boleh bawa. Baru-baru ini kita cuba, pihak kami mengadakan satu perbincangan dengan sebuah *province* ataupun wilayah di China, Wilayah Guang Jhi, di mana ibu wilayah ini bernama Nanning. Nanning ini kawasan yang agak terpencil dalam negara China. Dalam program tersebut kita mengadakan satu festival yang kita panggil Festival Durian Malaysia dengan kita mendapat satu permit khas hanya untuk

diadakan, di bawa durian kita di tempat tersebut dan tidak boleh keluar daripada kawasan yang seluas Dewan kita ini. Orang datang, beratur, boleh makan, rasa Musang King kita, satu ulas saja. Hendak *test* durian Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang mengagumkan kita sebab kementerian kami jarang- rasa tidak pernah buat *trade mission* macam itu. Rekod yang diberikan secara rasmi oleh kerajaan di situ kerana mereka menggunakan sistem *infra red* untuk mengira orang yang datang, tiga hari kita buat, 165 ribu orang datang. Ada orang yang sanggup beratur tiga jam, empat jam hendak rasa seulas Musang King. Sehingga orang kata pada waktu itu *iPhone X* baru keluar, orang China hanya beratur dua benda. Satu- hendak beli *iPhone X*; yang kedua- hendak rasa *Malaysian* punya durian.

■1030

Ini pertama kali dirasakan begitu dan sebab itu ia mengejutkan kerana bukan sahaja kita yang terkejut di atas sambutan yang diberikan dan kerajaan juga merasakan bahawa *it's a good thing* kerana rakyat mereka suka dan mereka katakan bahawa *insya-Allah* dikatakan dia tidak sebutlah *insya-Allah*, dia beritahu, saya kata *insya-Allah* kerana kedua-dua pihak berusaha untuk mempercepatkan proses dibenarkan durian Malaysia kerana rakyat mereka suka.

Ada yang bawa anak kecil hendak rasa durian tetapi lebih penting sekali satu daripada cara kita memperkenalkan durian, saya belajar kaedah misalnya orang mengatakan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita bukan sekadar menjual *what* tetapi kita juga menjual *why*. Bukan menjual apa dia, durian durianlah tetapi kenapa *it's more important* lebih penting, kenapa durian Malaysia. *What* ialah durian, *why* satunya kita kata durian Malaysia mereka akui yang tersedap kerana mereka bandingkan dengan durian negara jiran kita. Akan tetapi bila ke sana kita berkata bahawa durian merupakan suatu cerminan kepada budaya orang Malaysia kerana di Malaysia orang makan durian, dia tidak makan seorang-seorang.

Saya tidak tahu ada orang kata, ada orang tidak berapa betul dia beli durian, sembunyi-sembunyi makan seorang, dia mesti cari kawan ya, dia mesti dengan kawan, dia mesti dengan keluarga, mesti dalam komuniti, dia makan ramai-ramai. Itu cara orang Malaysia makan durian, dan orang makan durian tidak ada makan durian yang muka masam, mesti senyum. Tidak ada orang dia berebut makan durian dengan muka *stress*, tidak ada. Dia mesti gembira, seronok. Dikatakan- *this is* cara orang Malaysia, "*durian brings happiness*", durian membawa kegembiraan, keceriaan, durian menceriakan.

Oleh sebab itu kita jual durian bukan *what is* durian tetapi *why*, kerana kita bawa di sana ialah untuk *share*, untuk kita kongsi *experience* orang Malaysia, durian merupakan satu makanan tradisi dalam membina hubungan antara satu sama lain, dan kita menjadikan ini sebagai suatu untuk kita kongsi dengan orang China, dan *spirit* ataupun mesej yang kita berikan disambut baik kerana bila mereka datang semuanya dengan wajah yang ceria.

Sanggup beratur tiga jam, empat jam tidak ada *complaint*. Dia *complaint* kerana kami tidak boleh beli sahaja lagi, dia *complaint*. Akan tetapi dia seronok dengan cara kita makan di luar selalunya diadakan makan mesti dalam bilik. Ini cara orang Malaysia kita katakan dan ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya beritahu sedikit konsepnya sebahagian daripada konsep yang

sekarang ini Kerajaan China memperkenalkan apa yang dikatakan inisiatif *One Belt One Road* (OBOR), mungkin tidak ramai orang Malaysia yang tahu dan kita hendak terjemahkan susah tentang *One Belt One Road*. Saya ingat suatu ketika ada orang buat satu program di sini, masyarakat China memperkenalkan tentang burung walet yang disebutkan tadi untuk memenuhi sebahagian daripada inisiatif Kerajaan China- *One Belt One Road*. Dia pun tulis *One Belt One Road*, satu jalan satu tali pinggang- dia ingat *belt* itu tali pinggang.

Sebenarnya *One Belt One Road* ialah bagaimana untuk menjanakan kembali konsep dahulukala di mana China mempunyai hubungan dengan dunia luar melalui dagangan sutera- *silk road* yang melalui jalan darat dan menggunakan jalan *maritime*.

Kita beritahu pada rakyat dia dan rakyat kita, kita memahami perkara ini ialah kerana kadang-kadang orang melihat perkara ini secara negatif. Ini China dia tolong bagi kereta api dekat negara kita, bagi *port* negara kita dia nak mendominasi kan lah. Dia beritahu bahawa *One Belt One Road* berdasarkan kepada *ancient silk road* yang disebutkan tadi ini ialah membina hubungan kerana dalam sejarahnya mereka tidak menggunakan jalan ini untuk menakluki.

Bila Laksamana Cheng Ho datang ke Melaka menggunakan jalan ini dia tidak membawa kapal perang pun. Dia membina hubungan dan yang membawa kapal perang hanyalah Portugis, Belanda dan British yang datang dan menakluki negara kita. Bahkan melalui jalan sutera inilah Islam datang ke sana dan sehingga sekarang ada hampir 100 juta rakyat di sana iaitu membina hubungan. Prinsip ini yang kita katakan bahawa dalam konteks mereka yakin dengan kepimpinan kita sebagai kepimpinan yang memahami tentang hubungan yang baik, rakyatnya suka pada kita dan kita kata *this is the time* kita bawa durian untuk *share the experience*. Kita bertukar tentang pengalaman bahawa cara Malaysia bergembira, membina hubungan, membina semangat kekeluargaan melalui durian, mereka kata mereka melihat ini satu perkara yang baik untuk kita kongsi bersama.

Satu karakter yang saya lihat di sana, kalau kerajaannya suka dengan kerajaan kita rakyatnya pun suka dengan barang kita. Ini berlaku di Korea Selatan baru-baru ini apabila Amerika meletakkan peluru berpandunya, kerajaannya tidak berapa gembira, rakyat pun tidak nak pergi ke sana tidak suka sudah dengan K-pop sana dan sebagainya. Ini satu perkara yang menarik yang kita melihat soal dagangan ini satu perkara yang besar. Begitu juga tentang sarang burung tadi. Dia hilang sebenarnya kerana satu ketika dahulu, empat tahun yang dahulu ada di kalangan peniaga kita yang membuat sesuatu yang tidak betul.

Sarang burung ini satu perkara yang diambil mentah daripada rumah burung dia, banyak bulu-bulu yang ada di sana dan banyak kotoran. Ada di kalangan orang kita juga dia hendak proses cabut bulu ini satu perkara yang susah. Rupa saya tahu bahawa saya belajar di sini, satu kerja yang paling susah ialah kerja cabut bulu Tuan Yang di-Pertua. *Tedious* kerjanya, seorang boleh kena buat sampai lapan jam, sembilan jam satu hari itu benda yang susah. Jadi setengah itu dia guna *clorox* saja dia buang, dia cat benda itu dan sampai sana dia *check* banyak kotoran yang tidak betul. Maka sarang burung kita kena *banned* yang *raw* tadi yang belum diproses kena *banned* tidak boleh masuk hanya yang setelah diproses di kilang-kilang yang tertentu. Sekarang ada 19 kilang sahaja yang disahkan oleh mereka boleh masuk.

Akibatnya orang menganggap bahawa sebahagian besar sarang burung yang kita ada tidak boleh dihantar ke sana, jadi harganya jatuh. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kami berunding sekali lagi dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke China pada awal bulan ini antaranya kami telah menandatangani sekali lagi protokol bagi membolehkan sarang burung yang belum diproses tadi masuk terus ke sana dan diproses di sana. Protokol sudah ditandatangani cuma ada proses SOP nya, secara *detail* nya belum lagi. Akan tetapi pasaran sekarang ini sudah bertindak reaksi yang begitu baik. Dulu waktu kena *banned* dulu harganya jatuh sehingga RM800 per kilogram. Akan tetapi sekarang ini untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dengan Yang Berhormat, harga sarang burung yang belum diproses sudah naik kepada RM5,000 hingga RM6,000 per kilogram.

Di Sarawak saya berjumpa ramai orang, pengusaha sarang burung yang dia kata secara purata dia boleh dapat 10 kilogram satu bulan, ada yang sampai 20 kilogram. Bayangkan RM5,000 satu kilogram, RM10,000 sudah dapat RM50,000 lebih besar daripada gaji kebanyakan Yang Berhormat yang ada sekarang ini. Bela burung sahaja, buat rumah burung dan sekiranya segala ini dalam masa yang terdekat *insya-Allah* kita akan adakan lagi satu *Festival Bird Nest* di negara China dalam masa yang terdekat. Dia akan melonjakkan harga yang lebih tinggi, dan dia akan memberikan suatu lagi punca kekayaan baru melalui pertanian kepada rakyat negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab fasal durian, dari durian kepada *One Belt One Road* sehingga bulu burung.

Ahli-ahli Yang Berhormat duduk. Saya ingat jawapan Yang Berhormat Menteri itu sudah cukup sudah. Sila Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan.

3. Puan Bathmavathi Krishnan minta Menteri Kesihatan menyatakan, kaedah yang akan digunakan bagi pengagihan dana yang diperuntukkan di bawah Bajet 2018 bagi 'penyakit jarang jumpa' (PJJ) memandangkan kos bagi setiap pemohon amat tinggi, pemohon yang ramai dan terdapat beberapa jenis PJJ yang setiapnya melibatkan rawatan berbeza.

■1040

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat YBM. Engku Naimah binti Engku Taib pada 12 Disember, yang minta Kementerian Kesihatan menyatakan setakat mana kerajaan telah mengesan *rare diseases* iaitu yang menyentuh tajuk yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Penyakit jarang jumpa, ataupun *rare diseases* adalah penyakit genetik yang berpunca dari kekurangan enzim tertentu yang diperlukan untuk metabolisme badan. Di antara penyakit jarang jumpa yang ada di dalam Malaysia adalah penyakit *lysosomal storage disease* yang ada pelbagai jenis penyakit di bawah kategorinya dan lain-lain lagi. Kebiasaannya pesakit yang mengalami yang ada penyakit ini mereka akan mengalami kerosakan organ yang teruk dan ketidakupayaan fizikal atau mental serta berakhir dan kalau penyakit ini tidak diberi rawatan dia akan berakhir dengan maut. Rawatan untuk penyakit

jarang jumpa ini atau *rare diseases* dengan menggunakan rawatan yang dipanggil *enzyme replacement therapy*.

Di dalam bajet tahun 2018, kerajaan telah bersetuju untuk memperuntukkan RM10 juta bagi merawat pesakit-pesakit *rare diseases* dengan pembelian ubat *enzyme replacement therapy* dan peruntukan ini RM10 juta ialah cuma untuk 10 orang pesakit yang sedang di dalam senarai menunggu untuk mendapatkan rawatan ERT di Hospital Kuala Lumpur. Pesakit-pesakit ini dirawat oleh Pakar Perunding Kanak-kanak yang khusus dalam bidang genetik dari Hospital Kuala Lumpur. Pesakit-pesakit ini merupakan pesakit yang mempunyai prognosis yang baik sekiranya diberi rawatan ERT. Memandangkan kos rawatan bagi ERT ini adalah sangat tinggi, maka satu Jawatankuasa Teknikal untuk ini telah ditubuhkan di kementerian yang dianggotai oleh pakar-pakar genetik daripada hospital-hospital kementerian dan juga hospital universiti. Jawatankuasa ini akan meluluskan permohonan pesakit-pesakit ini dengan mengambil kira beberapa kriteria.

Penyakit-penyakit ini bukan dikatakan satu penyakit yang membawa ancaman kesihatan awam tetapi dia membawa ancaman kepada diri seseorang pesakit. Daripada kajian yang telah dibuat di antarabangsa, kalau mereka tidak diberi rawatan yang mencukupi 30 peratus daripada mereka yang mendapat penyakit ini akan menghadapi kematian sebelum umur lima tahun. Itulah sebab ada keperluan untuk memberi rawatan, tetapi seperti yang saya telah jelaskan tadi rawatan untuk penyakit ini terlampau mahal dan anggarannya untuk setiap pesakit untuk tiap-tiap tahun untuk satu pesakit lebih kurang RM1 juta. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan?

Puan Bathmavathi Krishnan: Soalan tambahan saya ialah, memandangkan yang ubatan khas diperlukan oleh mereka yang tergolong di bawah penyakit jarang jumpa ini, tidak dikeluarkan secara komersial oleh syarikat-syarikat farmaseutikal, bolehkah kerajaan mengeluarkannya secara *often drug* yang mana memerlukan penyelidikan dan juga penggubalan akta yang relevan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ahli Yang Berhormat, di seluruh dunia, jumlah pesakit yang menghadapi penyakit ini ialah satu jumlah yang begitu kecil. Oleh itu di seluruh dunia syarikat yang membekalkan ubat ini sejauh pengetahuan saya cuma dua syarikat sahaja. Tidak ada inisiatif oleh syarikat-syarikat yang lain untuk melabur di dalam penyelidikan untuk menghasilkan ubat-ubat baru kerana tiada *the economics of scale*. Contohnya di dalam negara kita kalau kita ambil mungkin 10 atau 20 jenis *rare diseases* di dalam negara kita, di dalam satu tahun cuma ada 50 atau 70 kes baru sahaja. Itulah sebab di seluruh dunia tidak ada inisiatif supaya ia dijadikan sebagai satu perkara komersial yang lebih luas.

Apa yang kita sedang buat di dalam negara kita supaya mereka yang telah ada penyakit ini boleh mendapat rawatan ialah satu untuk memudah cara proses-proses yang ada di dalam kerajaan supaya pengimportan atau pembawa masuk ubat ini daripada luar negara itu boleh dipercepatkan kaedah birokrasi boleh dikurangkan seboleh-bolehnya. Akan tetapi kalau soalnya adakah negara kita mengambil langkah-langkah untuk menghasilkan itu daripada *cost effectiveness* dan daripada jumlah pelaburan yang diperlu untuk melabur di dalam *research and*

development untuk ini ialah begitu tinggi ialah satu perkara yang mungkin tidak berlaku pada masa sekarang.

So, apa yang kita sedang buat ialah untuk kerjasama di bidang antarabangsa. Di bidang antarabangsa untuk kerjasama dengan pihak saintis di dalam negara-negara yang lain yang membuat kajian di dalam bidang ini supaya melalui kerjasama ini kita boleh meningkatkan lagi peluang-peluang rawatan kepada pesakit-pesakit ini.

Di Malaysia kita sedang dalam usaha untuk mewujudkan satu tabung amanah khusus melalui di mana mungkin kita boleh menggunakan kaedah peruntukan daripada kerajaan, kaedah bantuan daripada pihak swasta khususnya syarikat-syarikat melalui CSR mereka untuk bantu di dalam menambahkan dana yang ada supaya lebih banyak pesakit ini boleh diberi rawatan dan boleh diberi rawatan optimum dan boleh diteruskan sepanjang hayat mereka. Itu yang tujuan kita. Memang ini satu cabaran yang besar kerana kos rawatan ialah satu orang kadang-kadang RM500 ribu sampai RM1 juta.

Kalau mereka jadi lebih besar kos lebih besar kerana jumlah ubat yang diperlukan lebih banyak kerana dia ikut berat badan. Itu satu cabaran *ethical* untuk saya pun sebagai Menteri bila dihadapi dengan situasi ini. Adakah kita akan belanja RM15 juta, RM10 juta untuk 10 orang? Atau gunakan RM10 juta itu untuk memberi rawatan untuk penyakit-penyakit yang lain di mana dia boleh sampai 10 ribu orang. Ini satu soalan susah untuk dijawab. Oleh itu kita di dalam krisis etika ini di dalam menghadapi situasi ini kerana daripada sudut individu dia akan membawa perubahan kepada mutu dan nilai kehidupan mereka. Akan tetapi daripada sudut kerajaan yang mempunyai dana yang had macam mana kita akan menggunakan had ini, dana ini supaya dia sampai kepada satu jumlah pesakit yang lebih luas. Bukan satu soalan yang boleh dijawab dengan senang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

4. Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, bagaimanakah kerjasama antara kementerian dengan Tenaga Nasional Berhad dan Suruhanjaya Tenaga dalam memberi pendedahan teknologi terkini kepada kontraktor tempatan untuk merancang pembangunan akses sambungan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa] Kalau bukan bulan empat tidak payah jawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Bulan empat tidak lama lagi. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah atas soalan yang telah diajukan. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menerusi Suruhanjaya Tenaga bersama-sama Tenaga Nasional Berhad (TNB) sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran dan memberi pendedahan teknologi terkini kepada kontraktor-kontraktor tempatan dan memastikan pembangunan infrastruktur bekalan elektrik dapat dilaksanakan melalui kontraktor-kontraktor tempatan. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah seperti berikut.

Satu, pembangunan modul dan program latihan oleh Suruhanjaya Tenaga, dan *TNB Integrated Learning Solutions* (ILS) seperti modul papan suis voltan rendah dan kawalan motor, modul kendalian pencawang 11kV ataupun 33kV.

Kedua, mewujudkan kategori kompeten baru seperti perakuan Penjaga Jentera BO terhad untuk merentang kabel mati dan pemasangan pencawang 11kV dan 33kV tanpa bekalan dan suisan. Sehingga ini, sebanyak 139 perakuan penjagaan jentera terhad telah dikeluarkan.

■1050

Ketiga, pentauliahkan institusi latihan untuk mengendalikan kursus-kursus voltan tinggi dan sehingga kini, sebanyak lima institusi latihan telah mendapat pentauliahkan daripada Suruhanjaya Tenaga seperti berikut:

- (i) *TNB Integrated Learning Solution*, Bangi, Selangor;
- (ii) Institut Teknologi Petroleum Petronas (INSTEP) Kuala Terengganu, Terengganu;
- (iii) Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Kinarut, Sabah;
- (iv) Pusat Latihan Teknologi Tinggi (EDTEC) di Kemaman, Terengganu; dan
- (v) Institut Teknikal SASB ILSAS, Kota Belud, Sabah.

Keempat, memberi latihan pemasangan dan kerja-kerja pembaikan pemasangan elektrik. Sehingga kini, 800 syarikat kontraktor tempatan telah menerima latihan ini.

Kelima, mengadakan latihan talian hidup untuk meningkatkan kompetensi kontraktor untuk melaksanakan tugas secara talian hidup. Sehingga kini, seramai 120 kontraktor tempatan telah dilatih dalam program ini. Usaha-usaha untuk meningkatkan kemahiran kontraktor tempatan dalam bidang elektrik akan terus dilaksanakan oleh KeTTHA dan Suruhanjaya Tenaga dan TNB bagi melahirkan tenaga kerja tempatan yang kompeten dan bertauliah selari dengan perkembangan teknologi elektrik terkini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan silakan.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian yang baru-baru ini telah pun diiktiraf berada di tingkat kelapan daripada 190 negara di dunia bagi kemudahan penyambungan elektrik- *getting electricity* yang telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri.

Ini menunjukkan bahawa Tenaga Nasional adalah salah sebuah syarikat yang diiktiraf oleh antarabangsa. Kebelakangan ini, Yang Berhormat Menteri, saya terbaca bahawa ada satu teknologi yang canggih yang telah pun diiktiraf di Amerika Syarikat dan ia mematuhi sektor *green technology*. Di Amerika, mereka sekarang telah menggantikan generator-generator dan solar-solar ini dengan *methanol fuel cells* dan kita faham bahawa *methanol* ialah *by product petroleum* dan Malaysia- *petrol refining* dan Malaysia juga salah satu negara yang kita ada *petrol refining* ini.

Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Kita ada sekolah, kita ada hospital di luar bandar dan sebagainya. Sekarang, generator sudah tidak dipakai lagi kerana *noise pollution*, dengan bisingnya, dengan baunya, dengan asapnya dan sebagainya. Teknologi ini *confirm to green technology sector*. Jadi apakah ada latihan-latihan yang dijalankan oleh

kementerian untuk rakyat Malaysia mengambil bahagian di dalam teknologi baru ini, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi. Tadi untuk menekankan pencapaian Malaysia seperti mana yang telah pun disentuh tadi. *World Bank Report on Doing Business* daripada 190 negara, kita negara yang nombor 8 dari segi kecekapan dalam penyambungan elektrik. Ini sebenarnya ialah kita punya jumlah hari kita boleh sambung dalam tempoh *average*, purata 31 hari daripada tarikh permohonan. Ini berbanding dengan 78 hari bagi negara-negara OECD. So itu *flat competency* yang ada di peringkat kontraktor kita dan juga dari segi pengurusan dasar dan sememangnya pengurusan tenaga oleh pihak TNB.

Mengenai teknologi baru, penggunaan metanol dan kita sebagai *fuel cell*, ini masih perkara yang baru. Namun sudah mulai terbukti seperti di Amerika Syarikat, pihak universiti-universiti tempatan termasuk UNITEN masih dalam proses aplikasi perkara ini dan ruang memanglah besar khususnya bagi dalam konteks penggunaan teknologi hijau. Nanti apa-apa perkembangan dalam perkara ini kita akan maklumkan kepada pihak umum dan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi begitu minat dalam perkara ini. Kita akan buat *lesson* dengan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tenaga tiada soalan tambahan? Yang Berhormat Puan Sopiiah binti Sharif. Silakan Yang Berhormat Menteri.

5. Puan Sopiiah binti Sharif minta Perdana Menteri menyatakan, pelan tindakan banjir di negeri-negeri di seluruh Malaysia khususnya Pulau Pinang, supaya kejadian banjir kilat yang berlaku dapat ditangani sepenuhnya pada masa akan datang. Apakah agensi-agensi yang telah digerakkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu mengurus banjir kilat di Pulau Pinang baru-baru ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, mengikut arahan nombor 20 Majlis Keselamatan Negara, setiap negeri perlu membentuk Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat negeri dan juga daerah. Jawatankuasa di peringkat negeri dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan sementara di peringkat daerah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Jawatankuasa peringkat negeri dan juga daerah telah mengadakan mesyuarat persediaan bagi menghadapi musim Monsun Timur Laut dan mengadakan pelan tindakan menghadapi bencana banjir di negeri-negeri masing-masing. Mesyuarat ini melibatkan kesemua agensi kerajaan di peringkat negeri dan daerah yang terlibat dalam pengurusan bencana.

Program dan tanggungjawab jawatankuasa negeri dan juga daerah masing-masing adalah antara lainnya ialah:

- (i) melaksanakan pelan tindakan dan hala tuju dalam mengendalikan sesuatu bencana;

- (ii) mengarusperdana langkah-langkah pengurangan risiko bencana;
- (iii) memantapkan sistem amaran awal bencana;
- (iv) melaksanakan latihan amal dan simulasi;
- (v) melaksanakan program pembangunan keupayaan diri dan kesedaran awam;
- (vi) mewujudkan jawatankuasa penilaian untuk mentafsir jumlah kerugian;
- (vii) mewujudkan pangkalan data, demografi dan logistik;
- (viii) mengemas kini profil kawasan berisiko bencana;
- (ix) menyelaras pengurusan dan bantuan bencana; dan
- (x) mewujudkan Pusat Kawalan Operasi Bencana apabila tiba waktunya.

Di samping itu, setiap negeri perlu menjadualkan program penyelenggaraan sistem perparitan dan pembersihan sungai bagi memastikan semua saliran air yang keluar ke sungai tidak tersumbat dan mengakibatkan banjir kilat. Program kesedaran awam perlu diperhebat untuk meningkatkan tahap kesedaran sivik masyarakat agar tidak membuang sampah merata-rata dan sentiasa bersiap siaga dalam menghadapi bencana terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan-kawasan yang berisiko seperti di tepi-tepi sungai dan juga lereng-lereng bukit.

Bagi kejadian banjir di Pulau Pinang pula, pelbagai agensi telah digerakkan tidak kira sama ada daripada agensi Kerajaan Persekutuan mahupun negeri, beruniform ataupun bukan beruniform. Agensi-agensi utama yang terlibat dalam pengurusan bencana banjir adalah PDRM, ATM, JPBM, Pasukan SMART, APM, JKM, Jabatan Kesihatan, RELA dan lain-lain lagi.

Saya kena bagi angka ini kepada Yang Berhormat untuk pengetahuan.

AGENSI	BILANGAN PEGAWAI (ORANG)
NADMA	20
Polis	542
Bomba	371
Pasukan Mencari dan Menyelamat (SMART)	50
APM	630
JKM	291
JKR	71
JPS	107
Pejabat Daerah	74
Kementerian Kesihatan	166
RELA	200
Majlis Perbandaran Pulau Pinang	479
Angkatan Tentera	345

Seramai 3,477 orang penjawat awam telah bertungkus-lumus dalam usaha memastikan kebajikan mangsa banjir di pusat-pusat perpindahan terpelihara. Usaha-usaha mencari dan menyelamatkan dikoordinasi memberi akses kepada perkhidmatan kesihatan dan perubatan, sokongan teknikal dan pakar serta memberi kawalan keselamatan. Kita memberi layanan diraja kepada mangsa banjir.

■1100

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada soalan tambahan Yang Berhormat? Yang Berhormat Puan Sopiah.

Puan Sopiah binti Sharif: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri dan Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan tadi. Sebelum saya mengutarakan soalan, saya ingin mengambil peluang mengucapkan bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, khasnya warga negeri Pulau Pinang bagi menyampaikan ucapan penghargaan terima kasih kepada Menteri, Timbalan Menteri, agensi penguat kuasa dan agensi Persekutuan yang hadir membantu banjir mengejut yang berlaku baru-baru ini di negeri Pulau Pinang.

Sesungguhnya segala bantuan Kerajaan Persekutuan yang dihulurkan begitu cekap dan begitu memuaskan bagi Barisan Nasional Negeri Pulau Pinang. Soalan saya, berapa kos yang ditanggung oleh kerajaan dalam mengendalikan bantuan banjir baru-baru ini? Nyatakan juga jenis bantuan dan peruntukan yang disalurkan kepada mangsa-mangsa banjir khususnya di negeri Pulau Pinang. Adakah aset-aset Persekutuan mencukupi cadangan pertambahan aset di masa hadapan? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Terima kasih di atas penghargaan yang diberikan kepada Menteri dan Timbalan Menteri. Saya ingat Yang Berhormat maksudkan ialah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Saya tidak ada Timbalan Menteri, saya keseorangan.

Yang Berhormat, berhubung dengan kos. Kos ini kita tidak dapat maklumkan secara terus sebab kos ini melibatkan anggota awam, 3,477 anggota begitu. Jadi kosnya kalau hendak kira kena kira gaji dan sebagainya.

Akan tetapi saya tahu Yang Berhormat maksudnya ialah apa yang telah kita bagi kepada mangsa banjir. Mangsa banjir telah diputuskan mereka yang berdaftar di pusat perpindahan, kita akan bagi wang ihsan kepada mereka. Saya tidak dapat menyampaikannya lagi sebab ada sedikit pertikaian dalam bentuk mereka yang tidak berpindah. Jadi, kita kena ingat di sini bahawa kita telah wartakan tempat-tempat perpindahan. Akan tetapi ada tempat perpindahan yang kita tidak wartakan tetapi mereka berpindah. Itu DO kena serta-merta, JKM ataupun APM kena serta-merta sampai dan membuat pendaftaran. Ketiganya adalah mereka terperangkap banjir. Dia terperangkap kerana dia tidak boleh keluar lagi sebab dikelilingi oleh banjir. Itu juga akan diambil kira di atas faktor-faktor tertentu.

Contohnya adalah macam Kampung Halus di Maran, Kampung Halus. Kalau ada wakil Orang Asli di sini, ada Kampung Halus di Maran. Dia ini rumah dia di atas bukit, air keliling 30 kaki. Di kampung itu, di seluruh kampung itu kita nasihat ke kawasan... *[Disampuk]* Kampung Embus, Kampung Embus- Embus ya?

Seorang Ahli: Embus.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Jadi saya isytiharkan sebagai kawasan perpindahan sebab ia dikepung oleh air. Jadi yang lain-lain itu kita bagi. Sekarang ini sebagai contoh Yang Berhormat, di Pulau Pinang itu kita bagi, kita cuba bagi yang terbaik kepada mereka

yang berpindah. Apabila mereka berpindah, kita bagi kemudahan makanan dan kita beritahu bahawa makanan *fresh* mesti diberi pada hari yang kedua. Oleh sebab hari yang pertama itu mungkin tidak sempat sebab kita hanya boleh bagi makanan kering, tetapi hari yang kedua kita bagi makanan yang *fresh*. Kecuali Terengganu, makanan *fresh* diberi pada hari yang pertama juga.

Di tempat-tempat lain kita ikut keadaan di mana tempat yang JKM ada kekurangan kakitangan ataupun kekurangan bahan yang diberi, NADMA akan tampung. Contohnya yang berlaku di Kelantan baru-baru ini, kita bagi segala bentuk kemudahan yang diperlukan termasuk dapur, bot kecil yang kita boleh beli serta-merta, toto. Jadi kita bagi termasuk sekiranya bilik air tersumbat, selalu kita perbaiki bilik air. Ini NADMA, Kerajaan Persekutuan masuk untuk menyelesaikan keadaan supaya mangsa banjir yang sudah pun mendapat dugaan Allah SWT tadi diberi layanan yang paling baik termasuk juga kita hantar kaunselor dan lain-lain lagi. Kita buat yang terbaik untuk memastikan supaya mangsa banjir selesa semasa di tempat banjir.

Jadi tentang kos ini Yang Berhormat, saya tidak dapat maklumkan kerana kalau hendak maklumkan, saya kena ambil kira banyak faktor. Gaji mereka, kita kena ambil kira benda itu. Akan tetapi untuk yang lain, *insya-Allah* wang ihsan dan juga bantuan semasa pusat pemindahan itu, kita tidak akan ada masalah. Malah Pulau Pinang ini kita ramai NGO dan sebagainya. Kebanyakan bantuan datang selepas banjir. Itu berlambak-lambak sebab kita hendak pastikan supaya mereka dapat diagihkan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wilfred. Silakan.

Tuan Wilfred Yong Chen Leong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. NADMA dan lain-lain agensi pengurusan bencana sudah bersiap sedia sejak awal lagi untuk menghadapi bencana banjir berbanding tahun 2014. Saya rasa Yang Berhormat Menteri setuju bahawa pada tahun ini kita telah menjadi lebih baik dan lebih bersedia. Oleh itu, soalan saya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki? Adakah terdapat lagi keperluan aset-aset yang perlu segera kita miliki dalam memastikan setiap operasi bencana banjir yang dijalankan pada masa hadapan akan menjadi lebih cekap dan berkesan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang cukup baik sebab saya hendak rakyat tahu perkara ini. Sekarang ini kita lihat bahawa memang ada kekurangan sedikit dari segi pendaftaran. Akan tetapi bukan kurang apa, cuma dari segi cara kita daftar itu agak lambat sikit. Akan tetapi kita tidak ada masalah sebab mereka berada di situ mempunyai tempoh yang cukup waktu untuk mereka mendaftar. Akan tetapi ke hadapan ini kita kena permodenkan sedikit. Contohnya kita membuat pendaftaran awal. Pendaftaran awal, jadi mereka yang tidak datang, kita tolak nama mereka.

Jadi pendaftaran awal ini dibuat untuk membolehkan bila mereka datang, mereka terus dapat berada di tempat perpindahan. Walaupun pendaftaran manual itu dibuat juga sebagai tanda yang mereka hadir, dalam pada masa yang sama mungkin ini kenangan untuk generasi akan datang. Saya masih menyimpan rekod 1986 banjir dan buku itu disimpan sampai hari ini. Tuan yang menyimpan buku itu saya bagi hadiah sebab dia menyimpan rekod-rekod seolah-olah

muzium. Saya melihat balik tandatangan yang lama dulu lain daripada sekarang. Okey yang pertama, itu yang pertama.

Keduanya, dulu pernah kita ada buat di sebuah negeri, kita buat sistem bapa angkat di mana tiap-tiap jabatan mesti menjadi bapa angkat kepada satu pusat perpindahan. Akhirnya, kita lihat pengurusan banjir telah berjalan dengan baik sebab jabatan kerahkan semua askar dia, semua staf dia turun ke padang untuk menjaga pusat perpindahan. Cuma sekarang ini di negeri yang berkenaan banjir tidak berlaku agak lama, jadi sistem bapa angkat itu dah terlonglai sikit tetapi masih bapa angkat itu datang setahun sekali untuk melihat sekolah yang berkenaan.

Di Kelantan baru-baru ini kita memperkenalkan sistem bapa angkat di mana contohnya katalah bapa angkatnya daripada pendidikan sebab sebahagian besar daripada pusat pemindahan ialah di sekolah. Mereka menjadi bapa angkat, mereka kerah staf dia turun bukan sahaja untuk menjaga kawasan pemindahan tetapi selepas pemindahan, kita perlu bersihkan kawasan rumah mangsa. Jadi, sistem bapa angkat ini akan merupakan satu pendekatan yang cukup baik di mana anggota kerajaan dan rakyat berpisah tiada.

Ketiganya ini kita sudah maklumkan iaitu kita menubuhkan *Civil Defense Emergency Response Team* (CDERT) ataupun pasukan penyelamat komuniti. Jadi kalau berlaku banjir, dia tidak perlu angkat telefon, gundah gulana. Dia sendiri sebagai ketua di situ sama ada JKK, Tok Empat, Guru Besar, dia pindahkan orang sementara bantuan pusat ini tiba di dalam satu jam ataupun dua jam, tetapi dia jangan gundah gulana untuk mengangkat telefon dan dia boleh terus membuka pusat pemindahan. Kalau sekiranya diperlukan sebelum dia kena rancang lebih awal, dia perlukan bot dan sebagainya, dia kena maklum.

■1110

Baru-baru ini NADMA masuk dan menyelesaikan banyak perkara, sebab orang minta bot. Bot kita bagi. Kalau dia minta hari ini esok kita bagi bot sebagai contoh. Jadi kita beli yang dalam pasaran. Seseengah tempat tidak cukup tempat tidur, kita bagi toto. Seseengahnya khemah tidak cukup, kita bagi khemah. Ini bukan kerja kami. Ini kerja kebajikan. Akan tetapi, ini menampung kebajikan yang mungkin kekurangan dalam masa terdekat, jadi kami bantu. Masa banjir, agensi kerajaan tidak berhak untuk menuding jari, orang ini kurang, orang ini lain. Tidak, semua sama dan kita pastikan yang mana yang kurang, kita tampung. Jawatankuasa Pengurusan Bencana itu penting dilihat sebagai jawatankuasa yang menguruskan bencana di peringkat daerah dan juga negeri.

Akan tetapi, dulu masa yang lepas sebelum NADMA ditubuhkan, selalu orang mempersalahkan MKN. Sebenarnya, salah. MKN dia bukan ada jentera di semua peringkat ini. Dia menyerahkan kepada kerajaan negeri dan juga pejabat daerah. Akan tetapi, sekarang ini kita ubah lagi. Turunkan lagi sampai ke bawah iaitu pasukan penyelamat peringkat komuniti. Semua Ahli Yang Berhormat hadir ini telah pun diberikan pangkat Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, diberi pangkat. Mereka kena ambil dari usaha. Pangkat itu bukan menunggu dari orang datang kepada kita, kita pergi kepada orang. Itu dia pangkat yang dibagi baru-baru ini.

Termasuklah kita bagi seseengah tempat macam tempat di Rantau Panjang. Abe Lah, balik hari itu dia kata orang sini tidak cukup kipas, kita bagi kipas. Dia kata bilik air selalu tersumbat,

kita perbaiki bilik air. Jadi kita hendak bagi keselesaan yang luar biasa. Itu sebab NADMA kali ini semua anggota kita turun padang. Menteri pun turun padang. Balik ini sebab ada soalan di Parlimen. Kalau tidak, kalau lapan hari bulan ini kalau jadi air pasang besar di Kelantan, Terengganu, kita akan hadir semula. Kita hendak pastikan supaya rakyat sentiasa terbela.

Saya sentiasa melihat bila berpindah, jadi wanita, anak-anak, lelaki, bila saya tengok mata mereka, jadi wanita ini seolah-olah mereka minta diberi perlindungan. Perlindungannya ialah khemah itu penting. Itu sebabnya kita telah menempah khemah dengan banyaknya, yang boleh kita dapat dalam masa seminggu dan ini akan kita keluarkan untuk memberi perlindungan kepada wanita dan anak-anak supaya tidak bersama dengan orang laki-laki ataupun mereka diletakkan di bilik-bilik darjah yang khas. Tidak boleh duduk sekali begitu sebab kita lihat sampai di saat-saat begitu ini sudah pasti mereka mencari orang yang boleh memberi perlindungan.

Yang lain-lain Yang Berhormat, penambahbaikan dibuat berdasarkan kepada keperluan kawasan itu, komuniti itu. Kalau komuniti itu perlu, kita akan laksanakan dengan terbaik. Bukanlah memberi segala-galanya tapi setakat yang boleh menyelesaikan masalah mereka. *Thank you.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kelmarin lagi hendak bercakap ini. Saya hendak terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim ini. Saya rasa ini Menteri yang paling layak sekali menjaga bencana alam. Cuma kita doakan biar dia sihat *walafiat* sepanjang masa supaya dia boleh bantu ataupun berkhidmat lebih hebat lagi. Sebab kita tengok pagi di Kelantan, tengah hari di Terengganu, petang di Perlis. Susah hendak cari Menteri ini dan dia pun pemurah, Tuan Yang di-Pertua. Itu Yang Berhormat tanya Dato' Seri Dr. Shahidan ini banyak lagi duit kah?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan pasal kesihatan?

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Soalan tambahannya pertama, banjir, banjir juga Tuan Yang di-Pertua, masa Dato' Seri Dr. Shahidan atau NADMA pergi melawat kawasan. Saya hendak tanya adakah NADMA ini memberi cadangan kepada JPS, JKR atau Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini punca banjir dia. Kena cadang. Kadang-kadang kalau kita cadang ini, dia orang tidak dengar sangat. Kalau cadangan itu daripada NADMA, saya ingat dia orang boleh *take care*, ambil tahu juga.

Kedua, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang berpindah ini ada kalanya namanya tercicir. Bila nama tercicir ini akan dapat tahu pada hari hendak bagi sumbangan RM500, wang ehsan kepada mangsa banjir yang berpindah. Yang nama tercicir ini Tuan Yang di-Pertua, saya minta dan hendak tanya Yang Berhormat Menteri, yang tercicir ini boleh buat rayuan bayar lagi kah atau padam di situ sahaja?

Ketiga, saya tengok masa MKN dulu. NGO-NGO kerajaan ini dibekalkan dengan bot, sampan. Akan tetapi, bila NADMA ambil alih ini saya tengok bot-bot dekat NGO semua ditarik balik. Sedangkan kepakaran untuk menyelamatkan mangsa banjir ini *local people*, orang tempatan. Jadi saya hendak tahu adakah bot ini akan diberikan lagi? Ataupun sebab NADMA tidak ada staf,

saya tahu. NADMA ini ada di KL sahaja, di negeri-negeri tidak ada. Adakah bot-bot ini akan dibekalkan kembali kepada NGO-NGO ini secara terlatih? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang yang sudah biasa dengan banjir. Tiap-tiap tahun banjir di Rantau Panjang dan di antara tempat yang paling menarik dalam sejarah banjir ini adalah Rantau Panjang sebab mereka ada Pesta Banjir. Jadi, luar biasa. Kalau siapa yang boleh dapat pergi Kelantan masa Rantau Panjang banjir pergilah ramai-ramai untuk melihat Pesta Banjir di mana mereka kepung buat macam *swimming pool*. Ibu bapa menjaga anak-anaknya berenang dan mereka ada pusat jualan dalam banjir. Jadi bolehlah hadir.

Jadi Yang Berhormat Rantau Panjang ini sering disebut. Walaupun saya pergi, dia tanya mana ketua bahagian, dia? Jadi dia tanya Abe Lah dulu. Saya kata, saya datang ini dulu, dia tidak boleh balik sebab kapal terbang dia tidak boleh mendarat. Saya gunakan cara-cara tertentu. Dia kata, "*Oh! Pesan dekat dia suruh datang juga*". Jadi dia balik hari kedua dia datang *alhamdulillah* dan tempat-tempat yang terpencil yang kami tidak sempat sampai, siapa pun tidak dapat sampai.

Saya terima masih pada Yang Berhormat Rantau Panjang telah sampai ke tempat tersebut. Saya suruh hantar bekalan dan kirim salam. Esoknya saya datang pula banjir sudah lari. Jadi rugilah. Kalau ada banjir jangan tunggu banjir kering baru hendak pergi. Banjir tidak tunggu kita. Jadi kalau hendak melihat sesuatu dalam kehidupan, masa itulah kita sampai masa banjir berlaku, bukan selepas banjir berlaku.

Okey, berbalik ke tajuk ini balik. Yang Berhormat menyebut beberapa perkara sama ada kita bincang dengan JPS ataupun tidak. Kita bincang Yang Berhormat tetapi ini bukan kementerian saya, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air akan menguruskan. Akan tetapi kita bagi cadangan sebab saya tengok air termenung di Tumpat dan juga Rantau Panjang serta Tanah Merah itu, penggunaan serta-merta mesti menggunakan pam besar ataupun pembukaan saluran apabila air surut.

Akan tetapi, pam itu penting sebab kita boleh pam masa air sungai tinggi. Ini serta-merta tetapi tebatan banjir itu juga harus dilaksanakan berdasarkan apa yang kita tengok masa banjir. Kalau hendak tengok masa di mana air lalu, di mana air tersekat, masa banjir. Akan tetapi, lepas banjir kita buat kajian kadang-kadang kita boleh salah kerana kita akan lalu di tempat yang tidak sesuai. Sekarang masa banjir, kita kena buat kajian serta-merta dan JPS atau *remote sensing* sedang membuat kajian setingkat demi setingkat dan ini akan digunakan oleh JPS untuk melaksanakan projek tebatan banjir.

Kemudian, yang keduanya nama yang tercicir. Nama itu ada tapi tercicir, bolehlah, tidak ada masalah, tercicir. Bendanya itu ada dalam poket tetapi tercicir, kita ambil baliklah. Akan tetapi, kalau nama tidak ada, diadakan, tidak bolehlah. Jadi itu sebab nama tercicir saya ingat tidak ada masalah. Akan tetapi kali ini saya akan minta supaya pejabat daerah tunjuk benda ini kepada Tok Empat atau JKKK kah ataupun Kolonel Kehormat Pertahanan Awam ini untuk sahkan semula sebab semua nama ini telah didaftar oleh kebajikan. Disahkan oleh Tok Empat, kemudian mari ke

pejabat daerah, melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan hantar kepada kami. Kami proses seminggu sahaja. Kita boleh keluarkan duit.

Sekarang ini bila nama tidak *tally* macam berlaku di Pulau Pinang, kita ada masalah teknikal sikit yang kita kena selesaikan sebab hari pendaftaran terakhir yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dia ada dalam 1,800 orang. Lepas itu, hari yang berikutnya telah naik kepada 3,000 orang dan sekarang sudah jadi ribu-ribu orang. Jadi itulah yang kita kena berhati-hati tentang perkara ini.

Pasal bot. Bot yang telah dibagi dulu tidak diambil balik Yang Berhormat, akan dibagi. Malah, baru-baru ini pun ada tiga tempat memohon lima biji bot. Kita bagi. Hari ini akan sampai bot itu kepada mereka. Jadi bot ini akan dibagi terus kepada NGO dan NGO yang tidak beruniform dengan uniform kerajaan kita akan uniform kan mereka. Kita akan APM kan mereka, kita akan bomba sukarela kan mereka, kita akan wataniah kan mereka, kita akan polis simpanan kan mereka.

■1120

Ini adalah di antara jabatan beruniform yang boleh kita benarkan untuk menjaga bot kita. Akan tetapi bagi NGO yang seperti Rantau Panjang dan sebagainya, bot yang diberikan oleh MKN itu boleh disimpan terus, tidak ada masalah.

Jadi saya harap apabila berlaku banjir, banjir dijangka berlaku berkelompok macam ini, pengurusan bencana kita uruskan dengan tidak ada masalah sebab ia berlaku berkelompok. Akan tetapi kalau ia berlaku seluruh negara seperti yang berlaku tahun 2014 dan 2015 Tuan Yang di-Pertua, kita telah memberi kemudahan kepada 650,000 orang mangsa banjir. Akan tetapi kita sendiri boleh menampung sebanyak 1.5 juta sehingga 2 juta orang. Jadi aset kerajaan, aset daripada NGO kalau digembleng, kita boleh menghadapi dalam apa keadaan sekali pun. *Insyallah*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

6. Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan, keterangan terkini tentang kehilangan MH370 dan adakah kerajaan jika ada keterangan baharu akan meneruskan usaha mencari pesawat itu.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, operasi pencarian pesawat MH370 oleh pasukan operasi melibatkan Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China di kawasan tambahan seluas 120,000 kilometer persegi di Lautan Hindi telah selesai dilaksanakan dan digantung pada 17 Januari 2017.

Keputusan menggantung operasi pencarian pesawat MH370 adalah selaras dengan persetujuan yang telah dicapai pada Mesyuarat Tripartite Peringkat Menteri di antara Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China yang telah diadakan pada 22 Julai 2016. Melalui mesyuarat tersebut, ketiga-tiga negara telah bersetuju sekiranya terdapat maklumat atau petunjuk baru yang

sahih dan kukuh ataupun *credible evidence* diperoleh, maka operasi pencarian selanjutnya akan dipertimbangkan.

Sehubungan dengan itu, pada 16 Ogos 2017, *Commonwealth Scientific and Industrial Research Organization* (CSIRO) dengan izin, telah mengeluarkan Laporan *Ocean Surface Drift - Part III* yang memperhalus corak arus laut ataupun *ocean drift pattern*. Berdasarkan maklumat dan imej satelit sedia ada, laporan tersebut memperhalus analisis awal yang terkandung dalam *First Principles Review Report* dikeluarkan oleh *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB) dengan memberi tumpuan ke kawasan seluas 25,000 kilometer persegi yang telah dikenal pasti sebagai lokasi baru yang berkemungkinan besar mengandungi bangkai pesawat MH370.

Dalam hubungan ini, pihak kerajaan sedang dalam rundingan dengan syarikat penerokaan dasar laut yang berpangkalan di Amerika Syarikat iaitu Ocean Infinity untuk memulakan misi baru pencarian pesawat MH370. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih atas jawapan yang diberi tetapi di sini saya hendak tanya, selain daripada syarikat yang sedang menghubungi Kementerian Pengangkutan, adakah kerajaan setuju jika usaha-usaha yang lain, *private initiative* digunakan untuk mencari pesawat MH370 yang telah hilang dalam kawasan-kawasan yang masih tidak dicari oleh carian rasmi? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Pihak kerajaan bersedia berunding dengan mana-mana syarikat yang menawarkan pencarian ini. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada persetujuan dengan *tripartite* iaitu Australia dan negara China kerana ia sebagai *collective* dan berdasarkan kepada fakta-fakta analisa yang telah kita ada dalam kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya soalan itu, adakah bagi kepada *third party* buat masa sekarang?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya, kita akan bagi kepada *third party* sekiranya tawaran yang munasabah kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: So, masa sekarang tidak adalah?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Masa sekarang sedang dalam perundingan dengan *third party*.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Isu MH370, ia berlarutan sudah sekian lama, sudah bertahun lamanya. Pencarian hanya berpusat di Lautan Hindi sahaja, tidak ada usaha ke tempat-tempat lain. Ada macam-macam teori yang kita peroleh hari ini. Ada katanya pesawat ini disembunyikan di Pulau Diego Garcia, tempat pusat pangkalan tentera udara US dan berbagai-bagai lagi teori yang telah dilaksanakan yang menyebabkan kebingungan kepada masyarakat keseluruhannya.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, kenapa tidak ada usaha untuk mencari di tempat-tempat lain contohnya di Laut China Selatan? Ini sebab kita tahu pesawat dari Kuala

Lumpur yang akan ke Beijing, China. Mungkin kita boleh tafsirkan, mungkin sebelum sampai ke Lautan Hindi, mungkin di Laut China Selatan juga boleh berlaku. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan boleh tolong bagi faktor-faktor utama kenapa tidak diusahakan di tempat-tempat lain contohnya di Laut China Selatan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua. Memang betul kata Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya. Macam-macam teori. Memang dekat blog ini, macam-macam teori tetapi kita, kerajaan membuat pencarian ini berdasarkan kepada fakta. Apabila MH370 yang ke Beijing ini *disappeared*, hilang, radar tentera Malaysia telah mengesan daripada radarnya bahawa pesawat itu tidak terbang terus ke Beijing, dia buat pusing balik, *turning back*. Jadi apabila *turning back*, yang radar tentera kita boleh mengesan sampai di utara Langkawi, dekat utara Sumatera. Selepas itu, ia hilang.

Daripada itu, kita telah bekerjasama dengan pakar-pakar antarabangsa seperti daripada United Kingdom, Amerika dan termasuklah satelit Inmarsat daripada UK. Daripada data satelit Inmarsat ini, telah mengenal pasti bahawa pesawat ini bergerak selama lapan jam daripada ini kerana ia ada *ping* ataupun ada *contact detect* melalui *pings* ataupun *handshake*. Rumusannya, dia buat di selatan Lautan Hindi. Ini untuk makluman, memang terbukti benar apabila serpihan-serpihan dijumpai di Lautan Hindi seperti di Pulau Reunion.

Jadi ini menguatkan analisa pakar-pakar ini betul dan sebab itu dia fokus dekat Lautan Hindi. Setakat ini pun tidak pernah ada dijumpai serpihan di Lautan China Selatan. Saya ingat tidak ada jumpa dekat Terengganu atau dekat Kemboja, tidak ada. Jadi sebab itu kita fokus dekat sanalah. Itu faktornya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sebut tadi soal pencarian yang begitu lama. Jadi rakyat hari ini di bawah bertanya, apakah kos yang telah dibelanjakan oleh kementerian untuk pencarian sekian lama?

■1130

Baru-baru ini difahamkan tadi *Ocean Infinity*, syarikat baru daripada Amerika, adakah kos ini bertambah? Ini kerana fasa pertama, kita sudah hangus perbelanjaan digunakan untuk pencarian. Sekarang masuk fasa seterusnya dan berapakah kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan untuk pencarian fasa kedua ini? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, memang fasa pertama pencarian yang telah kita belanja lebih daripada RM200 juta. Yang Berhormat kata memang sudah hanguslah, tidak jumpa. Jadi, sekarang ini masuk fasa yang seterusnya. Ini kita sedang berunding dengan satu syarikat, kita hendak pastikan supaya ianya tidak hangus seperti kata Yang Berhormat tadi. Kita membuat satu *understanding upon success* ataupun *no fee no cure, no cure no fee*. Jadi, maknanya kalau perjanjian ini dengan syarikat ini, jumpa baru kita bayar, kalau tidak jumpa, tidak

bayar. Jadi, dalam perjanjian ini, kos dianggarkan antara USD20 juta hingga USD70 juta, bergantung kepada penemuan. Kalau penemuan itu dalam lingkungan 5,000 kilometer persegi, ianya USD20 juta tetapi sekiranya di luar daripada 25,000 kilometer persegi, maka bayarannya USD70 juta. Itu sekiranya dijumpai. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tamat sudah masa untuk soalan-soalan lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, "Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" [4 Disember 2017]

Tuan Yang di-Pertua: Sambung semula perbahasan bajet. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, silakan.

11.32 pg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. *Alhamdulillah robbilalamin wabihinasta'in*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan ruang dan peluang untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Terlebih dahulu saya melafazkan setinggi kesyukuran terhadap Allah SWT kerana dengan limpah izin dan limpah rahmat Nya, saya dapat turut serta dalam perbahasan Bajet 2018 ini. Pertama dan utamanya, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri dan selaku Menteri Kewangan Malaysia yang telah mengemukakan Bajet 2018 pada hari Jumaat, 27 Oktober 2017 yang lalu, di mana bajet ini adalah merupakan bajet yang ke-59 yang pernah dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan bajet kesembilan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Keduanya, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua di atas penganugerahan bintang yang membawa gelaran Tan Sri

kepada Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini, yang mana dengan penganugerahan bintang ini memantapkan dan memperkukuhkan kedudukan serta kepimpinan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua kerana baru-baru ini disambung semula jawatan bagi penggal yang kedua sebagai Senator dan juga sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Sesungguhnya Bajet 2018 yang dibentangkan kali ini adalah merupakan bajet yang paling istimewa, menarik dan menjiwai serta menyentuh hati nurani rakyat keseluruhannya kerana ianya merupakan suatu bajet yang meliputi semua lapisan masyarakat. Malah, termasuklah bayi yang masih dalam kandungan hinggalah warga emas, penjawat awam dan swasta, anggota keselamatan, polis, tentera, APM, golongan profesional dan rakyat marhaen seperti petani, nelayan, pekebun kelapa, pesawah dan peneroka FELDA serta peladang dan juga tidak ketinggalan, wanita di sektor awam dan swasta.

Pendeknya, suka saya menyatakan bahawa Bajet 2018 ini sangat menyeluruh dan boleh dikatakan tiada siapa pun, walau siapa pun rakyat Malaysia, ianya tidak boleh menafikan bahawa mereka ini menerima manfaat daripada bajet ini. Bajet ini bukan sahaja realistik dan berpijak di bumi yang nyata tetapi ianya suatu bajet yang berpandangan jauh, melangkaui beberapa generasi mendatang seperti generasi TN50.

Lebih dari itu, bajet ini menjadi bukti di atas kejayaan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib semenjak tahun 2009 lagi kerana biar pun menghadapi pelbagai cabaran dan fitnah di dalam dan di luar termasuk kegawatan ekonomi dan krisis dalaman, namun dengan tawaduk, ianya dapat dihadapi dengan tenang dan akhirnya mencapai kejayaan. Sesungguhnya Allah akan sentiasa bersama orang-orang yang sabar dan jujur dalam perjuangan membela rakyat... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Bajet 2018 ini adalah merupakan ibu bagi segala bajet kerana ianya merupakan peruntukan bajet yang tertinggi pernah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan memperuntukkan sebanyak RM280.25 bilion dan peruntukan RM234.25 bilion atau 83.5 peratus untuk perbelanjaan mengurus dan RM46 bilion atau 16.425 peratus untuk perbelanjaan pembangunan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, kenapakah peruntukan perbelanjaan mengurus agak tinggi iaitu sebanyak 83 peratus manakala peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan hanyalah RM46 bilion ataupun 16.4 peratus?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menarik perhatian Dewan yang mulia ini. Sebagai perbandingan Bajet 2018 ini, kita boleh merujuk kepada peruntukan kewangan untuk Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar iaitu di muka surat 219 Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018 yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia yang memperuntukkan RM2.53 bilion bagi tahun 2018 dengan peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak RM1.1 bilion atau 43.7 peratus dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM1.4 bilion atau 55.3 peratus. Peruntukan seperti ini jelas menunjukkan kecekapan pengurusan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

■1140

Selalunya Belanja Mengurus begitu besar sehingga melebihi 72 peratus dan Belanja Pembangunan hanyalah 16 peratus. Makanya, peruntukan kewangan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini menunjukkan sebaliknya. Untuk Belanja Mengurus 55 peratus dan perbelanjaan selebihnya ialah 43.7 peratus untuk Belanja Pembangunan. Tahniah.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya menimbang dan memberikan peruntukan yang lebih untuk kementerian ini khususnya bagi projek pembangunan seperti projek kawalan hakisan pantai seperti di kebanyakan pantai di Terengganu, tebatan banjir, benteng sungai dan laut serta tanaman pokok bakau dan lain-lain pokok di persisiran pantai.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hari ini juga di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib adalah kerajaan yang bertanggungjawab dan bijaksana serta berwawasan bukan sahaja untuk generasi masa kini tetapi melangkaui beberapa generasi di masa hadapan. Kalau Kerajaan Melayu Melaka boleh bertahan selama 100 tahun sebelum tumpas kepada kuasa besar Portugis pada tahun 1511, kita mahu kerajaan yang ada pada hari ini terus bertahan lebih daripada itu, malah selama-lamanya dan kita tidak akan membenarkan anasir yang dalang dari dalam dan luar negara sebagai ejen yang menghancurkan dan meleburkan tamadun negara Malaysia yang tercinta ini. Perpaduan dalam kepelbagaian bangsa, agama, budaya dan adat resam mesti dipertahankan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah dan usaha dan agenda kerajaan bagi memastikan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, etnik, agama, budaya dan keturunan termasuk bagi memastikan integrasi nasional antara rakyat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, bajet ini juga adalah merupakan bajet yang berpandangan jauh dengan bertemakan, 'Memakmur Ekonomi Inklusif, Mengimbangi Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Menyejahterakan Kehidupan Rakyat Menuju Aspirasi TN50'. Saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib kerana sepanjang tahun 2017, dia telah berjaya mencapai kejayaan. Antaranya, mencapai sasaran 60 peratus bagi mewujudkan sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. Mencapai eksport negara tertinggi sebanyak RM80 bilion pada bulan Ogos 2017. Rizab antarabangsa kini mencatat USD101.4 bilion ataupun RM428.7 bilion. Pendapatan per kapita rakyat daripada RM27,819 pada tahun 2010 berjaya dinaikkan kepada RM40,713 pada tahun 2017 dan dijangka akan mencapai RM42,777 menjelang tahun 2018. Pendapatan isi rumah B40 telah meningkat daripada RM2,629 pada tahun 2014 kepada RM3,000 pada tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan dalam bajet ini untuk menyediakan infra rakyat yang berkualiti termasuklah lebuh raya, menaikkan jalan persekutuan, jalan negeri dan jalan luar bandar.

Sehubungan dengan itu, saya ingin membangkitkan cadangan pembinaan jajaran Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) yang menghubungkan Gemuroh di Terengganu ke Tumpat di Kelantan. Pembinaan lebuh raya ini amatlah penting memandangkan kesesakan yang sering

berlaku setiap kali musim cuti dan perayaan. Adalah dianggarkan lebih tiga juta kenderaan balik ke Kelantan setiap kali hari raya. Seperti semasa Hari Raya Aidilfitri 2016 yang lalu, kesesakan di Tol Kuala Terengganu di Kampung Gemuroh dikatakan sesak sehingga 30 kilometer. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah status cadangan pembinaan LPT3 ini dan adakah kerajaan bercadang untuk meneruskannya?

Saya juga difahamkan kerajaan berhasrat untuk menaikkan taraf jalan Kuala Terengganu ke Kota Bharu mulai Sungai Tong dan Jalan Pantai dari Kuala Nerus ke Besut melalui Penarik, Tembila hingga ke Kampung Raja Besut. Adalah dijangkakan lebih 100,000 buah kenderaan melalui jalan ini sebelum Hari Raya Aidilfitri 2016 yang lalu. Saya berharap kerajaan akan segera mengkaji untuk menaikkan taraf Jalan Pantai dari Kuala Nerus ke Besut ini dengan segera sebagai jalan alternatif kepada cadangan projek LPT3.

Saya juga ingin menyentuh berhubung Lebuhraya Pantai Timur (LPT2) berkait dengan mutu jalan. Adalah didapati mutu jalan dari kilometer 285 hingga 330, dari Jabor ke Kuala Terengganu, didapati kurang memuaskan. Pembuatannya agak kasar dari segi pandangan mata dan permukaan yang tidak rata. Bagaimanapun, saya dapati terdapat beberapa bahagian dari jalan ini telah pun dibaiki. Namun, beberapa bahagian jalan daripada kilometer 303 hingga kilometer 316 didapati jalannya tidak rata dan berlubang serta merbahaya kepada kenderaan, terutamanya pada musim-musim tengkujuh ini. Saya berharap kerajaan dapat menyiasat dan seterusnya membaiki jalan ini.

Selain itu, saya masih juga menerima aduan terdapat binatang ternakan terutamanya lembu masih lagi berkeliaran di LPT2 ini termasuk pada waktu malam dan sudah pasti akan membahayakan pengguna. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi memastikan LPT2 ini diselenggarakan dengan baik termasuk memastikan mutu jalan raya yang baik dan tidak membahayakan pengguna LPT2 terutamanya semasa hujan? Apakah langkah kerajaan bagi memastikan tidak ada binatang atau haiwan ternakan berkeliaran di atas lebuhraya ini?

Berhubung dengan LPT2 ini juga, saya ingin membangkitkan ketiadaan lampu jalan di persimpangan Dungun dan Durian Mentangau selepas plaza tol. Walaupun lampu telah dipasang di persimpangan tersebut tetapi lampu tidak dinyalakan. Jalan ke Kampung Serdang iaitu jalan ke Kuala Dungun dan Durian Mentangau tersebut sangat gelap dan kecil. Saya dapati ada tanda-tanda telah berlaku beberapa kemalangan di jalan tersebut dan saya minta lampu di jalan berkenaan hendaklah dinyalakan. Tiada guna kalau sudah pasang tiang dan lampu tetapi tidak menyala.

Berhubung dengan infra rakyat dan memastikan limpahan ekonomi yang lebih seimbang di antara bandar dan luar bandar, saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk memperkembangkan infrastruktur logistik dan pengangkutan antaranya, pembinaan Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur atau *East-Coast Rail Link* (ECRL) yang menghubungkan Pelabuhan Klang ke Pangkalan Kubor, Kelantan dan juga menghubungkan Terengganu dan Pahang. Projek ECRL ini melibatkan laluan sejauh 600 kilometer dan dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2030. Fasa pertama melibatkan landasan yang menghubungkan Gombak, Selangor ke Dungun, Terengganu yang

bermula tahun hadapan dan dijangka siap pada tahun 2020. Saya ingin mendapatkan penjelasan, setakat manakah kemajuan projek pembinaan ECRL ini dan adakah ia berjalan mengikut jadual?

Keduanya, saya ingin menyentuh berhubung dengan sektor keselamatan, sektor kesihatan. Saya ingin menyentuh berhubung dengan sektor kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang begitu komited dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Bajet 2018 ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM27 bilion. Kementerian Kesihatan diberikan peruntukan RM24.74 bilion sebagai belanja mengurus dan RM1.8 bilion sebagai belanja pembangunan.

■1150

Bagi Bajet 2018 ini, kerajaan memperuntukkan RM2.5 bilion untuk bekalan ubat dan RM1.6 bilion untuk barangan *consumable* dan sokongan perubatan. Saya mendapat maklum balas daripada pesakit yang menghadapi masalah bagi mendapatkan ubat kerana pembekalannya kini terhad kepada mendapatkan bekalan ubat untuk satu atau dua minggu sahaja. Sedangkan sebelum ini bekalan ubat diperoleh untuk satu bulan dan ini menyebabkan kesukaran kepada pesakit yang terpaksa berulang alik untuk mendapatkan bekalan ubat. Selain itu juga bekalan ubat yang sering ditukar jenisnya menyebabkan pesakit menjadi keliru. Saya berharap Kementerian Kesihatan dapat memperjelaskan berhubung dengan isu bekalan ubat ini.

Berhubung dengan kesihatan ini juga kerajaan telah memperuntukkan RM10 juta bagi menampung kos *rare diseases* yang kian meningkat dan RM30 juta disediakan untuk Program Komuniti Sihat Perkasa Negara ke arah kesedaran penyakit tidak berjangkit (NCD). Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah *rare diseases*, dengan izin, yang telah dikenal pasti oleh KKM? Adakah ia merupakan *infectious diseases*, dengan izin, serta setakat manakah *rare diseases* ini telah menjangkiti dan merebak di kalangan rakyat Malaysia? Serta apakah langkah pengawalan dan pencegahan bagi *rare diseases* ini?

Memandangkan 73 peratus kematian rakyat negara ini adalah berpunca daripada NCD, apakah status terkini NCD di negara ini? Apakah langkah kerajaan bagi membendung dan menangani NCD di kalangan rakyat negara ini khususnya penyakit jantung, diabetes, asma dan kanser? Serta setakat manakah Malaysia telah mencapai sasaran atau *target* bagi mengurangkan NCD negara ini mengikut Pelan Strategik Kebangsaan NCD 2010-2024? Apakah perancangan kerajaan dari segi kesihatan bagi menghadapi negara yang menjadi negara penuaan menjelang 2035? Nyatakan dasar objektif dan matlamat serta polisi kerajaan bagi penjagaan dan rawatan kesihatan warga emas untuk memastikan kesejahteraan dan kebahagiaan warga emas di negara kita ini?

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kesihatan ini saya ingin membangkitkan mengenai Klinik Kesihatan Batu Rakit iaitu di Wakaf Tengah Kuala Terengganu dahulu dan sekarang ini di Kuala Nerus. Klinik ini berkedudukan ke-104 daripada 3,600 klinik kerajaan dan bertaraf 3.5 Bintang. Klinik Kesihatan Batu Rakit ini telah berusia lebih daripada 50 tahun, sebab saya sendiri dahulu masa kecil-kecil memang pergi ke klinik ini. Saya ingat sama dahulu dengan sekarang ini masih lagi klinik yang sama. Dalam Bajet 2018, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk menaik taraf hospital dan klinik ini.

Sehubungan dengan itu, saya berharap kerajaan akan dapat menaiktarafkan dan meningkatkan kemudahan di Klinik Kesihatan Batu Rakit ini memandangkan klinik ini menerima pesakit yang ramai setiap hari di antara 300 hingga 500 orang. Kalau berlaku hujan, terutamanya pada musim tengkujuh ini banyak klinik-klinik yang peralatan yang tidak dapat digunakan kerana masalah kebocoran dan sebagainya. Saya mohon dan saya mencadangkan dan saya menjemput Yang Berhormat Menteri ataupun pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kesihatan untuk turun padang melawat klinik ini bagi melihat keadaan sebenar apa yang berlaku di klinik tersebut ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya ingin menyentuh berhubung dengan pertanian dan industri asas tani. Saya amat menghargai langkah kerajaan yang menyediakan peruntukan paling besar iaitu sebanyak RM6.5 bilion kepada golongan marhaen seperti pesawah, petani, peladang, nelayan, pekebun kecil, penternak dan penoreh getah. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan pada semua lapisan masyarakat dan memenuhi janji untuk terus membela rakyat. Saya mengalu-alukan peruntukan RM2.3 bilion bagi bantuan insentif baja dan input pengeluaran petani dan pesawah.

Saya juga mengalu-alukan peruntukan RM500 juta bagi menambah baik infrastruktur pengairan di kawasan pertanian. Saya juga menyambut baik langkah kerajaan menyediakan peruntukan RM200 juta bagi program penanaman semula getah dan selain daripada peruntukan sebanyak RM140 juta bagi program pembangunan dan penanaman semula kelapa sawit. Begitu juga peruntukan penanaman semula kelapa sebanyak RM30 juta. Saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan bantuan sara hidup juga kepada pekebun kelapa sawit dan pekebun kelapa sebagaimana yang diberikan kepada nelayan, penoreh getah dan pesawah padi?

Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan kemajuan luar bandar. Saya amat mengalu-alukan langkah kerajaan yang memberikan fokus khas kepada Orang Asli seperti RM50 juta bagi program bantuan makanan komuniti, insentif RM3,000 untuk bantuan kepada ibu bapa serta perbelanjaan persediaan persekolahan anak-anak dan menyediakan peruntukan sebanyak RM60 juta bagi program pembangunan bersepadu Orang Asli serta bayaran khas *One-Off* sebanyak RM1,500 kepada Ketua Kampung dan Tok Batin, 'Dato' Isa'.

Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk merancakkan usaha pemilikan rumah dengan peruntukan RM2.2 bilion termasuk bagi membina 17,300 unit rumah Projek Perumahan Rakyat dan 3,000 unit rumah di bawah Program Mesra Rakyat di bawah SPNB. Selain itu, RM200 juta untuk penyelenggaraan dan pembaikan rumah. Saya ingin mendapatkan penjelasan, berapa banyakkah rumah telah dibina di bawah Program Perumahan Rakyat dan Program Mesra Rakyat di negeri Terengganu bagi tahun 2016 dan 2017 serta cadangan bagi tahun 2018?

Saya ingin menyentuh berhubung dengan Dasar Transformasi Nasional (DTN). Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2018 telah menyentuh berhubung dengan program kerajaan yang telah memperkenalkan Program Transformasi Nasional yang kemudiannya

berpayung di bawah Dasar Transformasi Nasional atau DTN yang menjadi dasar bagi Bajet 2018 ini.

Mengimbas kembali dasar-dasar pembangunan negara adalah terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971 hingga 1990. Kemudiannya diikuti dengan Dasar Pembangunan Nasional 1991 hingga tahun 2000, Dasar Wawasan Nasional 2001 hingga 2010. Masih segar dalam ingatan dan terpahat di hati slogan, "1Malaysia- Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan" yang kemudiannya disusuli dengan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dengan tujuh NKRA, Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan 12 NKEA, Modal Baharu Ekonomi (MBE) dengan lapan siri dan Program Transformasi Politik yang menyaksikan proses besar islah undang-undang bagi membolehkan Malaysia menjadi sebuah negara yang moden, progresif dan sekali gus demokrasi yang berfungsi. Kemuncak kesemua program dan inisiatif ini akan berpayung pada Dasar Transformasi Nasional atau DTN yang mula berlangsung pada tahun 2011 hingga 2020.

Dasar Transformasi Nasional inilah yang diterjemahkan dalam Bajet 2018 ini. Sekali gus membuktikan kejayaan dan kehebatan Yang Amat Berhormat, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia...

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Panjang lagi?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Habis. *Last* ni. Dua minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, ringkaskan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Saya ingin menyentuh berhubung dengan TN50, dan Bajet 2018 ini memfokuskan kepada generasi TN50 dengan menjadikan petunjang kedua iaitu menuju aspirasi TN50 yang menjadikan negara bangsa yang unggul agar Malaysia terjuang dalam 20 negara terbaik.

Kerajaan telah berjaya mengumpul lebih daripada 80,000 aspirasi melibatkan 1.8 juta yang terdiri dari berbagai-bagai golongan seperti belia mahasiswa, penjawat awam, penggiat seni, pendidik dan pihak swasta. Saya mengalu-alukan inisiatif yang diambil bagi menjayakan TN50 ini termasuklah dana tabungan permulaan di PNB yang dikenali sebagai Amanah Dana Anak Malaysia 2050 atau ADAM50 dan pelbagai inisiatif untuk generasi di TN50.

■1200

Saya yakin dengan sokongan dan dukungan generasi ini maka TN50 akan tercapai dengan jayanya. Akhirnya, saya ingin menyentuh hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi yang *par excellent* duniawi dan *par excellent* ukhrawi.

Dalam hubungan ini, kerajaan sewajarnya mengatasi masalah perbezaan mazhab di negara ini. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Ke-14 yang diadakan di Johor Baharu pada 22 hingga 23 Oktober 1985 mengenai mazhab muktabar, dan fikah Islam, menetapkan setiap negeri-negeri di negara ini hendaklah mendasarkan fatwanya kepada Mazhab Syafie. Bagaimanapun timbul gerakan mencabar autoriti dalam Mazhab Syafie dengan menimbulkan ijthad, ikhtilaf, islah dan bidaah tetapi perubahan itu tidak menjadi kenyataan sebaliknya yang berkembang ialah pemahaman bidaah sempit yang membawa kepada pertelingkahan berterusan seperti bacaan

Qunut, wirid beramai-ramai selepas solat dan bacaan talkin, bacaan Yasin pada malam Jumaat dan lain-lain.

Penerokaan dan perbincangan ilmu pelbagai bidang serta mazhab boleh dilakukan tetapi dalam konteks amalan perundangan dan kehakiman, hukum atau fatwa mesti terikat kepada Mazhab Syafie yang ditetapkan negara. Tujuannya adalah untuk memudahkan pelaksanaan hukum di peringkat pemerintah dan amalan dalam kalangan masyarakat selain memperkukuhkan ikatan perpaduan serta persaudaraan Islam.

Saya ingin mendapatkan penjelasan setakat manakah ajaran Ahli Sunah Wal Jamaah diamalkan di negara ini terutamanya Mazhab Syafie dan apakah langkah kerajaan bagi memberikan kefahaman kepada umat Islam, kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah khususnya Mazhab Syafie. Setakat manakah ajaran atau gerakan golongan Wahabi diiktiraf di negara ini dan kesannya daripada segi perpaduan umat Islam di negara ini dan apakah langkah kerajaan bagi menyelaraskan akidah dan ibadah dalam kepelbagaian mazhab di negara kita ini.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 2 dan 3 Mei 1996 bersetuju bahawa memperakukan ajaran Islam yang lain daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang Islam dan dengan demikian, penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang. Bagaimanapun ajaran Syiah mula meresap ke dalam jiwa rakyat Malaysia sejak tahun 1972 lagi. Saya ingin mendapatkan penjelasan, setakat ini berapa ramai kah ahli kumpulan Syiah di negara kita ini dan setakat manakah ia telah menular di kalangan pensyarah dan penuntut IPT dan apakah langkah kerajaan bagi mengekang penyebaran ajaran Syiah termasuk penguatkuasaannya.

Penutupnya Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa Bajet 2018 yang dibentangkan ini akan dapat mengetuk dan menyentuh hati nurani rakyat serta diterima oleh semua lapisan masyarakat dan menjadi landasan untuk melakar negara bangsa yang unggul terjuang dalam 20 negara terbaik dunia dalam erti kata memahat sejarah, mencipta tamadun.

Sekian terima kasih, *wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin telah memberi ucapan ataupun kupasan yang baik dan saya tengok dia membuat kajian yang menyeluruh dan tahniah ya Yang Berhormat Dato'.

Sekarang saya jemput pula sahabat kita daripada jauh, dari Sarawak ya, Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, dipersilakan.

12.04 tgh.

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: Selamat pagi, salam sejahtera, salam ibu pertiwi ku dan salam NegaraKu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya membahaskan Bajet 2018.

Terlebih dahulu, izinkan saya untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pengurniaan Darjah Bintang Kebesaran yang membawa gelaran "Tan Sri", oleh Duli Yang

Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Pengurniaan ini amat besar maknanya dan menunjukkan pengiktirafan terhadap peranan penting Dewan Negara.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Timbalan Tuan Yang di-Pertua untuk sambungan Timbalan Tuan Yang di-Pertua kali penggal kedua. Saya juga mahu mengucapkan, dengan izin, *warmest welcome* kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang baru ke Dewan yang mulia ini. Saya juga mahu mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan untuk berkhidmat negara kepada Ahli-ahli Yang Berhormat *just retired*.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada pucuk pimpinan kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri serta Menteri Kewangan kerana telah bertindak dengan proaktif dan bijak dalam menyusun serta melaksanakan strategi ekonomi demi memastikan ekonomi Malaysia terus ampuh dan berdaya saing. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menyediakan satu bajet yang memberi fokus kepada Sarawak dan bukan seperti Bajet 2017 dahulu, Allahyarham Tok Nan labelkan Bajet 2017 *nothing much for Sarawak*, dengan izin.

Walaupun Sarawak mempunyai kurang daripada 10 peratus penduduk secara keseluruhan, namun telah, dengan izin, *contributing 10 to 20 percent of Malaysia GDP for long time*. Namun amat malang apabila Kerajaan Persekutuan memperuntukkan dana untuk tujuan pembangunan, Sarawak menjadi mangsa kerana walaupun penduduknya hanya 10 peratus daripada jumlah penduduk secara keseluruhan tetapi kawasan geografinya yang begitu luas merupakan satu cabaran yang besar. Dengan izin, *consideration for funding should not be best on population when come to Sarawak*.

Tuan Yang di-Pertua, secara peribadi saya kagum dengan semua yang dibentangkan di dalam Bajet 2018 kerana ia melambangkan komitmen kerajaan serta fokus dan impian untuk menjadi negara Malaysia negara berpendapatan tinggi dan menjurus ke tahap yang lebih baik menjelang tahun 2050 khususnya melalui Program Transformasi Nasional 2050. Bajet sebanyak RM280.25 bilion ini yang antara lain akan mengembalikan hasil kerajaan kepada rakyat dan seterusnya membantu ekonomi yang teguh. Terdapat usaha untuk menambahkan pendapatan rakyat dan juga menepati prasarana yang selesa untuk pelabur asing dan boleh memberikan daya tahan kepada ekonomi negara. Bajet ini juga dapat menepati kehendak semua kaum dan komuniti serta membantu rakyat di luar bandar agar dapat menikmati keselesaan pembangunan negara setara seperti mereka yang di bandar.

Pembangunan infrastruktur negara. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memberi peruntukan yang besar dalam pembangunan infrastruktur negara dengan jumlah sebanyak RM6.5 bilion. Pembangunan infrastruktur amat penting kepada sesebuah negara, dengan izin, *especially Sarawak with 70 percent of Sarawak budget amounted to RM5.745 billion for development*. Ini kerana ia merupakan pra syarat kepada pembangunan sosial ekonomi negara. Penyediaan infrastruktur yang berkualiti dan lengkap sememangnya merupakan asas kepada usaha negara untuk mencapai status negara yang maju. Pembangunan adalah penting bagi memastikan rakyat

mempunyai aset kepada kemudahan asas dan perkhidmatan seperti pengangkutan, komunikasi, elektrik dan air bersih.

■1210

Infrastruktur yang baik menjadi asas kepada penyertaan sosial serta perkembangan dan pertumbuhan ekonomi. Saya yakin bahawa lebih banyak kawasan yang sebelum ini kurang pembangunan infrastruktur akan menikmati pembangunan sosial ekonomi yang lebih giat di bawah peruntukan bajet ini. Berdasarkan kepada bajet ini, Sarawak dan Sabah mendapatkan peruntukan yang besar dalam pembangunan infrastruktur di kawasan pedalaman.

Saya percaya bahawa arus pembangunan infrastruktur yang terbaru ini akan merapatkan jurang di antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar, malahan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Komitmen berterusan kerajaan dalam memajukan dan menaiktarafkan infrastruktur telah menjadikan infrastruktur Malaysia sebagai salah satu yang termaju dalam kalangan negara perindustrian baru di Asia.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia dan Program Penyeragaman Harga. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan RM620 juta untuk kemudahan bekalan elektrik bagi 10,000 buah rumah di luar bandar di Sabah dan Sarawak daripada jumlah bajet seluruh negara sebanyak RM627 juta dan RM300 juta bagi memastikan 3,000 buah rumah di Sabah dan Sarawak mendapatkan bekalan air bersih daripada RM420 juta yang dibajetkan untuk tahun 2018 merupakan sesuatu yang amat dialu-alukan dan merupakan komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib. Dengan adanya kemudahan asas seperti air bersih dan bekalan elektrik itu, maka akan meningkatkan nilai dan taraf hidup untuk mereka yang disasarkan bagi memastikan pelaksanaan dan penyampaian kedua-dua kemudahan asas bekalan elektrik dan air bersih sampai ke sasaran dengan tepat dan berkualiti. Saya berharap juga supaya dana peruntukan ini disalurkan terus kepada pihak kerajaan negeri masing-masing kerana kami memiliki jentera pelaksana sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak RM80 juta bagi Program Penyeragaman Harga barangan keperluan asas di Sabah dan Sarawak menunjukkan keikhlasan Kerajaan Pusat untuk menangani masalah kos sara hidup yang tinggi di kedua-dua wilayah Borneo ini. Namun demikian, kita berharap jumlah peruntukan subsidi barangan dan pengangkutan termasuk gas memasak, tepung, minyak dan lain-lain yang disediakan dalam bajet ini akan dikuatkuasakan berdasarkan nisbah realistik sesuai dengan keadaan taraf hidup penduduk yang terdapat di Sabah dan Sarawak.

Ekonomi Digital. Tuan Yang di-Pertua, dalam proses memasuki era *The Fourth Industrial Revolution* (4IR) dan era digital ekonomi, kerajaan telah mendahului dan melaksanakan Dasar Digital Malaysia. Maka dengan Revolusi Perindustrian 4.0, mampu meningkatkan produktiviti daya saing dan pengurangan kos barangan. Persediaan yang sewajarnya dan pelan tindakan serta hala tuju untuk revolusi ini perlu dilakukan segera seperti menaiktarafkan *internet speed* dan memastikan penerimaan *internet* itu menyeluruh di seluruh negara. Kerajaan juga perlu memastikan perkakasan dan alatan komputer dapat dibeli dengan harga yang munasabah agar

proses pembelajaran dan penggunaan komputer dapat dipertingkatkan di kalangan rakyat. Insentif dan pengurangan cukai yang diberikan amat tepat pada masa dan ketikanya.

Namun, ketiadaan kepakaran ke arah ini akan menyulitkan keberkesanan usaha ini. Maka saya mohon supaya menyediakan tenaga kerja yang seiring dengan usaha ini melalui TVET dan yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa bersama *soft skill* seperti, *conversations in English*.

Di Sarawak, *Captain CM* Abang Jo, dan Patinggi Tok Nan, sejak mengambil alih jawatan sebagai Ketua Menteri yang keenam, berhasrat untuk mentransformasikan ekonomi Sarawak menjadi sebuah negeri yang terlibat dalam *digital economy*. Dewan Undangan Sarawak telah meluluskan bil *Sarawak Multimedia Authority* (SMA). *Sarawak Pay* telah dilancarkan pada bulan lepas dengan pembayaran tanpa melibatkan wang atau kad kredit, tetapi menggunakan telefon bimbit. Saya juga mengharapkan Kerajaan Persekutuan dapat membantu berkongsi *Digital Free Trade Zone* ke Sarawak. *Please help to bring Jack Ma to Sarawak*, dengan izin, bukannya sahaja setakat di Semenanjung Malaysia, memandangkan Sarawak dengan murah hati berkongsi dengan Semenanjung Malaysia selama 54 tahun. Oleh itu, saya berterima kasih kepada kerajaan memperuntukkan RM500 juta untuk negeri Sarawak adalah untuk membina lebih banyak telekomunikasi *tower* di seluruh Sarawak untuk menampung keperluan *high-speed internet community* yang diperlukan untuk pembangunan *digital economy* bagi Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan kejayaan ekonomi digital secara keseluruhan, negara memerlukan lebih ramai pakar dalam bidang ini. Malaysia dijangka akan mengalami kekurangan 3,000 orang pakar dalam bidang *cyber security* menjelang tahun 2020. Keadaan ini juga akan terasa oleh Sarawak sekiranya kekurangan dalam keupayaan dan kemahiran dalam pertahanan keselamatan *cyber security*. Sehubungan dengan itu, apakah rancangan kementerian khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi bagi melahirkan lebih ramai *graduates* yang mahir dalam bidang keselamatan *cyber security*? Saya juga berharap Kerajaan Pusat membantu Kerajaan Sarawak supaya tidak ketinggalan dalam era 4IR dalam penggunaan *digital economy*.

Kementerian Pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, sektor pendidikan perlu terus dibangunkan di Sarawak agar setanding dengan negeri-negeri yang lain. Bukan sahaja bangunan sekolah yang tidak mencukupi, malah banyak sekolah yang telah usang. Maka peruntukan sebanyak RM1 bilion akan membantu untuk membaik pulihkan dan menyelenggarakan keseluruhan sekolah yang usang. Bagi menyempurnakan pelaksanaan kerja-kerja baik pulih, kita berharap pihak Kerajaan Pusat akan menurunkan kuasa pengurusan dana kepada pihak kerajaan negeri agar pelaksanaan dapat dilakukan dengan cepat dan terus. Saya juga ingin mencadangkan agar pelaksanaannya tidak perlu mewajibkan penggunaan bahan *Industrialized Building Systems* (IBS) memandangkan kos bahan IBS yang agak mahal dan masih perlu dibekalkan berbanding dengan keperluan bahan sedia ada dan sesuai yang boleh diperolehi dari kawasan setempat di Sarawak.

Kementerian Pendidikan Tinggi. Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2018, Kementerian Pendidikan Tinggi telah mendapat peruntukan sebanyak RM13.9 bilion yang menunjukkan peningkatan sebanyak *12.7 percent* berbanding pada tahun ini iaitu sebanyak RM12.13 bilion. Peruntukan yang diberikan ini juga merangkumi peningkatan *13.63 percent* kepada belanja

mengurus dan *11.63 percent* kepada belanja pembangunan. Ini sesuai dengan pencapaian dan peningkatan pendidikan tinggi negara. Lima buah universiti di Malaysia telah tergolong dalam 300 universiti terbaik dunia. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada KPT di atas pencapaian yang membanggakan ini. Dengan izin "*Soaring Upwards*", Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) merupakan universiti awam kelima di Malaysia. Tahun ini adalah *silver anniversary*- 25 tahun. Namun sehingga hari ini, UNIMAS merupakan hanya sebuah universiti yang mempunyai Fakulti Perubatan di Malaysia tanpa ada *teaching hospital*.

■1220

Saya mengharapkan agar Kerajaan Persekutuan memandang serius perkara ini dan berlaku adil kepada pihak UNIMAS dan penduduk Sarawak.

Pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, menerusi Bajet 2018 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengisytiharkan tahun 2020 sebagai tahun Melawat Malaysia dengan menjadi tuan rumah kepada APEC, WCIT dan CHOGM. Pengisytiharan ini secara tidak langsung akan membawa sektor pelancongan negara ke tahap lebih baik yang akan dijadikan penanda aras bagi memperkasakan industri pelancongan negara menerusi NBOS bersama Lembaga Pelancongan Malaysia dan pembangunan industri lain di negara ini.

Bagi merealisasikan impian untuk mempergiatkan lagi sektor pelancongan di Malaysia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta bagi program pembangunan dan promosi pelancongan melalui kemudahan infrastruktur pelancongan, *homestay* dan program eko-pelancongan. Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya kawasan luar bandar di Sarawak turut menjadi sebagai sebahagian daripada agenda dalam mempergiatkan industri pelancongan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2020.

Kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kawasan geografi Sarawak yang besar maka perkhidmatan kesihatan di Sarawak menghadapi cabaran besar sama ada di kawasan pendalaman mahupun bandar. Berkaitan dengan perkhidmatan di bandar Sarawak amat memerlukan sebuah hospital kanser seperti Hospital Kanser di Putrajaya. Keadaan ini dapat mengelakkan beban yang terpaksa ditanggung oleh pesakit yang menggunakan perkhidmatan kapal terbang untuk mendapatkan rawatan. Berita yang menggembirakan ialah Sarawak sudah mempunyai pakar seperti onkologi dan kakitangan yang berkemahiran. Namun perkara yang menyedihkan ialah kita hanya dapat tengok sahaja memandangkan tiada peruntukan yang diberikan.

Negeri Sarawak kini terdapat 167 klinik di kawasan pendalaman yang memberi perkhidmatan kepada 328,594 penduduk. Namun, malang sekali apabila *140, 68 percent* klinik di kawasan pendalaman Sarawak tidak mempunyai doktor- *79, representing 47.3 percent* klinik tidak dibekalkan dengan air bersih. *58 klinik, 25.3 percent* klinik ini tidak mempunyai bekalan elektrik. Sebanyak 48 klinik, *28.7 percent* tidak dilengkapi dengan perkhidmatan telekomunikasi. Oleh itu, saya mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan memberi perhatian kepada perkhidmatan kesihatan sebagai perhatian diberi kepada- diberi oleh Kementerian Pendidikan kepada Sarawak. Memang penting untuk memberi penekanan kepada pendidikan tetapi lebih penting untuk mempunyai kesihatan yang baik untuk mendapat manfaat daripada pendidikan.

Rumah mampu milik. Pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap peruntukan pembinaan rumah mampu sebanyak RM2.2 bilion amat dialu-alukan. Semasa saya melepasi Bandar Tun Razak dan *Razak Mansion*, saya percaya rakyat Sarawak akan berasa cemburu melihat rumah mampu milik di kawasan Ahli Parlimen bukan daripada Barisan Nasional.

Untuk pengetahuan semua, walaupun jumlah penduduk Sarawak tidak ramai, namun kawasan yang separuh saiz Melaka hanya diperuntukkan seorang Ahli Yang Berhormat. Maka saya amat mengharapkan agar peruntukan bukan berdasarkan kepada populasi penduduk kerana keadaan ini tidak akan menguntungkan Sarawak malah semenjak Malaysia- sekiranya sumbangan Sarawak kepada GDP adalah berdasarkan kepada jumlah penduduk. Saya juga ingin mencadangkan untuk diadakan pembangunan, dengan izin, *urban renewal* seperti *Razak Mansion* bagi menggantikan rumah pangsa Majlis Bandaraya Kuching Selatan yang telah berusia 50 tahun. Pembaharuan pembangunan bagi kawasan kuarters di Miri dan Sibul.

Malaysia Agreement 1963. Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang mengingatkan kita semua kepada Tok Nan ialah pengisytiharan 22 Julai sebagai Hari Merdeka Sarawak. Pada 31 Ogos setiap tahun, kita meraikan Hari Merdeka Malaya dan Hari Merdeka Sabah. Pada 16 September pula, merupakan Hari Malaysia, dengan izin, *wedding anniversary*. Walaupun Singapura *divorced* pada 7 Ogos 1965 tetapi tanpa Malaya tidak ada Malaysia. Tanpa Sarawak, tidak ada Malaysia, tanpa Sabah, tidak ada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, *Malaysia Agreement 1963 (MA63)* yang sering saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini beberapa kali dulu merupakan satu perjanjian antarabangsa, *till today still with United Nations*, dengan izin, dan ditandatangani oleh *Government of United Kingdom, Government of Malaya, Government of Singapore, Government of Sarawak* dan *Government of Sabah*. Bukan Kerajaan Pulau Pinang atau kerajaan negeri yang lain. Maka Perjanjian MA63 merupakan satu perjanjian yang *important document*.

Sejak dahulu lagi, sama ada disedari atau tidak, hak Sarawak telah semakin pupus termasuk undang-undang *Continental Shelf Act 1966, Petroleum Act 1974* dan *Territorial Sea Act 2012*. Kesemua undang-undang ini sepatutnya tidak boleh diluluskan oleh Parlimen Malaysia tanpa persetujuan Dewan Undangan Negeri Sarawak dan Dewan Undangan Negeri Sabah. Malahan *bill Nation Security Council, bill* pelancongan, dan *bill land tax which is withdraw* dari Dewan ini merupakan satu perkara dalam hak Sarawak MA63.

Saya berasa gembira dengan pelantikan Yang Berhormat Paul Edggr sebagai Senator keempat dari Sarawak dalam Dewan ini. Saya memberi sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Najib yang mencadangkan *30 percent* daripada anggota Dewan ini merupakan wanita. Mungkin telah tiba masa untuk memperuntukkan satu pertiga, *30 percent* daripada Ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak seperti yang terdapat dalam Penubuhan Malaysia. Asal Penubuhan Malaysia bukan untuk mengubah Sarawak dan Sabah daripada pentadbiran *Colonial British* ke pentadbiran *Colonial Malaya* tetapi untuk berkongsi pembangunan infrastruktur bersama Malaysia, pembahagian pentadbiran dan kekayaan yang adil. Setelah 54 tahun, setelah Semenanjung Malaysia mendapat *North-South Highway* langsung, *High Speed Rail (HSR)*, Sabah dan Sarawak baru mendapat *Pan-Borneo Highway*. Thank you PM Dato' Sri Najib.

Negeri Sabah dan Sarawak bukan sahaja memerlukan pembangunan infrastruktur, malahan penglibatan peluang dalam Malaysia. Penduduk Sarawak sangat berminat untuk menyumbangkan bakti kepada negara ini tetapi beberapa tahun yang lepas apabila saya bertanya soalan di Dewan yang mulia ini, saya berasa terkejut dalam jawapan di Dewan ini mendapat *only a handful of Sarawakian*, memegang jawatan JUSA C, JUSA B dan JUSA A dalam PDRM, ATM dan *Federal Civil Service*. Oleh itu saya memohon pelbagai agensi yang terlibat untuk memberi statistik kepada Dewan yang mulia berkaitan bilangan penduduk yang memegang jawatan JUSA C, JUSA B dan JUSA A dalam perkhidmatan PDRM, ATM, *Federal Civil Service* in 2018 dari Sarawak.

Sebagai rakyat Sarawak, saya juga ingin memberi penghargaan kepada sikap terbuka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sentiasa mendengar pendapat Kerajaan Sarawak mengenai penelitian semula MA63 khususnya dalam usaha untuk memantapkan lagi hubungan antara wilayah di Malaysia.

■1230

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang telah memberikan sokongan kepada inspirasi rakyat Sabah dan Sarawak, dengan izin, *on MA63, he publicly during Hari Malaysia 2017 in Kota Kinabalu is hak-hak Sabah and Sarawak in MA63 will be given back*. Harapan agar meja perundingan yang dimulakan bersama oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mantan Ketua Menteri Sarawak, Almarhum Tok Nan dahulu dan dilanjutkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Abang Johari akan berakhir dengan satu keputusan yang baik demi kesejahteraan dan kemajuan Malaysia secara keseluruhan.

Oleh itu, pada 9 November 2017, Dewan Undangan Negeri Sarawak telah meluluskan usul untuk meneruskan tuntutan bagi pihak semua penduduk Sarawak terhadap MA63 dan meneruskan polisi Tok Nan untuk mendapatkan kembali hak Sarawak daripada Kerajaan Persekutuan. Rumusan daripada usul Dewan Undangan Negeri Sarawak adalah untuk mencapai keputusan akhir kepada segala isu di bawah MA63 dengan perbincangan di peringkat tinggi wakil dari kedua-dua kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Semoga kedua-dua pihak diberi kuasa penuh untuk membuat keputusan untuk mencapai kata putus kepada segala isu yang dibangkitkan. Kerajaan Sarawak tidak ingin menggunakan cara konfrontasi semasa perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan dalam proses penurunan kuasa kepada Kerajaan Sarawak.

Di samping itu, saya mahu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, dengan izin, *heart for Sarawak*, telah melawat Sarawak lebih 50 kali dalam jangka masa lapan tahun *as Prime Minister Malaysia* dan telah memberi peruntukan besar kepada Sarawak, dengan izin, *fund more than the other Prime Minister who was in power 22 years*.

DUN N14 - Batu Kawah. Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri N.14 Batu Kawah, saya harap isu-isu di kawasan boleh diberi perhatian oleh agensi-agensi Kerajaan Persekutuan.

Contohnya malam tadi, Batu Kawah ada *suffer flash flood*. Saya harap lebih peruntukan untuk *drainage* dan *flood mitigation* dari Kerajaan Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak lagi?

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: *Finishing*. Batu Kawah juga tidak ada peruntukan untuk landskap dari KPKT *for the last five years*. Saya harap KPKT dan EPU boleh luluskan penuh *riverbank guard* untuk Batu Kawah.

Penutup. Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, Bajet 2018 mencakupi keperluan pelbagai keperluan masyarakat tanpa mengira latar belakang kaum mahupun jantina merentasi pelbagai negeri, dari Johor hingga ke Perlis, menyeberangi Laut China Selatan, menjangkau Sabah dan juga Sarawak. Itulah kekuatan bajet yang dibawa oleh pihak kerajaan, bajet yang tidak bersifat populis, tidak menjanjikan bulan bintang tetapi sebaliknya sangat praktikal, bertanggungjawab dari sudut kedudukan fiskal negara mahupun demi kelangsungan kehidupan seluruh rakyat Malaysia.

Harapan saya agar setiap kementerian harus memastikan kesiapsiagaan mereka dan juga agensi masing-masing supaya mampu menterjemahkan hasrat ini sebaik mungkin. Ini penting kerana kalau sekiranya segala yang dirancang tidak sampai terutamanya ke peringkat bawah, ia akan memberikan imej yang tidak baik kepada kerajaan. Malah, ini akhirnya akan memberikan satu petanda buruk bahawa apa yang kita rancang di peringkat Bajet 2018 ini tidak mencapai objektif yang disasarkan.

Sebelum saya berakhir, saya mahu mengucapkan *to everyone in this Dewan, "Merry Christmas and Happy 2018"*. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian. Seorang tokoh kita dari Sarawak, seorang profesor, dapat memberikan pandangan yang sangat baik tadi dan kajinya pun halus. Terima kasih.

Sekarang saya hendak memberi peluang ramai lagi bercakap. Minta tolong limit kalau boleh 20 minit. Ramai lagi menunggu ya. Kemudian saya minta sekarang Yang Berhormat Dato' Indera Hoh Khai Mun. Silakan.

12.35 tgh.

Dato' Indera Hoh Khai Mun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas di dalam Dewan yang mulia ini mengenai Bajet 2018 yang baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Saya berasa amat bersyukur dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan satu bajet yang cukup prihatin dan menepati cita rasa rakyat pada keseluruhannya dengan sebaik mungkin untuk meringankan beban rakyat, terutamanya golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Didapati dalam Bajet 2018, kerajaan masih prihatin terhadap komuniti Cina dan telah membuat suatu bajet yang inklusif dengan memperuntukkan sebanyak RM65 juta kepada pembangunan Kampung-kampung Baru Cina dan RM10 juta untuk program membaik pulih rumah. Terdapat penambahan sebanyak RM25 juta berbanding dengan peruntukan dalam Bajet 2017.

Kerajaan telah berjaya mengimplementasikan program-program ekopelancongan dan *agrobusiness* yang telah menukar wajah beberapa Kampung Baru Cina daripada sebuah kampung yang sunyi kepada satu hab yang dinamik dan dapat menjana pelbagai aktiviti ekonomi.

Walaupun peruntukan telah diberi secara berterusan oleh kerajaan, namun hanya beberapa Kampung Baru Cina sahaja yang dapat dimajukan, manakala kebanyakannya masih kekal seperti yang sedia ada sejak beberapa dekad yang lalu. Ini adalah kerana kebanyakan peruntukan hanya digunakan untuk tujuan membaik pulih dan mengindahkan tempat-tempat awam di Kampung Baru Cina sahaja. Kampung-kampung Baru Cina yang berjaya seperti yang dilaporkan dalam berita dan yang kita boleh nampak adalah kerana lokasi kampung berkenaan dekat dengan kawasan bandar. Justeru itu, dapat menikmati manfaat daripada limpahan pembangunan ekonomi bandar. Kejayaan sesetengah Kampung Baru Cina yang terpencil pula adalah disebabkan oleh inisiatif dan keunikan penduduk Kampung Baru Cina tersebut.

Oleh itu, kemakmuran Kampung-kampung Baru Cina adalah sangat bergantung kepada bantuan kerajaan seperti daripada KPKT dan bahagian kampung baru. Tanpa inisiatif, dasar dan melalui projek-projek pembangunan infrastruktur dan pelan induk yang menginterpretasikan pembangunan Kampung-kampung Baru Cina dengan pembangunan negara, perkembangan Kampung-kampung Baru Cina secara keseluruhannya tidak akan seimbang dan banyak kampung akan dibiarkan dalam keadaan miskin dan mundur.

Justeru, soalan saya kepada kerajaan adalah bagaimanakah kerajaan dapat memastikan semua Kampung Baru Cina dibangunkan secara sama rata? Bagaimana kerajaan dapat menaik taraf hidup penduduk daripada kampung-kampung baru selaras dengan taraf hidup penduduk di kawasan bandar? Saya menyeru kepada kerajaan agar tidak menumpukan sepenuh perhatian kepada pembangunan kawasan bandar, tetapi juga perlu memberi perhatian kepada pembangunan dan perkembangan kawasan desa dan kampung terutamanya Kampung-kampung Baru Cina ini.

Sejak tahun 1970-an, golongan belia daripada Kampung Baru Cina berpindah ke bandar untuk mencari pekerjaan dan peluang ekonomi.

■1240

Mereka juga berpindah ke bandar kerana mereka mendapati bahawa kemudahan dan persekitaran hidup di Kampung Baru Cina tidak dapat dipadankan dengan taraf dan persekitaran hidup bandar. Namun, sejak kebelakangan ini trend sudah berubah kerana kos sara hidup yang tinggi dan kekurangan peluang pekerjaan telah mencipta persekitaran yang mencabar dalam bandar besar seperti Lembah Klang. Peningkatan tekanan terhadap perumahan, kesesakan lalu lintas dan kepadatan penduduk yang tinggi dalam bandar telah memaksa ramai orang berpindah ke pinggir atau luar bandar demi mencari kehidupan yang lebih selesa.

Satu laporan daripada sebuah forum TN50 mengesahkan kebimbangan ini. Didapati golongan belia telah mula berpindah ke kampung-kampung baru di pinggir bandar kerana kenaikan kos sara hidup dan kekurangan peluang di Kuala Lumpur. Untuk mencari kehidupan yang lebih baik, golongan belia secara sukarela telah berpindah balik ke kampung-kampung baru. Kawasan

desa dan kampung seperti Kampung-kampung Baru Cina di negara kita berpotensi untuk berubah menjadi bandar satelit baru sebagai satu alternatif daripada kehidupan di bandar.

Terdapat juga kawasan luar bandar yang sedang dalam proses menjadi bandar satelit yang berdaya maju seperti Bentong yang cepat berkembang dengan pelbagai suntikan pembangunan infrastruktur seperti *East-Coast Railing* (ECRL) dan Lebuhraya *Central Spine*. Kita perlu memikirkan bagaimanakah kita boleh mengubah Kampung-kampung Baru Cina ini kepada bandar-bandar satelit yang mampan dan dapat menjana limpahan ekonomi yang berlipat ganda. Sesuatu tempat hanya boleh berjaya dibangunkan kepada satu bandar satelit atau hab yang baru jika terdapat penyediaan perumahan, kemudahan dan infrastruktur awam seperti sistem pengangkutan awam, rangkaian jalan, kesediaan jalur lebar berkelajuan tinggi dan sebagainya.

Justeru itu, saya menyeru kepada kerajaan supaya mempertimbangkan kemungkinan untuk membangunkan Kampung-kampung Baru Cina ini kepada bandar satelit baru. Pembangunan Kampung-kampung Baru Cina boleh memainkan peranan yang penting dalam menangani isu-isu perbandaran seperti isu perumahan mampu milik, kesediaan pekerjaan dan kos sara hidup yang sederhana.

Selaras dengan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50), kerajaan telah bertungkus-lumus mentransformasikan negara kita untuk menghadapi tempoh 30 tahun yang akan datang dan mencapai sasaran menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi. Negara kita kini berada di ambang revolusi perindustrian keempat dan era ekonomi digital. Hari ini trend ekonomi digital semakin berkembang dan perkongsian ekonomi menjadi perkara biasa. Dalam jangka masa yang singkat, paradigma tenaga kerja akan berubah daripada pekerjaan sepenuh masa konvensional kepada tenaga kerja yang kebanyakannya bekerja sendiri.

Dengan peningkatan sambungan jalur lebar dan mudah alih serta penggunaan platform digital bagi perkhidmatan seperti perdagangan, pendidikan, penjagaan kesihatan dan sebagainya akan membawa kepada kepupusan pejabat. Pekerja tidak lagi perlu berulang-alik ke pejabat dan sebaliknya boleh melaksanakan kerja di rumah menggunakan alat elektronik. Ini bermaksud bahawa aktiviti-aktiviti perniagaan transaksi ekonomi dan juga sumber pendapatan dapat dijana dari mana-mana sahaja, asalkan tempat itu disambungkan dengan sambungan jalur lebar internet.

Seperti yang dinyatakan, Kampung-kampung Baru Cina berpotensi untuk berubah kepada hab bandar moden. Penduduk Kampung Baru Cina boleh mencipta berganda limpahan ekonomi jika diberi keperluan infrastruktur dan dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan untuk *capitalized*, dengan izin, manfaat ekonomi digital dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar hanya sebanyak 2,872 sambungan wayar tembaga masih dalam pelaksanaan yang memberi kelajuan internet sehingga 20 megabit sesaat dan dijangka siap sepenuhnya 2019. Infrastruktur jalur lebar gentian optik berkelajuan tinggi yang berkapasiti tinggi, stabil dan pantas adalah amat diperlukan jika kerajaan berhasrat melibatkan komuniti kampung baru Cina untuk turut menyertai dan menjadi sebahagian daripada ekonomi digital.

Selain itu, penduduk Kampung Baru Cina juga perlu dilengkapi dengan kemahiran teknikal dan pengetahuan teknologi digital. *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDeC) dalam memperkenalkan Program eRezeki dan eUsahawan untuk membantu golongan B40 meraih pendapatan secara atas talian. Ini akan dapat membantu komuniti Kampung Baru Cina untuk menambah pendapatan dan menaik taraf hidup mereka. Namun begitu, didapati kebanyakan komuniti Kampung Baru Cina masih tidak tahu akan program di atas. Sesetengah komuniti Kampung Baru Cina belum ada kemahiran atau pengetahuan untuk melaksanakan kerja digital tetapi tidak mempunyai akses *internet* yang berkelajuan tinggi.

Justeru itu, saya ingin bertanya, bagaimanakah kerajaan dapat meningkatkan kesedaran teknologi digital di komuniti Kampung Baru Cina dan mendidik penduduk Kampung Baru Cina menyertai dalam program-program dan inisiatif semasa yang ditawarkan oleh kerajaan? Bagaimanakah juga kerajaan dapat menanam pengetahuan dan kemahiran teknologi digital supaya mereka dapat menggunakan teknologi digital dengan mahir dan yakin dan mempunyai keupayaan untuk menceburi bidang eDagang dan aktiviti yang berkaitan dengan ekonomi digital?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara kita menuju ke arah masyarakat yang berpendapatan tinggi dan mencapai status negara maju, penghidupan dan kebajikan komuniti desa dan kampung, terutamanya penduduk dari Kampung-kampung Baru Cina tidak wajar diabaikan. Kampung-kampung Baru Cina di negara kita boleh menyumbang kepada perkembangan dan pertumbuhan ekonomi dan politik negara kita jika diberi sokongan dan bimbingan yang berterusan daripada kerajaan. Sebuah pelan induk yang inklusif dan holistik untuk mengintegrasikan dan menyelaraskan pembangunan Kampung-kampung Baru Cina dengan agenda pembangunan negara perlu diadakan. Pada pendapat saya, selaras dengan Wawasan 2020 dan aspirasi TN50, kita tidak boleh mengabaikan pembangunan di Kampung-kampung Baru Cina ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Lebuhraya Karak, walaupun lebuhraya ini telah banyak kali di naik taraf dan setakat ini sudah mempunyai sebanyak tiga lorong, namun masih sering berlaku kesesakan lalu lintas, terutamanya pada hujung minggu, cuti panjang ataupun pada musim perayaan.

■1250

Ini adalah disebabkan pembangunan Bandar Timur yang begitu pesat dan ramai penduduk hendak balik ke kampung dan juga kita dapati dengan pembangunan di Genting Highlands di mana pelbagai aktiviti pembangunan telah diadakan seperti dengan mengadakan *Genting Highlands Premium Outlet, indoor theme park, outdoor theme park* dan juga *20th Century Fox World Malaysia* yang akan siap dibina pada tahun hadapan dijangka akan menarik lebih ramai pelancong tempatan dan asing untuk melawat tempat-tempat tersebut.

Memandangkan Lebuhraya Karak tidak lagi mampu menampung lalu lintas, jadi saya mencadangkan sama ada Lebuhraya Karak yang sedia ada ditambahkan lagi lorong atau dinaiktarafkan ataupun mengadakan satu lebuhraya baru daripada Kuala Lumpur ke Genting Sempah untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini saya berharap juga Kerajaan Pusat dapat mencepatkan projek Lebuhraya *Central Spine* supaya pada masa musim perayaan atau cuti panjang, orang ramai yang berulang-alik dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu atau sebaliknya tidak terperangkap dalam kesesakan lalu lintas dan perjalanan mereka akan menjadi lebih lancar serta dapat menjimatkan masa. Pada masa yang sama, kesesakan lalu lintas seperti bandar Bentong, Raub, Gua Musang dan lain-lain bandar dapat dielakkan serta kemalangan yang meragut nyawa dapat dikurangkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, projek *Central Spine* ini telah diluluskan pada tahun 2009 dan telah dibahagikan kepada 6 fasa iaitu bermula dari Kuala Krai Kelantan, melalui Gua Musang, Kuala Lipis, Raub Bentong dan mengakhiri di Simpang Pelangai, Bentong. Setakat ini hanya fasa 2 yang telah siap dan fasa 5 sedang dalam pelaksanaan. Dalam Bajet 2018, Kerajaan Pusat hanya menambah RM250 juta untuk tambahan daripada Bentong ke Raub.

Saya berharap kerajaan akan dapat mempercepatkan projek ini agar masa perjalanan daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur dapat dipendekkan dan lebih penting lagi ialah keselamatan pengguna jalan raya dapat dipertingkatkan. Kesesakan dalam bandar-bandar utama yang dilalui sekarang dapat dikurangkan serta meningkatkan aktiviti pembangunan di Pahang Barat. Dengan ini, saya berharap pihak kerajaan akan lebih prihatin dan mempertimbangkan cadangan-cadangan yang saya kemukakan tadi. Dengan ini saya menyokong penuh Bajet 2018. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat memberi ucapan yang baik. Kita hendak teruskan kepada Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Silakan.

12.53 tgh.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim... [Berucap di dalam bahasa Arab]*

Dalam Belanjawan 2018 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri, sebagai seorang Ahli Dewan Negara yang berada di sisi posisi sebagai anggota yang mewakili di sebelah pihak pembangkang, sikap kita apa-apa sahaja yang baik, adalah disokong. Apa-apa yang perlu diberikan pandangan-pandangan yang sebaliknya atas nama kritikan yang sihat ataupun barangkali nasihat adalah merupakan sebahagian daripada amalan demokrasi dalam mana-mana negara di dunia ini.

Oleh demikian Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2018, 80 peratus daripada perbelanjaan adalah operasi belanja pengurusan yang hanya berjumlah 16 peratus. Ini adalah merupakan satu jumlah yang sangat tinggi dalam konteks pengurusan. Maaf ya, bukan 16 peratus tetapi seperti mana yang telah disebut adalah di sekitar 80 peratus daripada perbelanjaan adalah operasi belanja pengurusan sementara 16 peratus sahaja adalah belanja pembangunan.

Perkara ini telah pun juga telah ditimbulkan sebentar tadi oleh salah seorang Ahli Dewan Negara. Adalah jelas peruntukan untuk pembangunan begitu terhad kerana kita melihat dalam saat ini belanjawan ini dibentangkan dalam masa negara sedang menghadapi krisis politik, ekonomi dan sosial yang sedang melanda negara Malaysia saat ini. Hal ini adalah disebabkan oleh ketiadaan ketulusan dan juga tata kelola yang berdisiplin dalam sistem kerajaan yang tidak

diurus tadbir dengan baik meskipun pelbagai agensi-agensi kerajaan telah ditubuhkan seperti SPRM, Institut Integriti Malaysia, SUHAKAM, JAKIM dan sebagainya. Antara fenomena sosial yang parah ialah amalan rasuah yang sungguh menggerunkan, merentas semua lapisan masyarakat pemimpin, pengurus dan kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan ini dikemukakan ketika kemerosotan nilai Ringgit Malaysia sebanyak 25 peratus masih berlaku meskipun kini telah naik ke paras RM4.11. Pada keseluruhannya, kadar inflasi semakin naik dan kesannya kepada rakyat adalah membebankan kehidupan seharian terutamanya mereka yang di bawah B40 dan golongan rendah dalam M40. GST tetap menghantui rakyat jelata meskipun dikatakan satu tindakan yang munasabah untuk menstabilkan kewangan kerajaan. Akan tetapi rata-rata tinjauan yang dibuat oleh pelbagai pihak GST jelas membebankan rakyat dan isi rumah kecuali bagi golongan menengah atas dan golongan kecil yang menikmati pendapatan tinggi.

Dalam ekonomi yang tidak memberangsangkan ini, persoalannya ialah kenapa kerajaan tidak memperkenalkan cukai ke atas korporat dan transaksi kewangan? Yang jelas golongan miskin tidak terlibat dalam pasaran wang kecuali golongan yang kaya semata. Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, banyak wang yang telah diperoleh daripada pasaran kewangan tetapi mereka dikecualikan daripada dikenakan cukai. Lebih teruk lagi setiap hari barang-barang yang menjadi keperluan asas harian dikenakan GST. Meskipun ada beberapa perubahan yang telah diusahakan oleh kerajaan menerusi pembentangan belanjawan oleh Perdana Menteri baru-baru ini.

Satu fenomena yang sedang berlaku dalam negara kita ialah golongan kaya dalam negara ini sedang melabur di luar negara tetapi tidak di dalam negara sedangkan pemilikan orang-orang asing semakin meningkat dalam pemilikan harta sektor korporat di Malaysia. Ada kemungkinan besar bahawa mereka sekali lagi akan memegang ekuiti korporat yang terlalu besar. Sesungguhnya perkembangan ini membimbangkan kita semua. Kalau dahulu kita telah berjaya mengembalikan hak ekuiti kepada badan-badan korporat gergasi seperti Guthrie dan sebagainya tetapi ada kemungkinan dalam realiti ekonomi Malaysia hari ini, keadaan yang sedemikian boleh berlaku semula.

Kita tidak menafikan bahawa langkah kerajaan mewujudkan gaji minimum dan BR1M memang diakui telah membantu pendapatan B40. Akan tetapi golongan ini adalah kecil jumlahnya dan hanya bersifat sementara. Isu penting ialah ketidaksamaan kekayaan adalah merupakan satu perkara serius dalam sesebuah negara. Perangkaan mutakhir Kementerian Kewangan Malaysia telah menyatakan bahawa 4.2 peratus daripada pemilik saham ASN, iaitu terdiri daripada golongan yang mempunyai RM100,001 unit dan RM500,000 unit mempunyai lebih kurang 47.8 peratus daripada keseluruhan RM2.07 bilion daripada aset bersih. Selebihnya 0.3 peratus yang mempunyai 500,000 unit adalah orang kaya yang mempunyai 16 peratus aset bersih ASN. Manakala mereka yang mempunyai 1,000 unit atau 61 peratus pemilik saham hanya mempunyai 0.8 peratus nilai aset.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, slogan 1Malaysia seperti yang dilaung-laungkan hanyalah satu impian sedangkan pada hakikatnya kita masih melihat berlakunya dua Malaysia iaitu sejumlah kecil golongan kaya berlawanan dengan golongan masa yang miskin.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh kita- panjang lagi?

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita sambung selepas ini.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Boleh, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Pagi ini saya sudah mendengar ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin negara dalam Dewan ini. Saya rasa senang hati benda ini kebulatan kita untuk menjayakan. Ramai yang cerdik pandai menggunakan keyakinannya hendak berjaya tadi. Ini hasil kalau ada kemuafakatan bulat tadi. Bak kata orang tua saya dahulu kata.

*Nasi lemak berlauk sotong,
Sotong dibeli berikat-ikat,
Bulat air kerana pembetung,
Bulat manusia kerana muafakat.. [Dewan tepuk]*

Itu sahaja lah. Itu dia muafakat. Macam cantiknya ini. Itu berjalan bagai aur dengan tebing. Sama-sama dituruni dan mendaki sama-sama mendaki. Itu dikatakan bulat manusia kerana muafakat.

Dengan itu jam 1 lebih sedikit, dan saya tangguhkan Dewan ini sehingga pukul 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sambung perbahasan. Yang Berhormat, silakan.

2.32 ptg.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung beberapa hujah yang telah disampaikan sebelum makan tengah hari dan sekarang saya akan terus membangkitkan topik-topik yang berkaitan dengan hujahan-hujahan ekonomi bersempena dengan pembentangan Belanjawan 2018 oleh Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, realiti perbezaan jurang pendapatan antara yang berada dan tidak berada juga sedang berlaku dalam pemilikan aset seperti di dalam Tabung Haji, EPF dan sebagainya. Apa yang jelas, mereka-mereka yang mengaut keuntungan dari hasil mahsul negara adalah terdiri hanya daripada segelintir orang-orang Melayu, Cina dan India. Dengan lain perkataan, pemilikan aset-aset ini masih belum dapat memberikan keuntungan yang besar kepada rakyat keseluruhannya.

Selain itu dari segi jenis-jenis simpanan perorangan, rakyat Malaysia pada saat ini sedang mengalami simpanan yang terlalu kecil atau tidak mempunyai simpanan langsung. Perangkaan Jabatan Perangkaan Negara menunjukkan bahawa pendapatan isi rumah *median*, dengan izin,

adalah RM5,200 sebulan untuk tahun 2016. Jadi jumlah pendapatan tahunan adalah RM62,400 bermakna 50 peratus daripada isi rumah memperoleh bawah RM5,200 setiap bulan. Sebanyak 25 peratus dibelanjakan untuk menyewa, 25 peratus untuk pemakanan, 15 peratus untuk pengangkutan dan ini bermakna 2/3 daripada pendapatan isi rumah adalah untuk bertahan mengharungi kehidupan seharian.

Dengan pendapatan isi rumah *median*, dengan izin, sebanyak RM5,200 sebulan, jumlah pendapatan tahunan berjumlah RM62,400 mengikut perkiraan bank-bank swasta, golongan ini tidak berupaya untuk memiliki RUMAWIP dan PR1MA yang rata-rata mempunyai harga yang tinggi iaitu lebih daripada RM250,000 terutama di Lembah Klang dan Johor Bahru dan mungkin di lain-lain tempat. Ini bermakna 50 peratus daripada masyarakat Malaysia tidak mampu membeli rumah yang berkualiti tinggi dan selesa untuk didiami apatah lagi kepada golongan miskin. Persoalannya daripada saya ialah berapakah harga yang paling murah ataupun harga yang minimum? Dan berapakah pula harga yang paling tinggi yang dapat dikemukakan dan disediakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada rakyat Malaysia dalam pemilikan rumah-rumah yang berkualiti?

Tuan Yang di-Pertua, bagi melahirkan penduduk Malaysia yang sentiasa berada dalam kehidupan yang sejahtera adalah dengan menyediakan peluang pekerjaan dengan pembayaran gaji yang dapat menampung keadaan ekonomi yang tersedia. Malangnya kebanyakan kerja-kerja yang disediakan adalah bersifat *semi-skilled*, dengan izin, yang kualitinya masih rendah. Oleh yang demikian terdapat 3.5 juta sehingga 6.5 juta pekerja-pekerja asing di negara kita.

Mungkin separuh daripada mereka adalah pekerja haram yang mendapat gaji yang minimum atau kurang daripada minimum. Ini menyebabkan bahawa usaha untuk mendapatkan satu kedudukan penggajian yang sesuai dengan realiti ekonomi dalam negara kita hari ini menggugat kepada keseluruhan rakyat yang bekerja di dalam negara kita.

Akhirnya, gambaran Belanjawan 2018 dalam bidang ekonomi ini seperti yang telah didedahkan oleh *Merdeka Centre* baru-baru ini dan telah disiarkan oleh beberapa akhbar tempatan adalah seperti berikut:

- (i) rakyat Malaysia di sekitar 20 peratus tidak mempunyai simpanan untuk kecemasan sekurang-kurangnya berjumlah RM500;
- (ii) sebanyak 40 peratus tidak dapat membayar bil utiliti seperti air dan elektrik;
- (iii) sebanyak 11 peratus mulai menjual atau menggadai barang-barang simpanan mereka;
- (iv) sebanyak 20 peratus mulai mengambil pinjaman peribadi dan penggunaan kad kredit, seperti mana yang kita tahu penggunaan kad kredit yang berleluasa adalah merupakan salah satu tabii rakyat Malaysia yang boleh menjejaskan kestabilan ekonomi negara; dan
- (v) sebanyak 15 peratus meninggalkan satu juadah makanan, kalau dia ambil makanan tiga kali sehari, maka sekarang dia terpaksa *skip*, dengan izin, makanan yang tiga kali itu, tiga jenis kepada dua sahaja.

Situasi yang sedemikian adalah berakibat daripada GST dan gaji yang tidak sepadan dengan realiti ekonomi pada hari ini. Saya ingin mengambil pandangan Profesor S. Jomo, tokoh ekonomi yang berwibawa di peringkat tempatan dan antarabangsa. Beliau menganjurkan kepada kerajaan bagi membantu golongan bawah 40 ialah dengan menjadikan pengangkutan awam murah. Kerajaan sepatutnya mengurangkan kadar tol yang menyiksa rakyat miskin di Lembah Klang dengan memberi subsidi kepada sistem LRT, MRT dan KTM.

Pastikan harga tiket murah. Jika mahal, ia akan menjadikan MRT walaupun dilaungkan sebagai salah satu di antara sistem pengangkutan awam yang canggih dan termoden di dunia, namun ianya boleh menjadi 'gajah putih', dengan izin, *white elephant* semata-mata kerana pembiayaannya yang sangat mahal tetapi rakyat tidak mampu untuk menjadikan pengangkutan awam sebagai satu pengangkutan yang benar-benar alternatif kepada kehidupan mereka pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memasuki dalam isu pendidikan. Pendidikan seperti mana yang kita tahu adalah suatu perkara yang mustahak untuk dititikberatkan demi mencapai negara yang bergelar sebagai sebuah negara maju. Oleh itu, kualiti pendidikan yang baik mestilah disediakan kepada rakyat Malaysia. Namun demikian tahap pendidikan kita jika dibandingkan dengan negara-negara maju misalnya Finland masih jauh ketinggalan dari peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi.

■1440

Kita juga tidak menafikan mutakhir ini, ranking IPT-IPT tempatan telah mencapai kemajuan disebabkan beberapa langkah proaktif yang telah dilakukan oleh kerajaan, syabas. Namun dalam sibuk mengejar ranking universiti, kebajikan kakitangan akademik terabai demi mencapai KPI tersebut. Sebagai contoh, kakitangan akademik perlu membawa masuk dana sekarang ini. Mereka terpaksa mencari duit untuk membantu universiti dengan menjadikannya sebagai KPI untuk kenaikan pangkat, di samping mengajar dan gesaan membuat penyelidikan untuk membantu menaikkan ranking universiti tetapi pada masa yang sama mereka nampaknya mengalami masalah apabila GST dikenakan ke atas geran-geran penyelidikan yang hari ini semakin berkurangan.

Kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan artikel-artikel yang berimpak tinggi dan data-data telah terputus kerana universiti tidak mempunyai belanjawan yang cukup dan ini telah menimbulkan satu sindrom *kefrustan*, dengan izin, kekecewaan. Hilangnya dinamika pensyarah-pensyarah universiti untuk menekuni di dalam bidang penyelidikan masing-masing.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, pada saat ini juga biasiswa universiti sudah semakin terhad. Meskipun ada sedikit dibentangkan dalam belanjawan baru-baru ini yang telah dikemukakan oleh Perdana Menteri tetapi yang jelas ialah IPT pada saat ini sukar untuk mendapatkan pelajar-pelajar terbaik sama ada daripada tempatan ataupun di peringkat antarabangsa.

Kemudian, dalam universiti juga di mana universiti-universiti mempunyai fakulti-fakulti perubatan dan juga perkhidmatan hospital. Hari ini, hospital-hospital universiti, pengurusan bajetnya telah pun dipotong dan telah memberi kesan kepada orang ramai. Pokoknya

kesejahteraan orang ramai dan kakitangan universiti sangat terkesan dengan pemotongan bajet di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menimbulkan satu isu yang terbaru dalam konteks pendidikan IPT iaitu kita merasa kesal kerana adanya *get order* yang dikeluarkan oleh pentadbiran Universiti Malaya- apabila Universiti Malaya memberi amaran kepada para warga akademik untuk tidak memberikan kritikan atau komen yang negatif terhadap kerajaan.

Pada hemat kita, arahan tersebut adalah bertentangan dengan tujuan penubuhan sesebuah universiti. Dari satu segi, ia ada satu kemunduran dalam usaha kita untuk membina pemikiran kritikal demi kecemerlangan akademik universiti. Dalam keghairahan Kementerian Pendidikan sedang menguruskan KBAT iaitu kemahiran berfikir aras tinggi, di peringkat rendah seperti mana yang telah diumumkan oleh Menteri Pendidikan beberapa bulan yang lalu, malangnya hal ini telah berlaku di pusat-pusat pengajian tinggi terutamanya di Universiti Malaya. Ini adalah suatu proses yang saya sifatkan sebagai proses maju mundur. Maju dalam beberapa perkara tetapi daripada segi kebebasan berbicara dan sebagainya nampaknya kita telah mundur ke belakang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita perhatikan dalam konteks kemajuan akademik di IPT, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengurniakan RM10 juta kepada Universiti Islam Antarabangsa bersempena dengan penstrukturan semula Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa atau dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, ISTAC, di samping penubuhan Pusat Kajian Dunia Melayu. Kita menyambut baik sikap positif Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mengekalkan peranan ISTAC sebagai satu entiti akademik Universiti Islam Antarabangsa yang sangat penting kerana ianya telah menaikkan martabat universiti antarabangsa di peringkat antarabangsa.

Sesungguhnya ISTAC telah tersohor namanya di dunia antarabangsa tetapi mutakhir ini terjejas kerana banyak politik dalaman universiti tersebut. Jadi kita mengalu-alukan usaha untuk mengembalikan semula kearifan ISTAC bersama dengan penubuhan Pusat Kajian Dunia Melayu. Dalam hal ini, kita mengesyorkan supaya seorang tokoh akademik tempatan yang bertaraf antarabangsa dalam bidang pemikiran dan tamadun Islam segera dilantik bagi memimpin semula ISTAC dengan secepat mungkin dan mengembalikan semula kemasyhurannya pada masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, isu TN50. Dalam Belanjawan 2018, subjek TN50 diketengahkan sebagai satu Gagasan Nasional yang boleh dicapai dengan satu harapan yang besar. Malangnya TN50 secara umumnya adalah satu perundingan nasional yang masih terhad dari segi penglibatan semua kelompok terutamanya generasi muda. Jadi kita mengharapkan bahawa TN50 janganlah dijadikan sebagai satu wahana yang semata-mata bertujuan politik bagi menghadapi Pilihanraya Umum Ke-14. Konsultasi TN50 nampaknya tidak melibatkan semua pihak secara inklusif sebagai satu wahana debat untuk arah tuju negara. Debat serius seharusnya berlaku bagi memahami maksud transformasi dan kaedah-kaedah pencapaiannya. TN50 diharapkan tidak mengulangi kegagalan-kegagalan gagasan-gagasan dan slogan-slogan yang telah dicipta oleh negara pada masa yang lalu.

Hakikatnya, kita telah banyak beretorika dan berslogan untuk memajukan rakyat dan negara tetapi gagal dalam beberapa aspek. Bayangkan betapa hebatnya negara Korea Selatan. Dahulu, pemimpinya datang belajar di permulaan kemajuan Malaysia dalam dekad 70-an semasa pentadbiran Almarhum Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Haji Hussein menjadi Perdana Menteri Malaysia. Korea tidak maju pada masa itu, dan setelah mereka pulang dari Malaysia, Korea Selatan melancarkan Gagasan Nasional Saemaul Undong. Sejak itu, Korea Selatan menjadi antara salah sebuah negara yang termaju di dunia pada hari ini. Malangnya Malaysia masih ketinggalan di belakang daripada Korea.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh isu yang berkaitan dengan agama Islam. Mutakhir ini pelbagai kemungkinan fenomena kejelikan pemikiran dan tindakan atas nama agama Islam telah berlaku di dalam negara kita seperti gesaan mewujudkan premis dobi Muslim. Pendekatan *ta'fir* yang semakin merebak. Maki hamun dalam ceramah-ceramah agama, pulau memulau dalam aktiviti sosial dan sebagainya. Malangnya fenomena tersebut berlaku dalam kalangan masyarakat Islam termasuk dalam kalangan pendakwah dan sesetengah *assatizah* ataupun guru-guru agama.

Adalah jelas bahawa perbuatan sedemikian menandakan ketandusan akhlak, ketaksuban dalam pemikiran dan tindakan kerana kejahilan, kedangkalan dalam ilmu-ilmu agama atau mempunyai motif-motif tertentu. Dalam konteks ini, prinsip *wasatiyyah* Islam, kesederhanaan Islam bukan sekadar menghayati sederhana dalam makna yang sempit tetapi *wasatiyyah* menuntut pelaksanaan prinsip keadilan, berakhlak mulia, menghayati prinsip-prinsip hikmah, *mauizah hasanah*, contoh teladan yang baik dan berhujah dengan hujah-hujah yang terbaik, *mujadalah bil ahsan*.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat institusi-institusi Islam milik pemerintah masih belum berkesan dalam mengatasi permasalahan-permasalahan keagamaan yang sedang berlaku. Masyarakat Islam tertanya-tanya mana Islam yang patut dijadikan ikutan. Jadi, JAKIM umpamanya wajar turun ke padang untuk berjumpa dengan semua pihak bagi melakukan proses konsultasi tanpa bersifat partisan politik. Pokoknya, JAKIM dan lain-lain institusi Islam hendaklah *engage*, dengan izin, dengan semua pihak sama ada Islam, masyarakat Islam dan bukan Islam. Pendekatan Islam tidak wajar bersifat eksklusif tetapi inklusif sejajar dengan prinsip Islam *rahmatulillah alamin* serta menghayati fikah yang disebut baru-baru ini sebagai fikah *At-Taayush* iaitulah fikah hidup bersama oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang silakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif.

2.49 ptg.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bajet 2018 kali ini.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah, setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan bajet yang dianggap sebagai ibu segala bajet sepanjang tempoh negara kita merdeka.

■1450

Ini kerana Bajet 2018 kali ini menyentuh secara inklusif dan juga lebih banyak menyentuh kepentingan kelompok B40 dan juga M40 yang sebelum ini kurang mendapat perhatian. Kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sentiasa membentangkan bajet mengalami penurunan kadar defisit fizikal. Kadar defisit fizikal ketika ini berada pada 2.8 peratus menunjukkan kedudukan kewangan negara semakin bagus. Suatu pencapaian boleh dibanggakan dan rakyat harus berterima kasih kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih kepimpinan negara, kadar fizikal negara di tahap 6.7 peratus, berkat kecekapan serta istiqamah kepimpinan sedia ada, angka tersebut menampakkan penurunan yang positif dari tahun ke tahun.

Jumlah hutang isi rumah juga menampakkan penurunan yang positif di mana pada tahun lepas kadar hutang isi rumah di tahap 67 peratus yang mana ianya membimbangkan kita semua. Walau bagaimanapun angka tersebut menunjukkan penurunan yang positif dengan langkah Bank Negara Malaysia menurunkan OPR. Sememangnya kita semua harus bimbang dengan angka 67 peratus yang mana ia menunjukkan rakyat sangat terbeban dengan hutang sehingga keupayaan untuk membelanjakan wang pendapatan yang mereka terima setiap bulan amat sedikit berbanding hutang yang terpaksa mereka lunaskan. Di sebalik peningkatan kadar ekonomi negara tersebut, peningkatan harga rumah sentiasa menjadi bualan rakyat jelata baik di kedai kopi mahupun di media-media sosial.

Harga rumah untuk dimiliki amat membebaskan bagi mereka yang baru mendirikan rumah tangga. Apabila keadaan ini berlaku, ramailah mencari penyelamat. Projek hartanah baru perlu pemantauan daripada berlaku lambakan di pasaran. Penawaran bangunan pejabat menunjukkan lebih penawaran di pasaran dikhuatiri memberikan kesan buruk kepada ekonomi. Jika dilihat di Lembah Klang sahaja, banyak projek pembangunan baru yang telah siap tetapi kosong tanpa diduduki. Perlu ada mekanisme yang sesuai untuk membendung masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Bajet 2018, petunjang pertama turut menyentuh mengenai industri pelancongan yang sama, yang mana ianya tidak menafikan bahawa sektor ini antara penyumbang kepada ekonomi negara. Lebih RM2.5 bilion diperuntukkan kepada sektor ini bagi merencanakan kegiatan pelancongan dalam negara pada tahun hadapan. Saya ingin menarik sedikit perhatian Dewan kepada isu pakej umrah dan haji yang mana ianya terlibat di bawah aktiviti pelancongan ke luar negara.

Akhir-akhir ini wujudnya agensi yang mengendalikan pakej umrah tanpa memperoleh lesen atau ketua kumpulan yang menguruskan umrah jemaah terkandas di lapangan terbang di Tanah Suci Mekah dan juga di Jedah, di Madinah. Pengurusan umrah tidak terurus dengan sangat rendah. Faktor yang berlaku kejadian ini adalah kerana beberapa perkara.

Pertamanya terdapat sebilangan agensi baru dan kurang berpengalaman diberi lesen. Sepatutnya pengurusan agensi mempunyai lima tahun pengalaman. Dari segi pemantauan di lihat kurang berkesan, Kementerian Pelancongan kurang berpengalaman. Ia juga mempunyai kesan pejabat operasi di Tanah Suci tidak mempunyai rangkaian hubungan dengan agensi kerajaan yang

berkenaan di Tanah Suci. Selain itu tidak mempunyai di pihak hotel dan juga operasi umrah di Tanah Suci.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya pihak Lembaga Tabung Haji dipertanggungjawabkan untuk memantau perjalanan umrah seharusnya dikendalikan Tabung Haji ataupun anak syarikat yang dilantik oleh Tabung Haji. Pertamanya Tabung Haji mempunyai pengalaman yang luas di Tanah Suci Mekah dalam mengendalikan haji dan umrah. Tabung Haji diiktiraf oleh Kerajaan Saudi sebagai badan agensi terlibat dalam pengendalian haji, menguruskan pengurusannya telah diiktiraf oleh Kerajaan Saudi.

Tabung Haji mempunyai pengalaman rangkaian hubungan dengan kementerian dan juga agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan yang berkenaan di Tanah Suci boleh membantu dan menyelesaikan berbagai masalah yang timbul berkaitan haji dan umrah. Tabung Haji mempunyai rangkaian hubungan dengan operator dan hotel yang boleh membantu sekiranya berlaku kes jemaah terkandas. Tabung Haji mempunyai rangkaian hubung di Tanah Suci di bawah selain pejabat Konsul Haji Jeddah yang boleh memantau 24 jam. Mekanisme sistem pemantauan haji yang sedang di guna pakai boleh digunakan untuk memantau umrah. Tabung Haji mempunyai kapasiti mengurus penerbangan dengan cekap dan sumber kewangan yang kukuh.

Jadi dimohon supaya selepas ini segala lesen-lesen yang diluluskan untuk pakej haji dan umrah diletakkan di bawah Tabung Haji, bukan lagi di bawah Kementerian Pelancongan kerana isu yang berlaku hari-hari ini daripada segi harga yang murah ditawarkan kepada pakej tersebut, maka berlakulah jemaah haji yang terkandas dan akhirnya Tabung Haji juga akan menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan membawa pulang jemaah haji ataupun jemaah umrah yang berada di Tanah Suci.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah penunjang kedua iaitu menuju inspirasi TN50. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM250 juta bagi mendidik TN50, Pendidikan TN50 iaitu menubuhkan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik, mempertingkatkan modul Komputer Sains termasuklah program *Coding* dan menaik taraf 2,000 kelas menjadi bilik darjah pintar, Pembelajaran Abad Ke-21 bagi meningkatkan pembelajaran berasaskan pemikiran kreatif dan inovatif dengan kos anggaran RM190 juta.

Saya berharap pihak kementerian lihat semua kemudahan makmal komputer yang sedia ada di sekolah-sekolah luar bandar dan di pedalaman. Setakat ini adakah murid di luar bandar dibekalkan dengan keperluan secukupnya seperti sekolah-sekolah di bandar. Saya khawatir dengan perkembangan teknologi yang begitu pesat membangun, murid-murid yang berada di luar bandar tercicir daripada arus pemodenan teknologi. Ada sekolah yang hanya mempunyai makmal komputer tetapi gagal untuk digunakan sebagai sesi P&P.

Pihak kementerian juga diharap dapat memantau sekolah-sekolah tahfiz yang ada supaya ianya didaftar di pihak kementerian. Pendaftaran ini boleh memudahkan kerajaan memantau perjalanan sekolah tersebut serta memberi bantuan sekiranya perlu agar perkara ini, perkara-perkara buruk seperti yang berlaku di sekolah tahfiz baru-baru ini tidak berulang untuk sekian kalinya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah tunjang ketiga iaitu pembangunan pendidikan latihan, kemahiran dan bakat. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM654 juta bagi membina prasekolah, sembilan pusat PERMATA termasuk dua pusat baru untuk kanak-kanak autisme, 48 buah sekolah rendah, menengah dan juga kolej vokasional serta sebuah matrikulasi. Di sini saya ingin mencadangkan supaya pendidikan pra sekolah juga diberi perhatian terutama di kawasan-kawasan bandar. Kebanyakan ibu bapa yang berada di bandar terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih untuk memberikan pendidikan prasekolah kepada anak-anak mereka kerana ia tidak ada pilihan.

Prasekolah diwujudkan di sekolah-sekolah rendah terhad kepada mereka yang berpendapatan rendah. Akan tetapi bagi ibu yang berpendapatan pertengahan tidak mendapat kemudahan tersebut. Mereka terpaksa mengeluarkan pembiayaan asing bagi memberi pendidikan prasekolah kepada anak-anak mereka. Sekiranya pihak kerajaan peka dengan permasalahan golongan pertengahan ini, mungkin agensi kerajaan seperti Tabika KEMAS ataupun Tabika Perpaduan boleh diperbanyakkan di kawasan-kawasan taman agar dapat meringankan beban isi rumah pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah tunjang keempat, memaju pembangunan inklusif di bawah perkara kebajikan peneroka. Kerajaan mengumumkan sebanyak RM164 juta diperuntukkan bagi membina 5,000 unit rumah generasi kedua FELDA dengan kerjasama SPNB. Di sini saya mengambil kesempatan untuk maklumkan bahawa di Dewan ini bahawa rumah generasi kedua yang kini masih lagi belum siap, terbengkalai di kawasan Palong 14, Palong 15, Palong 16, dan juga Palong 8. Ianya menjadi beban kepada generasi kedua untuk memiliki rumah di dalam kawasan FELDA. Jadi diharap dengan tindakan peruntukan SPNB ini dapat juga membantu menyiapkan projek-projek terbengkalai seperti mana yang telah dijanjikan.

■1500

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana di bawah tunjang pertama itu untuk merencanakan pelaburan, perdagangan dan industri, kerajaan telah mengumumkan sebanyak RM140 juta untuk program penanaman semula kelapa sawit. Walau bagaimanapun, terdapat desas desus yang menyatakan bahawa pihak FELDA akan memotong sebahagian daripada bayaran pembangunan ini melalui peruntukan wang SES yang telah dibagi kerana membantu ataupun memotong pinjaman yang telah diperuntukkan pembangunan sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengutamakan rakyat dan peluang menjana pendapatan di bawah penunjang kelima. Memberikan pengurangan kadar cukai pendapatan individu bermastautin iaitu pengurangan sebanyak dua mata ataupun dua peratus bagi perbelanjaan pendapatan bercukai antara RM20,000 kepada RM70,000. Ini merupakan khabar gembira buat 2.3 juta pembayar cukai terutama golongan berpendapatan pertengahan M40 atau lebih khusus kepada isi rumah yang berpendapatan RM9,000 ke bawah.

Walaupun bagaimanapun, ada cerita yang tidak berapa sedap untuk didengar melalui rakan-rakan yang mengalami pengalaman dikejar oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Terdapat kes di mana LHDN bertindak seperti *Ah long* malah lebih teruk daripada *Ah long* apabila

mengenakan penalti sebanyak 40 peratus ke atas cukai yang gagal dibayar, sama ada dengan sengaja mahupun tidak sengaja.

Kes ini berlaku apabila seorang penjawat awam yang mempunyai pendapatan RM11,000 sebulan, beliau telah tersalah *claim* perbelanjaan perubatan terhadap ibu bapa beliau sebanyak RM11,000 bagi tahun pendapatan 2015. Oleh kerana perbelanjaan tersebut tidak layak untuk pelepasan diri beliau, maka cukai terkurang bayaran oleh beliau sebanyak RM2,000. Disebabkan itu, LHDN mengenakan penalti sebanyak 40 peratus atas cukai terkurang bayar tersebut iaitu sebanyak RM800. Jadi, jumlah keseluruhan beliau perlu bayar kepada LHDN adalah sebanyak RM2,800.

Cerita ini tidak terhenti di situ apabila pihak LHDN sentiasa bertanya kepada pihak penjawat awam tersebut bila boleh melunaskan bayaran cukai serta penalti tersebut dan pegawai LHDN tersebut memaklumkan bahawa ianya perlu dilunaskan segera dalam tempoh tahun semasa. Sekiranya gagal, LHDN akan mengenakan denda lewat lima peratus ke atas baki yang gagal dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan seperti ini tidak jauh bezanya dengan perlakuan yang dilakukan oleh pihak *Ah long* yang memeras ugut peminjam dan sekiranya gagal, mereka menaikkan kadar faedah pinjaman. Akhirnya, emosi penjawat awam tersebut akan terganggu dan menjadi dendam kerana ianya berlaku terhadap dirinya.

Saya akur bahawa pihak LHDN merupakan pihak yang bertanggungjawab menyediakan kewangan kerajaan supaya bajet yang dirancang oleh kerajaan dapat dilaksanakan. Terima kasih dan tahniah kepada LHDN kerana tanpa usaha yang berterusan, sudah pastilah tidak mendapat bayaran kembali ataupun cukai yang perlu dibayar, tetapi ianya perlu berhempah kerana tindakan ini ada kalanya menjadikan beban kepada seseorang yang mungkin ianya tidak mampu untuk membayar.

Walau bagaimanapun, tindakan ini adalah langkah untuk mendidik dan juga menjadikan seorang itu setia untuk membayar cukai. Jadi denda yang dikenakan 40 peratus ini tidaklah wajar kerana memandangkan tindakan itu adalah kerana untuk membiayai kos perubatan ibu tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat selaku orang kuat dalam politik tanah air merasa bimbang dengan cara-cara yang dijalankan oleh LHDN ini? Cerita Yang Berhormat tadi sama juga dengan beberapa cerita yang lain di mana Lembaga Hasil Dalam Negeri mengambil tindakan drastik dan kadangkang sehingga membuatkan keluarga menjadi huru-hara. Kita bimbang, Yang Berhormat.

Boleh tidak saya nak bertanya kepada Yang Berhormat, kemungkinan ada pegawai-pegawai di dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri itu berniat untuk mensabotaj kerajaan? Ini kerana mereka yang saya bersembang apabila dikejar oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri khususnya artis-artis, mereka ini semuanya merasa begitu gundah gulana dan tidak mahu menyokong Barisan Nasional. Kemungkinan ini menjadi satu sabotaj daripada pegawai-pegawai dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

M Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Suhaimi. Ada kalangan kakitangan LHDN ini bersikap demikian rupa. Kerana kita tahu bahawa tindakan ini kadang-kadang ianya bukanlah kerana kesalahan pembayar cukai. Sepatutnya lebih besar cukai yang dia dapat kutip adalah yang terbaik. Ada kalanya ianya membebaskan dari segi tindakan ini seolah-olah seperti yang saya sebutkan tadi, tidak ada bezanya dengan ah long kerana ada kalanya mereka ini mencari apa lagi yang tidak jumpa untuk bayar cukai, sedangkan ada satu trend untuk supaya *damage* kepada kerajaan, kerana sikap kerajaan, sikap kementerian pun tidak begitu, kerana kemampuan seorang itu membayar cukai mengikut kemampuan. Ada kalanya ianya tidak dapat potongan dari segi perubatan ibu yang saya sebutkan tadi. Ia tidak termasuk dalam kes boleh dikurangkan atau pun dikecualikan cukai tersebut.

Jadi, tindakan ini mungkin LHDN boleh tengok pegawai-pegawai yang ada, tidaklah terlalu memburu hinggakan suatu perkara yang menjadikan kita tidak begitu, orang kata tenteramlah keadaan cukai ini. Bukanlah lari daripada cukai tapi tindakan yang tidak berapa sihatlah. Jadi kita pun berharap ianya tidak berlaku berterusan sehinggakan orang tidak mempercayai bahawa LHDN ini apa sebenar matlamat dia. Jadi dari segi ini, saya setuju dengan pandangan itu supaya ianya boleh dimasukkan sekali dalam saya punya perbahasan dalam ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuma saya nak menyentuh sedikit tentang lambakan pekerja asing kerana lambakan pekerja asing sejak akhir-akhir ini nampaknya makin hari makin bertambah kerana dalam pengurusan, kita melihat bahawa banyak lagi kerja-kerja warga tempatan ini telah diambil alih oleh pekerja asing kerana pihak majikan ini lebih suka untuk menggaji pekerja asing kerana dari segi masa dan juga dari segi kebajikan pekerja ini tidak perlu kadang-kadang mengikut peraturan pekerjaan yang sedia ada. Contohnya, kadang-kadang bekerja seminggu penuh, yang lain itu dia boleh bayar dalam bentuk *overtime* dan sebagainya. Jadi saya bimbang dari segi lambakan pekerja ini, peluang untuk rakyat tempatan untuk bekerja contohnya di makanan segera KFC ataupun lain-lain yang boleh diberi peluang kepada pekerja tempatan.

Saya mencadangkan juga agar mereka yang menggunakan pekerja tempatan dikurangkan cukai berbanding mereka yang menggunakan warga asing. Banyak mana peratus menggunakan warga asing, sudah pastilah cukai ini tidak dikurangkan. Jadi kepada syarikat ataupun majikan yang menggaji pekerja tempatan, perlulah kita bagi insentif agar ia menggalakkan menggunakan pekerja tempatan dan ianya tidak lagi menjadi lambakan ataupun menutup rezeki anak-anak kita ataupun warganegara Malaysia yang hendak bekerja di sini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa skop yang lain sudah disentuh. Jadi saya menyokonglah Rang Undang-undang Perbekalan 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Oktober yang lalu.

■1510

Jadi saya berharap penambahbaikan perlu dilakukan kerana ia memberi impak kepada rakyat dan rakyat di bawah ini merasakan amat berterima kasih kerana dulunya tidak pernah dalam sejarah dibayar ataupun dapat bonus terutamanya mereka yang menjadi imam, menjadi siak, menjadi bilal dan juga mereka yang berkaitannya. Malah, musim tengkujuh sudah tiba, dapatlah

peruntukan RM200 selama tiga bulan. Ia memberikan impak yang cukup besar kepada rakyat yang berada di bawah. Jadi, ia dari semasa ke semasa perlu ditambah.

Dan juga kawalan dari segi produk-produk tempatan. Maksud saya, dari segi harga getah juga perlu kita kawal. Walaupun harga lantai telah pun diputuskan dengan kadar RM2.50 *cup lump* bagi sekilo, maka bila peraih ambil getah ini, rakyat masih lagi mendapat harga yang rendah RM9.90, RM9.80. Jadi, rakyat tidak dapat menikmati walaupun harga lantai ini. Jadi, diharap kementerian yang berkenaan komoditi dan perladangan juga mengawal peraih-peraih ini kerana akhirnya peraih yang untung, rakyat juga yang menderita. Jadi, bajet mensejahterakan rakyat ini benar-benar mencapai impaknya jika sistem ataupun penyampaian kita ataupun cara bertindak kita sampai kepada matlamatnya.

Itu saja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih memberi peluang dan saya menyokong rang undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff.

3.12 ptg.

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera... [Membaca sepotong doa]*

Sekali lagi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2018. Syukur *alhamdulillah* dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Najib bin Tun Razak, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menyambung perkhidmatan saya sebagai Ahli Dewan Negara untuk penggal kedua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sesungguhnya saya berazam melalui pelantikan kali ini, saya akan memastikan rakyat akan terus dibela dan akan menggunakan saluran di dalam Dewan yang mulia ini untuk menzahirkan hasrat dan impian rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan Bajet 2018 ini. *Touch point* dan perincian Bajet 2018 ini membuktikan Kerajaan Barisan Nasional komited dalam mengangkat martabat wanita dan mengiktiraf peranan mereka dalam sektor pekerjaan Malaysia. Dengan terlaksana segala usaha dan program dalam perincian Bajet 2018, saya doakan ekonomi Malaysia terus tumbuh pada kadar melebihi 6.2 peratus sebagaimana angka yang sama dicapai semasa suku ketiga tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2018, dianggarkan seramai hampir tujuh juta penerima kumpulan B40 akan menerima insentif bantuan kerajaan BR1M 2018 iaitu tahun depan. Kalau dikaji trend jumlah penerima BR1M sejak ia dilancarkan 2012, jumlah penerima semakin bertambah dan anggaran sebanyak RM6.8 bilion peruntukan adalah memenuhi matlamat kerajaan dalam mengagihkan kekayaan negara untuk dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat.

Oleh itu, saya berpandangan bahawa satu perancangan efektif perlu dilakukan untuk memastikan mobiliti sosial kumpulan B40 beralih kepada kumpulan berpendapatan sederhana

M40. Justeru, perancangan teliti melalui pendidikan berkualiti dan peluang-peluang pekerjaan perlu dikembangkan.

Justeru, pada petang ini dalam Dewan yang mulia ini, saya mohon mendapatkan penjelasan kerajaan. Yang pertama, dapatkah Kementerian Pendidikan dan MARA meningkatkan kuota pengambilan pelajar ke MRSM, sekolah berasrama penuh sehingga 75 peratus jumlah enrolmen pelajar adalah dari kumpulan B40? Maksud saya di sini, kalau di Maktab Rendah Sains MARA, kalau *student* 100 orang, kita tak nak anak-anak orang kaya sampai 50 orang, yang dalam B40 pun 50 orang. Saya harap kementerian bagi penjelasan kepada kita berapa *percent*. Akan tetapi saya sendiri hendak 75 *percent*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi satu contoh di mana saya terjumpa seorang kawan saya dia belajar di Jerman. Dia balik dari Jerman dia cerita dekat saya. Dia kata, "*Shahanim, betapa untungnya rakyat di Malaysia ini*". Dia kata di Malaysia ini kalau anak seorang penoreh getah, anak petani, anak nelayan hanya dengan satu keturunan- satu keturunan saja, satu generasi. Kalau bapa nelayan tetapi di Malaysia anak boleh jadi doktor, anak boleh jadi *engineer*, anak boleh jadi *lawyer*. Akan tetapi di Jerman, kalau bapa itu petani, tunggu tiga keturunan baru anak-anak boleh berjaya. Kerana, kerajaan di Jerman tidak akan membantu. Berbeza dengan negara Malaysia. Kalau di Malaysia, anak penoreh getah masuk lagi asrama di MRSM. Keluar MRSM berjaya dapat masuk universiti, dapat pergi *oversea*, balik sudah boleh jadi doktor dan *lawyer*. Ini satu. Satu generasi sahaja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang saya mohon yang kedua ialah kerajaan mesti memperuntukkan hanya seorang dari setiap isi rumah dibolehkan bekerja dengan perkhidmatan kerajaan, GLC atau badan berkanun kerajaan bagi memberikan akses sama rata dan membendung perlakuan kronisme dan dominasi serta pengekalan legasi di sesebuah institusi perkhidmatan awam, badan berkanun atau GLC.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi contoh lah. Kalau sekarang ini saya bagi contoh di negeri saya kalau di Kedah. Kalau ayah pegawai daerah di *District Officer* (DO), anaknya pun bakal jadi DO, cucu nanti bakal jadi DO. Saya bagi contoh kalau di Petronas. Suami kerja Petronas pegawai tinggi, isteri kerja Petronas Pegawai tinggi, adik di Petronas, anak di Petronas. Yang ini yang kita hendak minta kerajaan untuk tolong tengok balik hal-hal yang berkaitan dengan kronisme.

Yang ketiganya, menyusun semula pembangunan wilayah ekonomi di seluruh bahagian di Malaysia agar pertumbuhan ekonomi lebih sekata dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman kerajaan menjajarkan semula program pendidikan TVET di Malaysia yang ditawarkan oleh tujuh kementerian untuk mencari penyelesaian ketidaksamaan penarafan, kelayakan dan kesinambungan program persijilan kemahiran amat saya alu-alukan. Melalui kerangka kerja induk TVET Malaysia dan sokongan bajet RM4.9 bilion ini, kerajaan dilihat benar-benar serius untuk melatih belia-belie agar mahir dan mempunyai kelayakan kemahiran yang setanding dengan keperluan industri.

Soalan saya, apakah pendekatan yang diambil oleh EPU dan jabatan-jabatan kerajaan yang menjalankan ujian dan pengiktirafan kelayakan kemahiran melalui kerangka kerja perundangan dan statutori turut sama membantu kerajaan untuk melonjakkan TVET Malaysia ini?

Oleh itu, CIDB, JKR, Lembaga Jurutera, juruukur dan arkitek, Suruhanjaya Tenaga, SPAN, DCA, Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Meteorologi dan Geosains, Agensi Nuklear Malaysia, MCMC atau lain-lain institusi perlulah lebih proaktif untuk memastikan kandungan modul latihan dan rangka pengiktirafan TVET Malaysia lebih sempurna. Saya juga memohon jabatan dan institusi statutori yang berperanan memberikan pengiktirafan statutori memberikan maklumat unjuran keperluan tenaga mahir kompeten menjelang tahun 2030 serta bagaimana manfaat dan keberkesanan program TVET Malaysia ini dalam sektor pasaran kerja negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada November lalu, telah berlaku bencana banjir dan bencana alam lain di Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan, termasuk di negeri saya dan juga Terengganu yang mengakibatkan kerosakan rumah dan harta benda.

Soalan saya kepada Kementerian Kewangan dan Menteri Kewangan. Apakah Kastam tidak berhasrat untuk menawarkan kadar layanan sifar GST kepada mangsa banjir dan bencana alam apabila mereka membeli? Bila rumah dah rosak, Tuan Yang di-Pertua, dia orang beli bahan binaan untuk membaiki rumah, akan membeli kelengkapan dapur dan perabot untuk gantian yang musnah, akan membeli pakaian, selimut, tilam, bantal dan sebagainya.

■1520

Jadi kita mohon kalau bencana alam, mangsa-mangsa ini beli barang-barang ini balik, kerajaan tolong untuk tengok balik layanan kadar sifar GST ini. Ini kerana kelainan kadar sifar GST ini amat penting bagi memastikan bebanan rakyat untuk membaik pulih rumah, menggantikan alatan kelengkapan dan pakaian mendapat pembelaan kerajaan dan kos lebih murah. Justeru, saya menggesa Kastam agar meningkatkan pengecualian GST ini diberikan kepada mangsa-mangsa bencana alam sebagaimana Bank Rakyat dan Bank Pertanian memberikan bantuan penangguhan bayaran ansuran pinjaman kepada mangsa bencana ini. Harapan saya, dengan sokongan pengecualian GST ini, lebih tunai GST boleh digunakan untuk perbelanjaan upah kerja dan pembelian gantian alatan kelengkapan yang musnah dalam bencana banjir atau ribut.

Tuan Yang di-Pertua, masa kini, penularan aktiviti *scam* dan jenayah memperdaya orang ramai melalui penyelewengan data peribadi akaun bank dan telekomunikasi amat membimbangkan. Setiap hari, ada sahaja mangsa-mangsa diperdaya jenayah siber dan *scam* ini yang dilaporkan kepada polis serta melibatkan kerugian jutaan ringgit.

Soalan saya, berapakah kes-kes jenayah siber pemerdayaan komersial yang disiasat mengikut seksyen 420, Kanun Keseksaan sehingga November 2017? Kedua, bagaimana Bank Negara Malaysia, MCMC, KPDNKK serta polis merangka strategi yang lebih berkesan untuk membendung jenayah ini daripada berlaku?

Ketiga, bagaimana KPDNKK melalui pihak berkuasa perlindungan data peribadi meningkatkan tindakan dan langkah bagi memastikan penyelewengan data peribadi dikawal dengan cekap?

Keempat, saya mohon penjelasan Jabatan Peguam Negara, apakah pesalah-pesalah untuk seksyen 420 ini dijatuhi hukuman agar ia menjadi iktibar dan kegerunan yang tinggi untuk mereka menghindari aktiviti penipuan dan pemerdayaan orang ramai terutama mangsa pakej umrah, haji dan perkahwinan yang melibatkan ramai orang ketika ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita merasakan hukuman ini terlalu ringan. Oleh sebab itu, mereka akan tipu lagi pakej umrah dan kena hukuman ringan. Kemudian dalam enam bulan, masih akan mengulang untuk menipu dalam pakej umrah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2018, anggaran pelucutan harta 'Akta Dadah Berbahaya 2018 (76107), hanya RM8.75 juta rampasan dan denda-denda berjumlah RM591 juta.

Soalan saya, bagaimanakah kerajaan dapat meningkatkan pengesanan bagi menyita harta atau hasil dari dadah dan *anti-money laundering* (AML), dengan izin, diperhebatkan? Saya minta agar semua agensi kerajaan yang menguatkuasakan AMLA memperincikan sitaan dan pembekuan aset di bawah undang-undang AMLA.

Kedua, bagaimanakah kerajaan, SPRM dan Agensi Penguatkuasaan Maritim memastikan aset rampasan pencerobohan maritim sama ada pencerobohan perikanan dan aktiviti lanun dipastikan aset rampasan dikutip dengan lebih sempurna dan mengelak ketirisan?

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada sedikit soalan lagi mengenai MC penjawat-penjawat awam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff: Saya cuma hendak tanya soalan MC ini. Bagaimana JPA menangani masalah MC hospital pakar swasta yang diberikan kepada penjawat awam yang mendapatkan rawatan penyakit kronik yang menjalani prosedur rawatan kesihatan secara intensif, yang mana jumlah MC hospital swasta ini melebihi 14 hari setahun? Bagaimanakah kaedah dan bantuan yang boleh diberikan kepada penjawat awam agar perkhidmatan mereka tidak terjejas? Saya dapat banyak maklum balas dari penjawat awam bahawa gaji mereka terpaksa dipotong kerana MC hospital pakar swasta ini melebihi 14 hari dan semestinya episod malang yang berlaku ini menjejaskan motivasi dan perkhidmatan cemerlang kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff: Sikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff: Program Perumahan Rakyat dan fokus kerajaan membina rumah kediaman untuk golongan B40 dan M40 amatlah saya hargai. Strategi kerajaan mewujudkan pembangunan perumahan untuk rakyat melalui program-program perumahan oleh SPNB, Kementerian Wilayah, KKLW, FELDA, PR1MA, UDA dan GLC telah terbukti amat menyusun masyarakat dengan kehidupan yang sistematik dan sempurna.

Cuma, kenaikan kos bahan binaan, kadar upah dan harga tanah menjadi kekangan dan menyebabkan harga rumah sukar dikawal. Terdapat banyak rungutan terutama kumpulan M40 yang menggesa kerajaan membina lebih banyak kediaman bersesuaian dengan pendapatan dan

status sosial mereka. Akan tetapi, kita tetap juga berhadapan dengan masalah tanah yang mana kuasa ini dimiliki oleh kerajaan negeri yang sukar untuk Kerajaan Persekutuan mencari formulasi yang cekap untuk menangani masalah perumahan.

Oleh itu, saya mohon agar Kerajaan Persekutuan menjalankan kerjasama lebih spesifik dan dinamik agar *land bank* institusi seperti SPNB dan PR1MA mempunyai pegangan tanah lebih besar. Soalan saya yang pertama, berapakah jumlah *land bank* yang dimiliki oleh SPNB dan Perbadanan PR1MA ketika ini?

Soalan kedua, bagaimanakah fokus kerajaan dalam menyesuaikan segmentasi pembangunan perumahan agar kumpulan M40 tidak dibelenggu masalah mendapatkan perumahan selesa dan sesuai dengan tahap pendapatan mereka?

Ketiga, bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah *bankability* pembeli rumah? Ini kerana didapati kegagalan pembeli rumah program perumahan kerajaan adalah kerana bebanan hutang yang melampaui kemampuan pendapatan isi rumah kumpulan M40 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah hendak habis. Cuma, sebelum saya akhiri perbahasan saya, saya tengok Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Tuan Yang di-Pertua masih ingat tiga tahun yang lepas sebagai Ahli Dewan Negara, kita memperjuangkan nasib anak-anak yatim di rumah anak-anak yatim di bawah PEYATIM. Akan tetapi, sampai hari ini, untuk makluman sidang Dewan, anak yatim dapat makan satu hari RM8 untuk makan lima kali. Pada hari ini saya rasa hendak marah ada, sedih ada. Kenapa kerajaan tidak prihatin kepada anak-anak yatim yang di bawah jagaan PEYATIM?

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor, ini adalah penggal kedua saya. Saya harap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, KSU dan pegawai-pegawai tolong ambil tanggungjawab. Kita jangan zalim kepada anak yatim. Dekat lain-lain kita boleh bagi bajet, kenapa kepada anak-anak yatim yang tidak ada ibu bapa, yang memang sudah tahu susah, duduk di rumah anak-anak yatim, kita tahu dia makan RM8 sehari, makan lima kali, hendak makan apa? Akan tetapi, masih lagi kita tidak hairan, kita tidak pandang, kita tidak serius.

Saya sangat-sangat memohon kepada pegawai-pegawai berkenaan untuk lebih serius, tengok balik. Kerajaan ada duit tetapi kerana kita buat kerja halai-balai, buat kerja dengan rasa tidak serius, peruntukan anak-anak yatim ini tidak sampai kepada mereka yang sebenarnya. Kadang-kadang betullah dalam Islam kata, kadang-kadang kita dapat bala kerana ada benda itu hak yang patut dia dapat tetapi tidak disampaikan.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir dari saya, dalam Bajet 2018, banyak penekanan diberikan kepada pembangunan wanita dalam trend semasa ekonomi yang mana trend pekerjaan separuh masa dan tidak berjawatan tetap atau *freelancer* mendominasi ekonomi global dan pasaran bebas digital. Contohnya, pemandu Uber. Oleh itu, satu kerangka komprehensif pembangunan kaum lelaki perlu diberi perhatian khusus dan kerajaan menetapkan sasaran di bawah SERI yang bakal diwujudkan di JPM tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju kita tubuh Jabatan Pembangunan Wanita. Akan tetapi, sebenarnya hari ini masalah wanita bermula dengan lelaki. Kalau kita tengok buang bayi,

sebenarnya berpunca dari lelaki. Paling banyak penagih dadah, lelaki. Yang dalam penjara paling banyak, lelaki. Gelandangan paling banyak, lelaki. Jadi, soalan saya kepada kerajaan, apakah dengan situasi dan persekitaran ekonomi kini, amat tepat kerajaan membangunkan kaum lelaki itu dahulu agar lebih relevan dengan ekonomi global?

■1530

Sebagai wanita, saya tahu seorang ibu, seorang wanita dia berdiri mantap. Kalau lelaki tinggal anak dekat dia enam orang dia tidak lari, dia akan jaga anak dia, mengasuh anak dia. Akan tetapi kalau lelaki ini kena tinggal dengan isteri anak enam, orang macam-macam cerita ataupun kadang-kadang dia boleh lari tinggal anak dia... *[Ketawa]*

Jadi akhir kata Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Saya mohon menyokong pembentangan Bajet 2018 ini. Semoga bajet ini menyejahterakan dan menggembirakan rakyat jelata. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun menyesal kerana anak yatim ini tidak diberi perhatian. Saya berharap kementerian tersebut ini mengambil perkara ini seberat mungkin. Takkanlah RM8 mereka boleh makan.

Sila Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor. Silakan.

3.31 ptg.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas laluan yang diberikan untuk saya turut sama bangun dan berbahas serta berkongsi pandangan berhubung perkara Bajet 2018 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 ini bertemakan "Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Menyejahterakan Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi TN50" dan ianya bertemakan lapan teras utama ini telah memperuntukkan sejumlah wang RM280.25 bilion menyaksikan pertambahan peruntukan berbanding RM260.8 bilion peruntukan Bajet 2017 yang dibentangkan.

Mengikut pecahan RM234.25 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan RM46 bilion untuk perbelanjaan pembangunan tidak termasuk simpanan luar jangka RM2 bilion. Terus saya ke beberapa perkara dengan isu yang ingin saya sentuh agar mendapat perhatian pihak kementerian berkaitan. Sebelum saya mulakan isu-isu yang saya hendak bangkitkan di sini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Dato' Shanim kerana membangkitkan isu anak-anak yatim.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya bangkit lebih kurang lima tahun yang lalu. Tiap-tiap tahun saya bangkit isu ini tetapi jawapan daripada JKM mengatakan pihak Kementerian Kewangan tidak meluluskan peruntukan yang kita minta.

Apa yang saya ingin memperingati kepada Ahli Dewan sekalian, perkara ini telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri yang mana peruntukan RM8 itu telah dinaikkan kepada RM16. Akan tetapi apa yang berlaku sudahnya diluluskan kepada JKM. Rupa-rupanya JKM itu Jabatan Kemajuan Masyarakat bukan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya difahamkan perkara ini sebenarnya adalah untuk kebajikan masyarakat iaitu untuk anak-anak yatim. Akan

tetapi wang ini, kelulusan ini, diberikan kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat yang mana mereka ini sekarang ini mendapat RM16 sehari.

Mereka ini untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, mereka ini masuk 8.00 pagi sehingga 12.30 tengah hari, RM16. Sedangkan kita yang jaga anak-anak yatim ini 24 jam, RM8 sehari. Patutkah Tuan Yang di-Pertua? Ini bukan- saya ini salah seorang daripada Naib Presiden PEYATIM Malaysia. Kita membantu mereka ini membuat kerja kita ini tanpa satu sen. Ini untuk anak-anak yatim. Jadi saya pun tidak mahu cakap panjang perkara ini. Pihak Kementerian Kewangan patut memikirkan perkara ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama kali Tuan Yang di-Pertua bangkit isu ini saya rasa beri semangat kepada saya. Saya akan uar-uarkan perkara ini di luar Dewan. Dalam Dewan pun mereka tidak mahu dengar. Lima tahun Tuan Yang di-Pertua. Tahun ini adalah tahun penghabisan untuk saya. Jadi mungkinlah Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim ada tolong teruskan dan untuk anak-anak yatim.

Dato' Shahanim Bt Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon pada petang yang mulia ini, di dalam Dewan yang mulia ini untuk pegawai-pegawai daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk *take note*, untuk ambil serius kerana kami mahu jawapan. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor sudah lima tahun, saya sudah tiga tahun. Sudah habis sepenggal pun. Sampai bila perkara ini akan berterusan?

Saya rasa sebak juga sebab Tuan Yang di-Pertua pun boleh *noted* benda ini tetapi mana pegawai yang ambil serius benda ini? Tuan Yang di-Pertua sebagai Speaker pun boleh terasa hati dengan peruntukan yang sedikit kepada anak-anak yatim ini, apakah pegawai-pegawai yang di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak ambil perhatian perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim. Saya hendak tujukan kepada JKM dan juga Kementerian Kewangan. Selalunya kalau kita, apa yang Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim itu kata betul. Pihak JKM akan mengatakan, "*Oh! Yang tidak lulus ini Kementerian Kewangan*". Jadi saya mintakan sebab saya semangat sebenarnya bila Tuan Yang di-Pertua sambut ucapan Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penerangan sedikit berkenaan dengan isu-isu yang ingin saya tampilkan di sini untuk perhatian pihak kementerian berkaitan. Satu, isu GLC. GLC serta syarikat gergasi yang lari daripada cukai. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan iaitu selaras dengan falsafah pembangunan *growth with equity*, Malaysia berhasrat mencapai pertumbuhan ekonomi yang kukuh dengan pengagihan hasil ekonomi yang lebih saksama kepada rakyat. Bagi tujuan ini syarikat GLC akan merintis teladan kepada sektor korporat melalui KPI bagi meningkatkan nisbah pampasan pekerja selaras dengan pertumbuhan produktiviti.

Saya terpenggil untuk menyentuh isu ini kerana ianya menyentuh peranan GLC dalam meningkatkan ekonomi Malaysia. Sudah tentu GLC diberi peranan dan tanggungjawab besar dan sudah tentu perlunya GLC ini mempunyai tahap integriti yang tinggi serta boleh dijadikan contoh oleh syarikat-syarikat berskala sederhana dan kecil.

Namun, baru-baru ini pendedahan Lembaga Hasil Dalam Negeri bahawa wujudnya syarikat-syarikat gergasi yang terlibat dalam aktiviti menipu akaun bagi mengelak dikenakan cukai di mana syarikat-syarikat gergasi ini sebenarnya mengaut keuntungan berjuta-juta Ringgit malah ada yang mencecah nilai bilion Ringgit sebahagiannya bertaraf GLC di mana sumber modal pusingannya adalah daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan media baru-baru ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri mendedahkan sebanyak 15 buah syarikat daripada 70 buah syarikat gergasi yang diaudit lembaga tersebut dikesan mengelak cukai atau dalam bahasa percukaian tersebut melakukan perancangan cukai agresif (ATP). Beberapa syarikat bertaraf GLC juga dikatakan terbabit. Difahamkan jumlah cukai dan penalti yang dianggarkan bagi 15 buah syarikat itu adalah sebagai sebanyak RM1.016 bilion.

Syarikat-syarikat tersebut termasuklah syarikat kewangan, insurans serta minyak dan gas kebanyakannya melakukan pengelakan cukai secara agresif dengan menyalahgunakan peruntukan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990. Sebelum ini terdapat institusi kewangan yang cuba menggunakan Labuan untuk mendapatkan bayaran balik. Ini merangkumi kira-kira RM200 juta cukai melibatkan tiga buah syarikat.

■1540

Terbaru ialah sebuah syarikat gergasi di Malaysia yang menggunakan entiti di Labuan yang berjaya dikesan dan telah membangkitkan cukai serta penalti sebanyak RM37 juta melibatkan cukai pegangan. Itu laporan daripada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan GLC sepatutnya bersih dan mempunyai integriti tinggi bagi dijadikan contoh kepada syarikat-syarikat lain serta memikul peranan yang diamanahkan oleh pihak kerajaan. Sikap acuh tidak acuh malah perancangan strategik *smart accounting* untuk mengelak cukai tidak sepatutnya wujud. Jika perlu saya menyarankan diadakan siasatan dalaman. Kenal pasti jumlah sebenar cukai yang cuba dielak. Siapa dalang dalam GLC tersebut dan tindakan tegas perlu diambil. Ini kerana peruntukan besar diberikan kepada pihak kerajaan untuk GLC ini namun cukai liat dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengajukan beberapa soalan. Satu, saya mohon pihak berwajib agar dapat melihat isu ini dan tindakan segera perlu diambil. Kita tidak mahu rakyat di luar sana menuduh berlakunya ketidakadilan, di mana rakyat biasa dikenakan hukuman tetapi syarikat gergasi dan GLC terlepas dari siasatan dan hukuman. Mungkin tidak keterlaluan jika kita boleh mengambil contoh negara Amerika Syarikat yang mengenakan hukuman berat ke atas individu atau syarikat yang dengan sengaja menipu dan mengelakkan cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, saya ingin bangkitkan isu sempadan negara. Saya ingin menyentuh peruntukan RM14 bilion untuk Angkatan Tentera Malaysia. Hampir RM9 bilion untuk Polis Diraja Malaysia dan lebih RM900 juta kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

ataupun APMM. Isu keselamatan bukan lagi isu baru, telah lama berlanjutan namun masih tidak ada jalan penyelesaian.

Baru-baru ini, pihak penguat kuasa di sempadan Malaysia-Thailand di Bukit Kayu Hitam diingatkan agar tidak sesekali berkompromi dengan isu keselamatan berikutan pintu sempadan itu kini dibuka 20 jam sehari. Ini ingatan daripada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri. Peningkatan kawalan diperlukan kerana dikhuatiri ancaman seperti penyeludupan, pemerdagangan manusia dan jenayah rentas sempadan menjadi berleluasa susulan pelaksanaan langkah tersebut baru-baru ini.

Namun, menurut Yang Berhormat Menteri lagi, beliau berpandangan belum ada keperluan untuk menambah pasukan tentera bagi mengawal sempadan negara. Ini kerana khabarnya sudah terdapat 4,000 anggota Angkatan Tentera Malaysia yang bertugas mengawal keselamatan di pintu sempadan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini izinkan saya mengajukan beberapa soalan. Satu, berapa jumlah terkini kekuatan anggota ATM, PDRM dan AKSEM yang bertugas menjaga pintu sempadan negara termasuk di Sabah dan Sarawak?

Kedua, bagaimana bentuk kerjasama antara ATM, PDRM, Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dan APMM dalam mengawal sempadan termasuk yang melibatkan perairan?

Ketiga, keberkesanan dan status terkini di Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 termasuk keberkesanan AKSEM sejak penubuhannya termasuk dari perjawatan baru. Keberkesanan operasi dan nilai hasil rampasan jika dibandingkan dengan UPP.

Keempat, adakah kerajaan melihat di sebalik kelebihan penubuhan AKSEM ini yang dikatakan bidang tugas yang lebih meluas? Adakah kerajaan berpandangan bahawa masih wujud pertindihan bidang tugas, kuasa pengoperasian dengan beberapa agensi seperti ATM dan PDRM?

Maksud saya di sini AKSEM diperkasakan dengan menambah anggota dan perjawatan dan diberi kuasa penuh pengawalan sempadan dan ATM, PDRM serta APMM boleh memberi fokus kepada tugas hakiki masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga yang saya bangkitkan ialah isu *wasatiyyah*. Saya terpanggil untuk menyentuh isu ini ekoran berleluasanya pelbagai bentuk fahaman, kepercayaan, penjenamaan semula ajaran sesat serta isu-isu keganasan dan salah tafsir agama di kalangan rakyat kita hari ini. Ini belum termasuk ancaman luar yang dikhuatiri jika tidak dikawal mampu menggugat keselamatan dan keharmonian jika kita yang berbilang kaum, agama, adat dan budaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk mengulas isu kerajaan yang bercadang menerapkan konsep *wasatiyyah* dalam kurikulum pembelajaran dan memanggil cerdik pandai agama untuk membincangkan konsep kesederhanaan.

Konsep *wasatiyyah* atau kesederhanaan di cadang, disisipkan dalam kurikulum sekolah dan universiti bagi meningkatkan kefahaman rakyat terhadap konsep berkenaan. Kerajaan juga sedang berusaha mengumpulkan ilmuwan daripada semua agama di negara ini bagi membincangkan konsep *wasatiyyah* untuk dijadikan amalan dan cara hidup terbaik rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada ancaman keganasan, ekstremisme dan Islamophobia yang berlaku di seluruh dunia, saya berpandangan tuntutan untuk mengamalkan konsep *wasatiyyah* secara sejagat kini menjadi lebih relevan. Sehubungan itu saya menyarankan agar Malaysia turut memainkan peranan dan bekerjasama dengan negara-negara lain untuk menyebarkan konsep *wasatiyyah* supaya masyarakat dunia tidak terperangkap dengan fahaman mahupun ideologi terlalu ekstrem. Tidak terlalu liberal sehingga terjerumus ke kancuh salah tafsir konsep jihad seperti IS serta Daish. Semua ini adalah langkah yang baik untuk Malaysia terus mengekalkan keharmonian dan hidup bertoleransi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya terpanggil untuk mengajukan beberapa soalan iaitu satu, apakah langkah kerajaan mengamalkan kesederhanaan untuk memastikan negara kekal aman dan harmoni?

Kedua, sejauh manakah komitmen kerajaan dalam hal itu terbukti melalui kewujudan Dasar Wasatiyyah Negara pada 21 Oktober 2016 yang direalisasikan sebagai dasar negara untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian?

Tuan Yang di-Pertua, isu keempat yang saya ingin bangkitkan ialah isu Rohingya. Secara dasarnya Malaysia selama ini tidak pernah berhasrat untuk campur tangan dalam hal ehwal dalaman Myanmar ketika membangkitkan isu etnik Rohingya di negara itu. Akan tetapi, ia adalah isu kemanusiaan serantau dan sejagat yang perlu diberi perhatian memandangkan ia masih terus berlarutan sejak sekian lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat sekitar tahun 90-an pelarian Rohingya ini sudah mula memasuki negara kita atas tiket UNHCR, tinggal menetap dan melahirkan generasi kedua mereka di sini. Mungkin masa itu jumlahnya tidak ramai, kurang menonjol, tidak memberi masalah kepada rakyat tempatan, tiadanya teknologi maklumat seperti hari ini.

Namun, situasi ini berubah sama sekali hari ini. Kita negara pemurah masih lagi menerima pelarian Rohingya, ini atas dasar perikemanusiaan. Tidak tergamak menghalau mereka ke negara asal atau kembali ke laut antarabangsa dengan bot usang yang sarat dengan pelarian seperti dilakukan oleh beberapa negara jiran kita. Namun jalan penyelesaian yang konkrit perlu diambil...

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik untuk minta kebenaran mengulas sedikit perkara yang penting yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Shukor tadi iaitu tentang isu *wasatiyyah*. Isu *wasatiyyah* ini sudah pun diuar-uarkan dua, tiga tahun terakhir ini. Akan tetapi, saya pun ada soalan juga sebenarnya kepada Menteri yang berkenaan.

■1550

Sejauh manakah pelaksanaannya pada hari ini sebab dia isu *wasatiyyah* ini bukan isu untuk orang Islam sahaja tetapi *wasatiyyah* itu kalau difahami dengan betul dia banyak maknanya. Antara yang penting ialah keadilan dan kesederhanaan. Kesederhanaan bagi orang Islam sangat dituntut supaya tidak menjadi ekstrem dalam melakukan perkara-perkara keagamaan.

Katakanlah sebagai satu contoh Rasullullah SAW tidak benarkan orang Islam untuk duduk di masjid 24 jam, untuk beribadah. Pernah ditegur dia bersabda kepada satu orang, "*Kamu ada tanggungjawab tidak di rumah?*". Itulah yang dimaksudkan anak isteri. Orang yang berkenaan kata, "*Ya, saya ada anak, isteri*". "*Siapa yang bagi makan kepada anak isteri kamu?*". Dia tidak jawab. Inilah salah satu contoh bahawa kesederhanaan dari segi Islam maknanya orang lelaki sebagai suami kena cari rezeki dan tidak boleh duduk di dalam masjid 24 jam.

Kemudian isu yang besar hari ini ditimbulkan tadi ialah bahawa soal keganasan dari segi perkataan, pemikiran yang boleh menjejaskan keamanan kepada semua manusia. Jadi dalam konteks Malaysia ini, prinsip *wasatiyyah* ini yang sudah pun diuar-uarkan sepatutnya dapat dijadikan sebagai satu prinsip negaralah saya nampak hari ini kalau boleh dipersetujui supaya kita terangkan kepada semua rakyat dengan cara yang penuh dengan *wisdom*, dengan izin.

Oleh sebab saya nampak sekarang ini dunia kalau kita tidak ambil perhatian perkara ini keadaan negara kita pun bahkan saya buat dalam ucapan saya tadi bahawa keceloparan lisan setengah-setengah *assatizah*, guru-guru agama, pendakwah saya rasa sudah di luar daripada batasan dan ini akan mengundang kepada keganasan yang kita tahu juga di rantau kita ini pun ada juga satu rangkaian Daish yang semakin ke hadapan dari segi medan operasi mereka.

Jadi saya hendak cadangkan juga kalau boleh dengan izin Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor supaya kalaulah dapat dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sepatutnya JAKIM, Institut Wasatiyyah dan sebagainya kita dapat ruang Senator-senator ini, Ahli Dewan Negara mendapat *briefing* daripada mereka. Apakah langkah-langkah yang patut atau sedang mereka lakukan supaya kita dapat bertukar fikiran bagi menjadikan usaha untuk mendidik rakyat memahami konsep *wasatiyyah* ini dapat difahami dengan mudah, berkesan dan maknanya berjalan dengan baik bukannya bermusim-musiman. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini konsep *wasatiyyah* ini sebagaimana yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Dr. Mohd Nor Haji Monutty kena difahamkan kepada seluruh rakyat Malaysia. Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju pandangan Yang Berhormat Dr. Mohd Nor Haji Monutty. Pihak kementerian patut mengambil iktibar perkara ini. Beri penerangan kepada kita semua apa yang hendak dilaksanakan dalam segi dasar *wasatiyyah* ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ia suatu usaha penyelesaian yang tidak boleh hanya dilakukan oleh Bangladesh iaitu jiran terdekat yang dibanjiri pelarian Rohingya ini sehingga wujudnya antara kem pelarian terbesar di dunia. Jadi mereka perlukan bantuan negara sahabat yang lain termasuk Malaysia. Malaysia merasakan masalah kemanusiaan ini perlukan penyelesaian melalui kaedah kolaborasi rantau khususnya negara ASEAN.

Walaupun Myanmar antara negara anggota ASEAN tetapi isu kemanusiaan seharusnya perlu merentasi sempadan kerana itu Malaysia melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetap bertegas untuk Myanmar menyelesaikan masalah ini dan dibantu badan antarabangsa, *ethnic cleansing*. Tidak sepatutnya berlaku di Wilayah Rakhine, Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini izinkan saya mengajukan beberapa soalan kepada kementerian. Apakah inisiatif terbaru yang dicapai oleh negara ASEAN berhubung isu ini?

Kedua, bagaimana kementerian melihat kejayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan isu ini kepada Presiden Amerika sendiri. Ketiga, sejauh manakah keyakinan kita atas bentuk kerjasama dengan negara ASEAN yang prihatin terhadap masalah ini bersama Pertubuhan Antarabangsa bagi migran dan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi pelarian UNHCR serta beberapa badan antarabangsa lain.

Tuan Yang di-Pertua, topik kelima dan akhir iaitu sekolah tahfiz. Baru-baru ini seluruh negara dikejutkan dengan insiden menyayat hati. Terjadi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang mengorbankan 23 nyawa. Setulus takziah kita ucapkan kepada keluarga yang terlibat. Jadi Bajet 2018 demi memartabatkan syiar Islam dan penguatan jati insan khususnya pengurusan sekolah tahfiz diperuntukkan RM50 juta kepada GIATMARA bagi membaik pulih dan menyelenggarakan sistem pendawaian di semua sekolah tahfiz yang berdaftar di seluruh negara.

Sejak lima tahun lalu kerajaan menjalankan pelbagai usaha untuk meningkatkan penyelarasan institusi pondok dan tahfiz. Antaranya bantuan kewangan dan perubahan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara. Usaha ini tidak semudah diperkatakan kerana membabitkan banyak peringkat organisasi dan kuasa pelaksanaan berbeza bagi setiap negeri. Kerajaan negeri guna mekanisme penyelarasan bersesuaian misalnya bekerjasama dengan Majlis dan Jabatan Agama Islam serta Jabatan Pendidikan Negeri. Saya lihat penyelarasan pendidikan tahfiz dan pondok perlu dipertingkatkan.

Di Indonesia, sekolah-sekolah pondok misalnya Pondok Gontor di Pulau Jawa, sekolah agama moden seperti sekolah kebangsaan agama atau sekolah swasta yang terkenal di negara kita cuma sekolah itu dipanggil "sekolah pondok."

Kedua, berdasarkan kajian di Indonesia didapati sistem pendidikan agama mereka teratur kerana dapat pengiktirafan kerajaan. Masyarakat mereka sebagai salah satu pihak berkuasa memberi pendidikan. Entiti organisasi masyarakat menjadi satu lembaga pengelola pendidikan setaraf Lembaga Pendidikan Persekutuan. Struktur pendidikan Islam di Indonesia sudah jalani proses di sentralisasi ke peringkat bawah untuk menjadikan martabat sekolah agama lebih baik.

Di Malaysia sekolah agama di bawah pengurusan negeri kelihatan bagus dan tersusun jika sekolah agama kita menjadi milik masyarakat atau individu. Ini akan mengangkat operasi sistem pengajian setaraf sekolah milik kerajaan contohnya ketika kerajaan memperkenalkan guru j-QAF di sekolah kerajaan, ramai guru sekolah pondok dan tahfiz berpindah mendapat pekerjaan lebih baik.

Pelaksanaan dasar baik bagaimanapun tidak dapat sambutan dan impak menguntungkan kerajaan dan sekolah agama. Kesannya cabaran bekalan sumber tenaga kerja di sekolah tahfiz memberi impak kepada pelancaran pengurusan sekolah. Begitu juga ketika bantuan per kapita dihentikan kepada 2002 tanpa disedari sebagai sekolah agama rakyat terpaksa berdepan kekangan kewangan teruk.

Sementara itu di sekolah di Selatan Thailand struktur pengurusan sekolah pondok dan tahfiz tidak jauh berbeza dengan sistem di Malaysia kerana dari segi sejarah pengaruh sekolah

penduduk di Malaysia adalah kesan dari pengaruh di Selatan Thailand. Sehubungan dengan itu kerajaan perlu sediakan sistem penyelarasan sekolah pondok dan tahfiz sistematik dan teratur supaya tragedi kebakaran dan musibah yang menimpa institusi tidak dicalarkan.

Tuan Yang di-Pertua, meminjam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa mengakhiri ucapan penutup Bajet 2018...

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Boleh mencelah sikit Yang Berhormat Senator? Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bersetujukah Yang Berhormat sekiranya saya katakan bahawa kurikulum bagi sekolah-sekolah tahfiz ini tidak sama di antara satu sama lain. Kalau kurikulumnya tidak sama, maknanya pengajiannya juga tidak sama.

■1600

Ada ustaz tahfiz, dia mengajar kemungkinan tekniknya cara-cara yang berbeza. Setujukah Yang Berhormat sekiranya kita cadangkan kepada kerajaan supaya Kementerian Pendidikan ataupun Kementerian Pelajaran mengambil sekolah-sekolah ini dan diletakkan di bawah kementerian. Bersetuju kah Yang Berhormat sekiranya berhentikan individu-individu yang hendak menjalankan sekolah-sekolah tahfiz yang sebegini. Kita tahu kalau mereka hendak menderma, maka menderma kepada kementerian, berzakatlah kepada kementerian yang menguruskan sekolah-sekolah tahfiz.

Ini kerana saya melihat kalau daripada gundah gulannya ibu bapa berhubung dengan kes yang terbakar baru-baru ini, kita melihat kalau kita kaji semula *the basic problem* yang ada di situ Tuan Yang di-Pertua, adalah anak-anak ini sendiri. Malah ada ibu bapa yang kita dapat tahu bahawa ada ibu bapa yang anaknya mempunyai masalah yang anaknya *problem child* dihantar ke sekolah-sekolah tahfiz supaya satu hari dengan harapan dan doa anak ini akan jadi orang yang beriman

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekejap.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya sambung Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Saya pun sudah lupa *tang* mana tadi *[Ketawa]* Ya, anak-anak ini *problem child*. Anak yang ada masalah dihantar di sekolah-sekolah ini dengan harapan sebab hendak masuk sekolah lain dia tidak sanggup sudah. Yang ambil dadahnya, saya pernah bercerita, saya pergi tidur dengan anak-anak yang ambil dadah ini dan salah seorang daripada dia ialah tahfiz. Saya bertanya dengan dia, ini tahfiz ini, orang yang hafal Al-Quran. Dia lah yang menjadi imam semasa Maghrib dan Isyak semasa saya ada di situ.

Selepas itu dia mengajar pula di antara Maghrib dan Isyak saya pernah timbulkan dalam Dewan yang mulia ini kerana tidak ada, JAKIM pun tidak hantar penceramah pergi tempat dadah ini. Saya tanya kenapa tidak hantar pegawai agama pergi tempat-tempat yang melatih anak-anak dadah ini? Katanya mula-mula itu hantar lepas itu ustaz itu pula minta elaun sedikit dan mereka ini

NGO, mana ada duit hendak bagi elaun kepada ustaz. Akhirnya, anak yang menghisab dadah itu sendiri yang memberi ceramah.

Jadi setuju kah Yang Berhormat kalau kita katakan kita serahkan kepada Kementerian Pendidikan supaya kerajaan membagi *allocation* yang secukupnya. Kita ini sudah hendak menuju industri 4.0 ini, Revolusi Industri 4.0 yang semuanya- dalam ini pun boleh dimasukkan Al-Quran dalam ini juga boleh dimasukkan bermacam-macam Tuan Yang di-Pertua. Tahu kah kita dalam tahfiz berapa banyak yang bawa telefon ini... [*Menunjukkan sebuah telefon bimbit*] Kita bimbang saya bersebang dengan mereka Tuan Yang di-Pertua. Yes, ada Al-Quran dalam ini lepas itu dibukanya hal yang lain, di bukanya yang lain. Jadi kalau apa yang berlaku di Keramat itu menjadi bukti kepada kecelaruan sistem pendidikan ini maka kita terpaksa meminta supaya kerajaan mengambil alih. Kita *stop* lah individu-individu ini.

Saya faham ada orang-orang kaya yang berminat untuk membuka tahfiz-tahfiz ini. Akan tetapi apa salahnya kalau kita beri kepada Kementerian Pendidikan. Zakat kita, derma kita kepada pendidikan, kita susun *properly*, susun secara terbaik. Ini bukan masa sekolah pondok lagi. Setuju kah Yang Berhormat? Terima kasih banyak kerana izinkan saya mencelah.

Dato' Sri Khairudin Samad: Saya mencelah sedikit boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan beri saya mencelah. Berkaitan dengan yang ini, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bercerita fasal *problem child* dan sebagainya. Kes kebakaran di Keramat ini mungkin dibuat oleh *problem child* yang tidak masuk dalam tahfiz. Kita pun tidak tahu sebab kes ini ada yang melibatkan dadah dan sebagainya. Namun yang saya hendak berkongsi dengan Yang Berhormat Senator ialah sewaktu saya hendak membantu untuk membuka sekolah-sekolah tadika KEMAS di Putrajaya pada tahun 2000, mula-mula saya membantu untuk buat sekolah-sekolah KEMAS ini.

Apa yang berlaku pada ketika itu, bila kita datang pegawai-pegawai, pengarah-pengarah KEMAS melihat tempat yang kita hendak jadikan di bawah-bawah *apartment* kuarters, kita hendak buka sekolah KEMAS ini, di antaranya ialah kita melihat pintu mesti ada dua, satu pintu masuk satu pintu untuk hendak keluar kalau kecemasan berlaku. Kalau kita lihat selain daripada itu mesti ada tandas dan sebagainya untuk kanak-kanak tadika ini. Itu KEMAS, begitu kemas, begitu *updated* dalam soal keselamatan anak-anak.

Akan tetapi saya melihat sekolah-sekolah tahfiz ini sama ada berbentuk pondok yang berlaku di Cheras, yang berlaku di Keramat, saya melihat itu lebih banyak komersial. Bukan lah saya hendak menuduh tetapi kemungkinan buat sekolah himpunkan seberapa ramai, hantar. Yang hantar pun bukan orang ini, mungkin yang *problem*, mungkin yang tidak *problem*. Akan tetapi adakah ibu bapa ini perhatikan bahawa sekolah ini selamat untuk dihantar anak-anak.

Saya pernah melihat juga di tempat-tempat yang agak mewah sedikit di mana bangunan-bangunan rumah kedai itu yang bertingkat, tiga tingkat digunakan untuk sekolah tahfiz. Bangunan ini macam bilik pejabat, dia berbilik. Dalam bangunan ini diadakan juga penyaman udara, *aircond* dan sebagainya. Kanak-kanak ini sentiasa balik bawa penyakit sebab tidak ada ruang, tidak ada tingkap.

Paling mengecewakan apabila pintu-pintu ini tidak disyaratkan mesti ada dua pintu. Yang menentukan ini, yang ini yang menjadi kemusykilan saya, yang menentukan syarat-syarat ini untuk sekolah-sekolah tahfiz ini kementerian mana, jabatan mana, kita pun tidak tahu. Adakah PBT sahaja yang bagi kelulusan orang hendak cari duit buka sekolah tahfiz. Akhirnya ini berlaku sebab bila berlaku kecemasan budak-budak nak lari ke mana? Tangga hendak lari turun pun satu itu, pintu hendak keluar pun satu pintu, bila berlaku sesuatu seperti di Keramat dia *suffocated*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dia hendak lari tidak boleh, hendak keluar tidak boleh sebab pintu itu satu, hendak terjun ikut tingkap mungkin tinggi. Akhirnya dia berpeluk sesama sendiri dan hangus pun sambil berpelukan sebab kita tidak menentukan syarat-syarat untuk hendak buka sekolah tahfiz. Akan tetapi kalau sekolah lain dipastikan oleh kementerian supaya ianya lengkap. Kita ada dua pintu kalau dalam kelas-kelas yang dibangunkan oleh kementerian, memang ada dua pintu. Satu pintu hendak lari macam mana. *Fire drill* ini selalu diadakan dengan izin tetapi adakah ini berlaku di sekolah-sekolah tahfiz ini? Ini saya hendak minta pendapat Yang Berhormat, setuju atau tidak dengan apa yang saya maksudkan ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Terima kasih kita dua-dua speaker Yang Berhormat Dato' Sri Khairuddin dengan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi. Saya setuju pandangan kedua-dua ini yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi supaya sekolah tahfiz ini diambil alih oleh kerajaan baru lah apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Khairuddin akan berlaku. Ini kerana saya biasa mengendalikan rumah anak yatim, sebelum kita hendak bina rumah anak yatim kita perlu dapat kelulusan PBT, kita perlu dapatkan kelulusan bomba. Syarat itu wajib, setelah dapat kelulusan baru kita boleh *operate*.

■1610

Jadi saya setuju pandangan kedua-dua Yang Berhormat untuk dijadikan di dalam ucapan saya. Terima kasih Yang Berhormat.

Sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, meminjam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa mengakhiri ucapan Bajet 2018 baru-baru ini, saya tertarik sebuah nukilan rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berbunyi, "mengambil iktibar daripada sirah perjuangan para Anbia, golongan Solihin dan seluruh kehebatan bangsa kita sendiri, malah turut dipesan oleh Imam Ghazali dan Bapak HAMKA bahawa, apalah guna kita hanya kaya harta, tetapi miskin jiwa. Akan tetapi apa yang kerajaan mahukan adalah sebuah bangsa yang bukan sahaja hebat fizikalnya, bahkan kaya jiwa dan kaya pekertinya, yakni *par excellence* duniawi, dan *par excellence ukhrawi*", kerana itulah belanjawan ini mencipta tawarikh sebagai sebuah bajet yang paling inklusif pernah dipersembahkan.

Tuan Yang di-Pertua, syabas saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di atas pembentangan bajet yang begitu komprehensif dan realistik, mengambil kira kemampuan kewangan hari ini, namun tidak langsung mengabaikan rakyat Malaysia, tanpa mengira latar belakang kaum, etnik, budaya dan sokongan politik mereka.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak dan saya senang hati Yang Berhormat membawa berita tahfiz Datuk Keramat. Tahfiz Datuk Keramat ini dekat di hati saya. Ini sebab pagi itu subuh, saya tidak boleh tidur, sebabnya bunyinya siren yang sangat bising. Tahfiz Datuk Keramat dekat di rumah saya, Jalan Jelatek.

Bayangkan, pagi esoknya terperanjat besar saya. Dan saya jumpa seorang penghuni, dia kata Dato' Seri, saya hendak menolong, saya dengar pekikan yang sangat menyedihkan, tidak boleh tolong juga. Saya tidak boleh tolong. Dengan besinya, dengan pintu- *gate* terkunci macam-macam jadi. Hah, bayangkan. Kalau banyak hendak cerita, saya rasa sedih sendiri. Selepas itu, saya jumpa pihak bomba pula. Dia kata tahfiz ini mungkin tiada kelulusan Dato' Seri. Itulah, macam-macam saya dengar.

Selepas itu Timbalan Perdana Menteri datang, dan saya diminta oleh Timbalan Perdana Menteri pergi ke Bilik Mayat, Hospital Besar Kuala Lumpur. Saya pergi bilik mayat, hanya saya boleh buat air mata sahaja, air mata saya meleleh tengok mayat itu terbakar kiri, kanan macam-macam Allah, tiga, empat orang. Bayangkan lah, bayangkan? Sedihnya. Hanya saya boleh mengalirkan air mata, melihat terbakar anak-anak muda, seolah-olah anak-anak kita.

Setelah itu saya pun terfikir, saya bincang maka itu saya ingatlah bahawa tiap-tiap satu peristiwa yang Allah jadikan itu ada hikmahnya. Begitulah janji Allah, "Tiap-tiap satu peristiwa yang Aku jadikan itu, ada hikmahnya." Saya tahu keadaan itu dekat dengan rumah saya. Bahawa ini sangat penting, mesti ada sistem.

Terima kasih Yang Berhormat dan saya minta Yang Berhormat Datuk Sambanthan A/L Manickam dipersilakan.

4.14 ptg.

Datuk Sambanthan A/L Manickam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya berbahas untuk Bajet 2018 ini. Kita telah pun mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan bajet. Ini adalah bajet yang terbaik kepada semua masyarakat, umumnya kepada masyarakat India.

Pelbagai peruntukan diumumkan dalam Bajet 2018 untuk kaum India, jelas menunjukkan kejayaan dalam menangani isu menghadapi masyarakat India. Bajet yang dibentangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kali ini, sangat komprehensif dan di lihat cuba meningkatkan status membangunkan masyarakat India untuk menghadapi pelbagai cabaran global.

Terdapat lima institusi diumumkan kerajaan untuk masyarakat India, namun antara yang penting adalah secara tujuh peratus menyertai dalam pendaftaran pelajar India di Universiti Awam dan Perkhidmatan Awam. Saya ingin bertanya kepada Dewan ini dan juga Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi peluang kepada masyarakat India dan juga semua masyarakat bagi peluang untuk meningkatkan pelajar-pelajar masuk universiti sebanyak tujuh peratus. Apabila saya lihat, ramai pelajar India telah pun mencapai markah tertinggi dalam SPM, STPM, apabila memohon untuk memasuki universiti, masih belum mendapatkannya dan juga ada syarat-syarat apabila seorang

pelajar telah pun memasuki bidang kedoktoran, memohon di universiti, akhirnya tidak dapat belajar ataupun memberi peluang kepada bidang lain.

Terdapat seorang pelajar dia niat mahu menjadi *lawyer*, mohon, akan tetapi dia dapat bidang lain. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengambil perhatian kepada pelajar-pelajar untuk mendapatkan masuk universiti dan beri peluang. Apabila Yang Berhormat tadi berkata, seorang bapa nelayan, anaknya mesti menjadi doktor ataupun *engineer*, inilah hasrat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi peluang kepada semua pelajar di negara ini. Saya berharap Menteri Pengajian Tinggi Malaysia mengkaji balik apabila permohonan-permohonan yang menjadi doktor, hasratnya anaknya menjadi doktor, tetapi akhirnya tidak dapat peluang. Ini bermakna kita gagal menjaga sasaran bawah umur 40 tahun ini kerana apabila kita minta peluang masuk universiti, tidak dapat.

Kedua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi peluang untuk perkhidmatan awam pekerja-pekerja, ramai pelajar-pelajar ataupun pemuda-pemuda telah pun memohon untuk mendapatkan pekerjaan di Perkhidmatan Awam masih belum ditunaikan.

Oleh sebab itu saya minta perhatian kepada kerajaan supaya mengambil tindakan serius terhadap menjaga belia-belie ini untuk mendapatkan pekerjaan di sektor swasta dan kerajaan dan juga apabila Yang Berhormat Shukor telah membentangkan isu anak-anak yatim ini, saya menyokong penuh kepada Yang Berhormat supaya marilah kita berharap kepada JKM supaya mengambil tindakan serius terhadap isu seorang anak yatim akan belanja RM8 sehari, ini memang tidak cukup.

Saya minta kepada JKM ataupun Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini supaya mengambil tindakan serius terhadap penyelesaian kepada masalah ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa memberi perhatian kepada wanita. Wanita adalah tunjang belakang dalam perjuangan, dalam semua aspek dan juga semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan satu lagi kepada wanita apabila selepas PRU memberi peluang 30 peratus wanita akan menjadi senator. Ini adalah satu pengumuman baik dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi peluang kepada masyarakat India ataupun melalui pinjaman TEKUN dan sebagainya, saya berharap Tuan Yang di-Pertua, ini akan menunjuk ataupun mengambil perhatian adakah peruntukan-peruntukan yang disalurkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan sampai ke akar umbi, kerana kita dapat tahu banyak peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada masyarakat India, tetapi akhirnya peruntukan-peruntukan disalurkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini masih belum disalurkan kepada keperluan ini.

■1620

Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, supaya mengambil tindakan-tindakan seperti ini. Ini kerana masyarakat ini adalah banyak mendapatkan peluang-peluang ini belum disampaikan. Kerajaan juga, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi RM50 juta peruntukan membantu lebih kurang 35,000 usahawan melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga

(TEKUN). Apabila belia-belia telah pun memohon untuk mendapatkan pinjaman TEKUN ini tetapi banyak ada syarat-syarat supaya tolak permohonan ini. Saya minta ataupun saya berharap pihak berkenaan ini supaya dilonggarkan mendapatkan peluang pinjaman TEKUN ini kepada peniaga-peniaga pemuda-pemuda India untuk mendapatkan usahawan ini.

Ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menambah RM50 juta lagi untuk membangunkan belia-belia India dalam bidang usahawan ini. Ini kerana apabila seorang memohon ataupun mengadakan perniagaan ini, kita perlu peruntukan ataupun pinjaman TEKUN RM50,000 tetapi akhirnya proses-proses dia tolak ini untuk mendapatkan lebih kurang RM5,000. Di mana yang RM45,000 ini masih tidak mendapat sebab itu kita telah pinjam kepada ah long ataupun pinjam kepada kawan-kawan ini. Akhirnya, kita gagal untuk membayarkan pinjaman ah long dan akhirnya kita gagal membayar TEKUN ini. Sebab itu, apabila seorang mohon mendapatkan pinjaman TEKUN RM50,000 tolonglah luluskan pinjaman ini kepada orang-orang yang memerlukan ini.

Akhir kata, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya dan saya akan menyokong penuh bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan yang lepas. Bajet ini adalah satu bajet yang cukup baik kepada semua masyarakat, bukan sahaja masyarakat India tetapi semua masyarakat mendapatkan faedah dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan A/L Manickam. Terima kasih banyak ya.

Satu lagi iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff. Ada? Silakan.

4.23 ptg.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang masih berada di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih dan bersedia untuk bersabar mendengar usaha saya membahaskan Bajet 2018.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang akhir tahun, kita akan disajikan dengan perancangan perbelanjaan oleh kerajaan yakni bajet. Sekali lagi, saya juga bersama-sama dengan rakan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mewakili kepimpinan kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas mendengar dan mendapat input-input dari pelbagai sektor sama ada dari lapisan rakyat mahupun dari agensi-agensi. Termasuk juga sektor swasta telah berjaya merangka dan membentangkan bajet di Dewan Rakyat pada 27 Oktober 2017 yang melibatkan peruntukan sebanyak RM280.25 bilion. Di mana pecahannya seperti RM234.25 bilion bagi belanja mengurus, RM46 bilion belanja pembangunan. Akhirnya RM2 bilion sebagai simpanan luar jangka.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya proses menggubal dan merangka Bajet 2018 telah diteliti dengan serius dan telah mengambil ruang masa yang panjang dan mencabar. Rakyat rata-ratanya telah memberikan respons dan penerimaan yang cukup baik. Bajet ini juga merupakan

bajet yang inklusif dan komprehensif untuk semua lapisan rakyat. *Alhamdulillah*, rakyat telah memberi respons di atas pembentangan ini apatah lagi bajet ini turut menghadiahkan faedah kepada bayi yang baru lahir iaitu ADAM50. Saya juga percaya bajet ini diasaskan kepada realiti ekonomi seperti mana kita lihat kepada semakan bank dunia yang yakin kepada prestasi ekonomi negara KDNK daripada kadar 4.9 peratus ke 5.2 peratus. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah sembilan kali membentangkan bajet dalam sejarah Parlimen 59 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang ketara dalam pembentangan Bajet 2018 ini adalah seperti defisit fiskal telah turun kepada 8 peratus.

Kedua, kredit penarafan berada pada kadar A-, dan simpanan negara, dengan izin, *national reserve* pula pada kadar USD101.4 bilion yang mana ini boleh bertahan selama 7.5 bulan import tertangguh. Tahniah dan syabas sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pada 28 November 2017, jam 8.40 malam seperti mana yang dilaporkan bajet ini telah diluluskan dengan suara majoriti di Dewan Rakyat. Maka, saya di kesempatan ini juga ingin turut menyatakan beberapa aspek bagi menyokong Bajet 2018.

Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja dasar atau polisi kerajaan ini tidak lain berhasrat dan bertujuan memberi manfaat dan faedah kepada setiap rakyat negara ini. Jelas, setiap dasar yang dirangka oleh kerajaan walaupun dikritik dan diperlekeh oleh pembangkang tidak ada lain hasratnya ialah untuk memberi kemudahan dan kemakmuran kepada rakyat jelata. Data dan statistik yang dibentangkan mencerminkan fakta dan realiti ekonomi semasa. Tugas kerajaan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah menyatakan kebenaran dan bukan seperti pembangkang yang cuma mencipta persepsi negatif.

Apa yang saya nampak kekangannya adalah interaksi antara pihak-pihak yang berkepentingan terutama sekali, dengan izin, *end user* iaitu rakyat. Ia harus dipandang serius oleh setiap lapisan agensi pelaksana misalnya bagi isu-isu yang melibatkan kepentingan rakyat. Saya yakin ia dapat diselesaikan dengan adanya saluran atau, dengan izin, *channel* bagi mengemukakan permasalahan dan solusinya. Apa yang dikehendaki oleh kerajaan adalah kefahaman semua lapisan sama ada rakyat mahupun pemain industri termasuk agensi-agensi kerajaan dalam merealisasikan arah tuju, dengan izin, *direction* kerajaan. Saya ambil contoh, dalam isu perumahan. Ia melibatkan banyak pihak misalnya kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, pembiaya-pembiaya yakni bank dan pemaju perumahan termasuk GLC's.

Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi pelaksana diwujudkan untuk, dengan izin, *facilitate* ataupun memudah cara kepada pembangunan negara dan apa yang terjadi hari ini terdapatnya kekhilafan atas arah tuju agensi kerajaan. Apabila suatu permohonan dikemukakan kepada pihak berkuasa, mereka pula mencipta pelbagai kehendak dan bayaran dan fi. Ini sudah tentu berlakunya kenaikan kos perniagaan yang mana segala kos ini dipindahkan dan ditanggung oleh pengguna yakni *end user* iaitu rakyat.

■1630

Agensi dan pihak berkuasa seolah-olah menjadi orang tengah apabila meng*imposed*, dengan izin, pelbagai fi dan bayaran sebagai sumber, dengan izin, *revenue* dan ini tidak bertepatan dengan dasar kerajaan.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kerajaan mempertimbangkan suatu insentif khas, yakni melalui kelulusan *statutory* di peringkat Kerajaan Pusat kepada pemain-pemain industri dalam mempercepatkan sesuatu kelulusan selari dengan *direction*, dengan izin, atau dasar kerajaan? Setiap dasar dan polisi Kerajaan Pusat bertujuan memberi manfaat dan faedah kepada seluruh rakyat, termasuk penyokong kepada blok pembangkang. Pemain industri mesti berupaya untuk, dengan izin, *engage* atau berinteraksi dengan kementerian tertentu bagi mencapai hala tuju dasar kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh syarikat Perodua iaitu MITI sebagai sebuah kementerian yang dipertanggungjawabkan bagi sektor automatif harus proaktif dan inovatif dalam mengepalai pertemuan dengan pengilang, pengedar-pengedar bumiputera, bank ataupun firma kewangan bagi mencapai suatu mekanisme urus niaga yang tidak menekan suatu pihak sahaja dalam memudahkan rakyat mendapat barangan ataupun aset tersebut.

Persoalan saya ataupun soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan kerajaan. Adakah akan berlaku campur tangan ataupun perundingan, dengan izin, *consultation* dari pihak kerajaan yakni MITI, apabila suatu perkara itu menekan dan tidak mesra kepada pengedar-pengedar bumiputera? Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kemudahan kredit pembelian kenderaan pula terlampau ketat. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Bank Negara. Apakah akan dibuat semakan di atas garis panduan kepada bank-bank komersial dan firma kewangan supaya lebih fleksibel dalam kelulusan pinjaman kenderaan? Saya berpandangan, firma kewangan juga harus melihat kepada tanggungjawab sosial ekonomi.

Dasar Automotif Negara dirangka bagi meningkatkan kemajuan automotif untuk semua pihak, termasuk pengedar-pengedar bumiputera yang mana akhirnya, faedah boleh dan mampu dinikmati oleh rakyat iaitu sebagai, dengan izin, *end user*. Tindakan atau langkah bersendirian, *unilateral*, dengan izin, dalam menggariskan tatacara urus niaga tidak banyak boleh membantu pihak-pihak yang terlibat.

Saluran-saluran rasmi perlu diwujudkan di peringkat kementerian sebagai *channel*, dengan izin, bagi memudahkan pemain industri mengemukakan cadangan alternatif dan inovatif dan apa juga penambahbaikan untuk turut sama di dalam melaksanakan suatu dasar atau polisi kerajaan. Saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan harapan dan keyakinan tinggi kepada semua yang terlibat dalam bidang masing-masing.

Mereka harus faham akan dasar yang diputuskan tetapi apabila ada pihak dan golongan tertentu hanya mementingkan kepentingannya sahaja, maka hala tuju dasar kerajaan tidak dicapai seperti mana yang diharapkan. Akhirnya, rakyat dibebani dengan pelbagai sekatan dan bebanan. Dalam kebanyakan keadaan, Kerajaan Barisan Nasional dipersalahkan dan dipertanggungjawabkan. Sedangkan hasrat dan matlamat kerajaan adalah untuk menjaga kepentingan negara dan memudahkan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh lagi dalam isu perumahan. Apabila kerajaan mengumumkan dasar atau polisi perumahan yang mesra rakyat, di mana kerajaan berhasrat rakyatnya mampu memiliki rumah sendiri dan tahap berikutnya ialah melibatkan pemain-pemain industri dalam sektor ini. Proses berikutnya melibatkan kerajaan negeri, kerajaan berkuasa

tempatan, agensi-agensi kerajaan dalam mendapatkan kelulusan pembangunan dan juga pelbagai kelulusan daripada pihak berkuasa. Ini sudah tentu akan melibatkan pihak swasta iaitu pihak pemaju, kontraktor dan juga bank-bank.

Bagi pemaju, mereka menghadapi pelbagai dan tambahan syarat-syarat, seakan-akan agensi *statutory* terbabit menambah syarat atau dasar tambahan yang harus dipatuhi dalam proses pembangunan yang mana ia memakan jangka masa yang panjang dan bebanan kenaikan kos. Sebagai *end user*, dengan izin, rakyatlah yang menanggung segala kos yang dikenakan sedangkan dasar kerajaan adalah untuk memberi kesejahteraan dan manfaat kepada rakyat.

Sering kali isu dibangkitkan daripada rakyat adalah sukar mendapat kelulusan pembiayaan dari bank-bank komersial untuk pembelian unit-unit perumahan. Bank-bank agak *rigid*, dengan izin, dalam menimbang kelulusan pembiayaan pemilikan rumah. Bank seharusnya lebih fleksibel dalam membantu kerajaan untuk merealisasikan hasrat dan dasar kerajaan membantu rakyat. *Prudency* bank harus diimbangi dengan keperluan rakyat dan dasar kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bank mengambil sikap berhati-hati dan *prudent*. Saya difahamkan bahawa formula yang diguna pakai untuk menentukan kelayakan pinjaman adalah secara *debt service ratio* (DSR), dengan izin, bagi menentukan kelayakan pemohon mendapatkan kemudahan pembiayaan. Formulanya seperti berikut Tuan Yang di-Pertua, hutang dibahagikan dengan pendapatan, darab dengan 100, mendapat sebagai peratusannya iaitu mendapat *debt-to-income ratio* (DTI) dan kebanyakan bank menggunakan DTI ataupun *debt-to-income ratio* antara 33 peratus ke 50 peratus untuk menentukan kelayakan pinjaman.

Saya juga difahamkan bahawa setiap bank mengamalkan *ratio* yang berlainan dalam menentukan kelayakan pinjaman. Saya ingin mengesyorkan agar pihak perbankan dan Bank Negara berganding bahu berbincang berasaskan kepada pemikiran kreatif dan inovatif dalam mencari kaedah baru ataupun konsep baru dalam pengiraan kelayakan pinjaman, khususnya dalam membantu dasar kerajaan di dalam hala tuju merealisasikan pemilikan rumah oleh rakyat, terutama sekali bagi pembeli rumah pertama. Saya percaya ia mampu memberikan manfaat kepada semua pihak yang sudah tentu pulangan ekonomi yang baik kepada pembiaya ataupun bank, dan ini sudah tentu membantu Dasar Perumahan Negara.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *excitement* harus dipelopori bagi merencanakan sektor perumahan yang pertumbuhannya agak lembap pada masa kini. Saya juga ingin mengesyorkan bahawa semua pemain industri duduk berbincang dan berunding bagi mencari jalan merealisasikan dasar kerajaan dengan mengambil pendekatan fleksibiliti, dengan izin, jangan terlalu *rigid* di dalam kelulusan kredit. Bank Negara boleh memainkan peranan dalam soal ini.

Negara memerlukan kerancangan ekonomi dan sudah tentu pihak swasta boleh menyumbang menjadi pemangkin kepada kerancangan ekonomi. Selain dari itu, pembiayaan atau kemudahan kredit juga diperlukan, misalnya untuk sektor kenderaan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Kalau kita lihat sektor sewa beli kenderaan, bank juga terlampau *rigid* dalam pembiayaannya. Ia turut memberi kesan kepada pengedar-pengedar yang rata-ratanya terdiri

kaum bumiputera. Apatah lagi pengedar-pengedar ini disyaratkan mencapai kuota penjualan yang ditetapkan oleh pengilang sebagai KPI.

■1640

Saya difahamkan margin keuntungan yang dibenarkan agak kecil oleh pengilang-pengilang. Apatah lagi kos operasi pengedar-pengedar ini meningkat setiap waktu. Mereka sudah tentu memerlukan kuantiti ataupun *volume*, dengan izin, yang besar untuk terus *sustain*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Bagi peniaga-peniaga kecil pula Tuan Yang di-Pertua, kesulitan dan kemudahan kewangan merupakan cabaran utama dihadapi oleh mereka dalam menambah baik operasi dan mengoptimumkan hasil keluaran. Antara perkara yang dititikberatkan adalah *track record* dengan izin, yang mungkin tidak realistik kepada *entrepreneur* baru. Di sinilah kerajaan amat prihatin dengan memberikan peruntukan-peruntukan kepada agensi-agensi kerajaan untuk disalurkan kepada penerima-penerima yang layak.

Saya juga berkongsi dengan rakan saya, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan bahawa soal pemberian kredit ini harus untuk PKS ini diambil alih oleh kerajaan. Masalah timbul, Tuan Yang di-Pertua ialah kerenah birokrasi dan saya harap agensi-agensi pelaksana menggubal suatu sistem yang lebih mesra dan mudah yakni, dengan izin, *friendly*. Dengan meletakkan penyeliaan rapi yang berpanjangan dalam penggunaan dana-dana kerajaan dan saya yakin penyeliaan ini akan membantu merencanakan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kesejahteraan rakyat telah dititikberatkan dalam bajet kali ini untuk rakyat menjana tambahan pendapatan selain daripada subsidi. Kerajaan juga telah memformulasikan juga program eRezeki, eUsahawan, eLadang, *Food Truck 1Malaysia*, Roda Tiga MyAgrosis dan program Mobilepreneur termasuk geran pemandu teksi dan juga penerusan program BR1M.

Apa yang diharapkan agar rakyat semua termasuklah entiti swasta dan kerajaan, dengan izin, *seize the opportunity* Tuan Yang di-Pertua, untuk sama-sama merealisasikan dasar kerajaan sebagai suatu strategi menghadapi kenaikan kos sara hidup.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat kata tadi pinjaman-pinjaman yang diberikan sama dengan Yang Berhormat tadi ini, kita melihat ya kerajaan bagi bantuan kepada kita. Kerajaan ada TEKUN, ada Amanah Ikhtiar dan sebagainya. Kita melihat pada masa ekonomi sebegini dalam masa di mana ahli-ahli perniagaan kita kadang-kadang mempunyai masalah. Dalam mana kita punya *profit margin* begitu rendah sebab kita terlalu kompetitif sekarang ini.

Sekiranya kita meletakkan *profit* kita terlalu tinggi, maka kita tidak dapat projek tersebut. Jika kita letak rendah, dan pinjaman yang diberikan itu tidak mencukupi kadang-kadang. Pada masa yang sama juga Tuan Yang di-Pertua, bank-bank juga mempunyai perangai yang hodoh. Perangai yang tidak mahu menolong dalam keadaan sekarang ini lagi menekan. Dia lagi menekan. Kadang-kadang tidak bayar RM1,000 pun dia bising, Tuhan yang mengetahui. Di dalam Parlimen

ini pun dia telefon juga. Kita cakap dekat dia, kita di dalam Parlimen sekejap lagi kita telefon balik, RM1,000 sahaja *extra*.

Kadang-kadang ada syarikat-syarikat yang merungut apabila hendak dapat overdraf. Amat susah sekali. Padahal pada masa inilah bank-bank yang ditubuhkan yang dibenarkan oleh kerajaan, dilesenkan oleh kerajaan sepatutnya membantu. Jadi Yang Berhormat, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat adakah Yang Berhormat bersetuju tidak sekiranya TEKUN ataupun bayaran-bayaran lain diserahkan kepada bank supaya bank dapat menambahkan.

Kalau kerajaan bagi kepada kita RM5,000 bank tambah lagi RM5,000 jadi RM10,000 supaya urusan ini diserahkan kepada bank. Mereka ini pula, hendaklah terbuka. Jangan begitu menutup. Kalau ada syarikat-syarikat sudah menunjukkan kejayaan, maka dibantu mereka ini. Syarikat-syarikat baru hendaklah diteliti dengan begitu teliti. Kalau ada komisen ejen, *company* yang makan komisen dikaji semula. Akan tetapi kalau ada *company* yang mempunyai kakitangan mempunyai *engineer* sendiri, jurutera sendiri, mempunyai akauntan dia sendiri maka perlu dibantu mereka-mereka ini.

Jadi Yang Berhormat bersetuju atau tidak jika saya katakan bahawa bank perlu *friendly to* rakyat Malaysia yang hendak menjadi usahawan-usahawan ini. Seperti mana yang disebutkan juga oleh Yang Berhormat rakan kita tadi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih, kepada rakan saya Dato' Haji Mohd Suhaimi yang-saya juga akan menerima saranan yang dikemukakan oleh Dato' Haji Mohd Suhaimi. Hal ini kerana rata-rata daripada kita di dalam Dewan ini mahupun di luar sana sekarang ini merasa tertekan dengan kerenah bank. Saya amat bersetuju seribu peratus dengan saranan yang dibuat oleh Dato' Haji Mohd Suhaimi ini.

Tuan Yang di-Pertua, bank ini kalau kita tengok kepada *declare*, dengan izin, *declare profit*-nya *billions*. *Billions* setiap tahun kita dipaparkan dengan *declare*-kan keuntungan yang cukup banyak. Itu menunjukkan bahawa kos menjalankan perniagaan di Malaysia tidak tinggi. Oleh sebab itu bank-bank mampu melaporkan keuntungan yang berbilion-bilion. Jadi, pada masa sekarang, seperti mana yang disebutkan oleh rakan saya Dato' Haji Mohd Suhaimi inilah masanya untuk bank-bank membantu kerajaan termasuk juga menyalurkan lagi bantuan ataupun seperti mana yang diamalkan oleh kerajaan adalah geran-geran oleh TEKUN, Amanah Ikhtiar inilah masanya. Saya amat bersetuju dengan saranan Dato' Haji Mohd Suhaimi. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya...

Dato' Sri Khairudin Samad: Mencilah sedikit Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Shariff: Silakan. Masa cukup panjang Yang Berhormat kalau dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Khairudin Samad: Betul. Betul. Jadi, itulah kerja kita. Itulah kerja dan tanggungjawab kita. Yang Berhormat- terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat, saya rasa inilah masa dan ketikanya kita punya rakan-rakan 'Mr. Long' mengambil bahagian. Kenal 'Mr. Long'? Ah long lah tu. Cuma kita hendak bagi elok sedikit, kita kata 'Mr. Long'. Ah long-ah long ini dia yang mengambil kesempatan- bukan dia hendak ambil

kesempatan pun tetapi dalam masa yang sama, peniaga-peniaga kita akan beralih kepada 'Mr. Long' sebab yang berlesen yang kita bagi lesen ini tidak membantu.

Kalau kita lalu di mana-mana pun, di mana-mana sahaja kotak elektrik, sub stesen, tiang elektrik kah, tiang lampu kah, pokok kah, akan ada iklan-iklan daripada 'Mr. Long'. Ini yang kadang-kadang menjadi masalah kemudian menjurus kepada mencari 'Mr. Long' sebab bantuan yang diberikan ini terlalu banyak birokrasi ataupun kereh daripada bank, birokrasi ini daripada sesetengah agensi-agensi inilah banyak sangat memberikan masalah pada ketika rakyat memerlukan bantuan. Maka rakyat beralih ke situ dan tindakan terhadap 'Mr. Long' ini pun saya tidak nampak ada satu kesan yang baik dan bagus. Oleh sebab mereka masih lagi berleluasa, yang ini juga yang menjadi masalah.

Saya berani mengatakan demikian sebab saya datang daripada Putrajaya. Di Putrajaya ini, yang isteri bekerja dengan kerajaan jadi layak dapat kuarters. Suami berniaga kecil-kecilan, *food truck* dan sebagainya. Akan tetapi apabila dia menghadapi masalah dari segi *cash flow*, dengan izin, maka dia akan pergi kepada 'Mr. Long'. Yang Berhormat tahu, di Putrajaya ini, rumah kuarters ini juga kena simbah cat.

■1650

Sudah berapa banyak rumah yang disimbah cat? Apa yang menjadi masalah selepas itu penghuni rumah pun akan hilang sebab dia pun malu kepada jiran-jiran dia. Yang kasihan ini, apabila isteri dia yang sedang berkhidmat dengan kerajaan. Di situ, dia hendak pergi kerja pun dia malu kepada rakan-rakan dia di tempat kerja. Ini semua ini kita kena beri perhatian.

Saya berani kata demikian sebab saya tahu Yang Berhormat Ahli Parlimen kami, Yang Berhormat Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor yang juga Menteri Wilayah Persekutuan membantu. Akan tetapi kita ini faham-fahamlah. Kalau kita bagi ikan dengan kita bagi mata kail-pancing, lebih baik kita bagi pancing. Kalau dia sudah ada masalah dengan *Ah long*, kita hendak selamat dia daripada *Ah long* pinjam RM1,000 boleh jadi RM10,000. Pinjam RM10,000 boleh jadi RM100,000. Ini yang selalunya mendatangkan masalah kepada rakyat.

Ini saya lihat sendiri yang berlaku di Putrajaya kerana suami berniaga, isteri bekerja. Dalam tempoh masa ini, kadang-kadang kita tidak mahu hendak salahkan mereka sangat sebab bukanlah sebab kadang beli peralatan elektrikalah, berhutanglah dan sebagainya sebab itu jadi pendapatan pun berkurangan. Akan tetapi yang berhutang ini soal lain, yang saya bercerita ini yang berhutang dengan 'Mr. Long' yang tidak dapat-dapat macam Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi kata tadi sebab kereh dan juga birokrasi yang begitu ketat. Macam mana pandangan Yang Berhormat dalam soal ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat mengulas, sudah jadi macam Yang Berhormat Menteri pula ya.

Saya hendak sambung sikit cerita Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin. *Ah long* ini saya pun hairan kenapa kerajaan masih tidak ambil tindakan? Tidak adakah undang-undang yang boleh menyekat mereka ini secara habis-habisan? Kita ini kadang-kadang- saya seronok bercakap bab

dadah ini. Hari itu Yang Berhormat Dato' Sri Bung Mokhtar sudah keluar dalam Parlimen di Dewan Rakyat, suruh tembak macam Duterte buat.

Kalau kita tengok cara *Ah long* ini kutip hutang Tuan Yang di-Pertua, *masya-Allah*. Saya ada seorang kawan Tuan Yang di-Pertua, sudah tua tetapi saya pun hairan macam mana dia boleh berhutang dengan *Ah long* ini RM70,000. *Ah long* datang rumah dia tiga kali, tiga kali *Ah long* ugut dia dengan pisau. *Last* sekali hari yang ketiga itu- jantungnya terus, masuk hospital dan dia tunggu di hospital dengan isterinya- *Ah long* ini tunggu di hospital dengan isterinya, yang suami sudah pakai ini... [*Menunjukkan isyarat tangan- memakai alat bantu pernafasan*] Betapa kejamnya saya tengok itu. Kejam sungguh. Dan isterinya menangis hari-hari. Ya lah saya ada rezeki sikit, tolong bantu bagi dekat dia, baru dia keluar.

Alhamdulillah, saya kata, saya sedih sungguh tengok suaminya begini... [*Menunjukkan isyarat tangan- memakai alat bantu pernafasan*] Duduk dalam ICU, dia tunggu isterinya, ibunya beritahu dengan saya, "*Datuk, hendak buat macam mana ini? Dok tunggu sini hendak sembelih saya pula.*" Saya buat laporan polis, tetapi inilah yang saya katakan tadi- kenapa tidak ada undang-undang yang dapat mencegah perkara ini? Kalau cara ini yang *Ah long* cari makan, dan cara inilah yang kerajaan kita- saya duduk sebelah pembangkang ini tidak berapa sedap sikit... [*Disampuk*] Pembangkang pun sokong saya ini. Tuan Yang di-Pertua, *we have to do something*, dengan izin. *We have to do something*.

Saya setuju dengan Dato Sri Khairudin. *Ah long* ini akan ambil kesempatan, TEKUN sudah tidak boleh bagi *full*, bank tidak tolong, bank lagi tekan. Mana hendak cari? Mana hendak cari? Sejumlah RM5,000 *Ah long* sanggup potong jari Tuan Yang di-Pertua, potong jari.

Saya minta ulasan Yang Berhormat. Minta maaf Yang Berhormat, panjang sikit Yang Berhormat. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada dua rakan Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin merangkap Presiden Majlis Senator dan juga rakan saya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi. Saya nampak daripada kedua-dua ini Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi keras sedikit dalam isu *Ah long* tetapi Yang Berhormat Dato' Sri Presiden diplomasinya begitu tinggi, '*Mr. Long*'. Jadi saya pun tidak pasti kenapa yang Yang Berhormat Dato' Sri Presiden Majlis Senator ini lembut sikit dengan '*Mr. Long*'.

Jadi bagi saya, saya akan gunakan terma yang dipakai oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi iaitu *Ah long*. Saya berkongsi dan juga menerima pandangan yang dibuat oleh kedua-dua sahabat saya ini. Di mana saya juga hendak menambah dalam isu *along* ini kita terdapat dua jenis. Satu *Ah long* haram dan satu lagi *Ah long* yang ada lesen. Maksudnya peniaga-peniaga pajak gadai ini juga menjadi *Ah long*.

Jadi kemungkinan saya hendak respons kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi, kemungkinan perkara inilah yang kerajaan juga mendapati di mananya titik pelaksanaan undang-undang ini. Satu, ada lesen untuk kutipan wang tetapi caranya, kaedah yang dipakai oleh *Ah long-ah long* ataupun oleh pajak-pajak gadai ini yang kita amat kesalkan. Ini adalah suatu realiti

di dalam masyarakat hari ini. Suka tidak suka, banyak tidak kira bangsa sekarang sudah terbabit dengan *Ah long* oleh kerana salah satu faktornya adalah ketatnya pembiayaan oleh bank-bank.

Jadi di sinilah patutnya campur tangan daripada pihak berkuasa dan saya minta seperti mana disarankan dan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi, kerajaan kalau belum ada undang-undang lagi, rangka lah, gubal lah suatu undang-undang ini supaya dilema rakyat dapat kita resap dan juga dapat kita ringankan bebanan rakyat. Terima kasih saya ucapkan kepada kedua-dua rakan saya ini.

Boleh saya teruskan lagi Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Tuan Ramli bin Shariff: Silakan, panjang masa saya.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Sebenarnya di dalam kita membuat permohonan untuk mendapatkan pembiayaan daripada bank ini, satu perkara yang menjadi rintangan lagi ialah saya difahamkan oleh rakan saya yang juga seorang peniaga. Dia kata sekarang ini kalau kita hendak mohon pinjaman dengan bank, selalunya bank itu membuat semakan dengan apa yang ditubuhkan oleh Bank Negara iaitu CCRIS. Kata rakan saya peniaga itu, walaupun di pihak CCRIS itu kita punya rekod adalah *clear*, baik, tetapi kalau bank itu menyemak pula kepada CTOS. CTOS ini bukan ditubuhkan oleh Bank Negara tetapi ditubuhkan oleh satu *company*, satu syarikat swasta.

Jadi apabila syarikat-syarikat itu mendaftar diri mereka dengan CTOS dan *company* yang syarikat yang mendaftar dengan CTOS itu boleh melaporkan kepada CTOS kalau mana-mana *company* ataupun mana-mana individu yang ada membuat satu transaksi *business* dengan syarikat yang berkenaan tetapi mereka tidak dapat membayar hutang dengan syarikat yang berkenaan atas sebab-sebab tertentu, maka syarikat yang kena hutang itu boleh menggunakan *credit note* dan dilaporkan kepada CTOS. Tidak perlu ada *judgement* daripada mahkamah. Dengan melaporkan itu berdasarkan maklumat daripada *credit note* itu, maka sesebuah syarikat yang berhutang tadi dengan syarikat lain boleh di *blacklist* oleh CTOS. Ada bank walaupun CCRIS itu sudah *clear*, tetapi kalau CTOS punya *report* tidak baik, maka bank itu boleh menolak permohonan seseorang itu untuk mendapat pembiayaan.

■1700

Jadi dalam hal ini, apakah tindakan yang boleh dibuat oleh Bank Negara? Ada kalanya seseorang itu CCRIS rekodnya *clear*, bagus tetapi CTOS boleh menyebabkan rekodnya yang tidak baik boleh menyebabkan permohonannya ditolak. Jadi seolah-olah autoriti Bank Negara tidak merupakan autoriti yang tertinggi. Jadi ada lagi syarikat yang ditubuhkan oleh swasta iaitu CTOS yang boleh membatalkan *report* CCRIS oleh Bank Negara.

Saya harap Bank Negara boleh mengambil perhatian tentang perkara ini. Saya harap perkara ini dimasukkan dalam ucapan saya.

Dato' Sri Khairudin Samad: Nanti Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat? Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung. Walaupun dia *derail-derail* sebab *you* cakap soal lain, Yang Berhormat. Cerita ini pasal CTOS sebab ada kaitan sedikit sebanyak. Ini hendak pergi Johor Bahru naik *fast train Shikansen* tetapi sudah melencong ke Kuantan sekejap. Boleh?

Saya mengalami sendiri, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalami. Contohnya, saya menjadi *director*, bukan *shareholder*, kepada sebuah syarikat akhbar pada satu ketika dahulu dalam tahun awal 1990 an. Syarikat ini beli mesin, kereta dan sebagainya. Dalam banyak ini, semua selesai tetapi satu kereta *Volvo* ini tidak selesai, bayar tidak habis. Akan tetapi sudah tutup, syarikat sudah *wind up*- syarikat akhbar ini. Saya pun tidak tahu apa dah.

Saya ada buat pinjaman perumahan daripada satu bank dan lulus dapat pinjaman itu. Satu ketika. Jadi, saya memikirkan untuk hendak beli kereta hendak guna bank yang sama supaya apabila saya potong gaji untuk bayar duit rumah, boleh potong gaji untuk bayar duit kereta. Akan tetapi, ditolak. Waktu tiga, empat tahun lepas saya hendak beli kereta, dia tolak pinjaman saya disebabkan saya ini kena hukum daripada CTOS. Macam Yang Berhormat Dr. Zaiedi cerita tadi, saya kena hukuman sebab ada hutang kereta yang lama belum selesai daripada bank lain. Kerana ia menggunakan CTOS.

Apabila saya pergi selesaikan dengan bank berkenaan, bayar habis dan sudah keluar surat kata sudah selesai, saya hendak beli, dia buka lagi dia kata ada lagi yang hutang dengan dia pula. Saya pun tidak tahu sebab sebagai pengarah syarikat itu, kita pun tidak tahu. Kita ingat sudah *wind up*, sudah selesai. Akhirnya ada lagi satu hutang dengan dia pula. Sebelum ini dia tidak beritahu. Jadi bank yang sama saya hendak pinjam *loan*, kata saya ada hutang dengan dia. Saya pun selesaikan juga yang ini.

Setahun lepas itu, saya pergi hendak buat pinjaman, dia menjawab kepada saya hutang masih ada. Akan tetapi saya tunjuk bukti yang saya sudah bayar dan dia sudah beri surat kata tidak ada hutang. Dia kata CTOS tidak keluarkan lagi. Siapa dia CTOS ini? Dia memerintah negara atau kita yang memerintah? Dia pula hendak menghukum orang ikut suka dia. Sampai hari ini- yang ini pun satu lagi penguatkuasaan apa saya pun tidak faham.

Kenapa tidak boleh ambil tindakan kepada satu syarikat yang saya difahamkan dia ini pun berasal daripada negara lain, datang di sini bagi idea buat syarikat ini, kemudian kumpul data-data kita dan menghukum kita ikut suka dia? Ini menjadi masalah. Saya minta Yang Berhormat masukkan dalam perbahasan sebagai ini salah satu yang kerajaan kena jawab dan selesaikan dengan masalah CTOS ini.

Sebab kalau yang diluluskan oleh Bank Negara, itu satu hal. Ini entah apa. Dia syarikat yang didaftarkan dengan SSM tetapi dia boleh berkuasa sampai macam itu dan saya difahamkan setiap *search* yang dia buat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, setiap *search* dikenakan caj yang agak tinggi dan bank, *finance company* dan sebagainya bayar kepada dia untuk *search* ini. Kemudian dia jadi kaya raya. Kita yang tidak hutang pun jadi masalah. Sudah bayar hutang pun jadi masalah. Orang lain hutang kita selesaikan kerana kita termasuk bawah CTOS, kita selesaikan, pun kita jadi masalah. Setuju atau tidak Yang Berhormat? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila sambung.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, memang masalah ini saya harus bersetuju dengan dua orang rakan saya ini. Saya minta supaya ia dimasukkan dalam ucapan ataupun perbahasan saya.

Untuk saya respons kepada dua orang rakan saya ini, itu saya juga hendak kongsi perkara yang sama iaitu kita ada dua tahap untuk mendapat kelulusan. Satu disebut oleh rakan saya itu, tidak apalah, CCRIS. CTOS ini kalau saya tidak silap, *Credit Tip Off System*. Kalau kita di-*blacklist* ini, ini masalahnya. Berbagai-bagai sangat tempat-tempat yang kita kena dapat *clearance* ini. Kalau yang sah tidak apa tetapi bagi firma yang berasaskan keuntungan misalnya CTOS ini, ia tidak harus dibenarkan. Dahulu kalau saya masih ingat bahawa- hu ha hu ha! Soal CTOS tetapi hingga hari ini bank pula menggunakan khidmat mereka ini.

Of course, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, data-data ini dikutip dari berbagai-bagai sumber yang kita sendiri tidak pasti ketepatannya yang diambil oleh CTOS. Ini menjejaskan kredibiliti kita. Dia mempamerkan kita punya integriti kepada masyarakat luar apabila sebarang urusan seperti mana yang disebut oleh rakan saya, Yang Berhormat Presiden Majlis Senator ini, ini menggambarkan suatu perkara-perkara yang negatif. Sebab, itu sebelum kita dapat tahu. Macam Yang Berhormat Dato' Sri juga menghadapi, dia tidak tahu. Apabila dia tidak tahu, sepatutnya CTOS ini atau CCRIS ini dia akan memaklumkan okey, tak apalah, siapa-siapa yang melaporkan kepada CCRIS. Saya tidak boleh terima CTOS ini. Saya hendak sebut ialah ini adalah agensi yang sah adalah CCRIS yang dikawal dan diselia oleh kerajaan dan bukan oleh CTOS yang didaftarkan, seperti mana disebut rakan saya, SSM.

Jadi kita haraplah seperti mana tadi Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi juga, kita ambillah tindakan juga bersama-sama. Ini seolah-olah timbulnya ugutan kepada kita ini ataupun CTOS ini meletakkan suatu ugutan. Eh! Ini masalah. Kredit kita ditentukan oleh orang lain dan juga kita dihukum sebelum kita dapat memperjelaskan diri kita sendiri di mana *credit witness* kita, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ditentukan oleh orang lain dan bukan suatu badan yang mempunyai kesahihan dari segi undang-undang. Saya terima saranan dibuat oleh dua rakan saya ini dan saya masukkan sebagai perbincangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya menjadi pembahas terakhir hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan. Ada lagi.

Tuan Ramli bin Shariff: Ada lagi, ada lagi, Tuan Yang di-Pertua? Kalau tidak, saya hendak habiskan masa.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila kalau lagi dua minit, Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Shariff: Okey, apa yang saya sediakanlah dalam bentuk teks ini boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua, sebelum-rakan-rakan saya lagi membangkitkan isu-isu yang bertepatan dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Kita berhadapan dengan *Ah long*, kita berhadapan dengan CTOS. Terlampau banyak sangat tertekannya rakyat pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, di atas perkara-perkara GST juga, kerajaan telah memutuskan tiada cukai barangan dan perkhidmatan ke atas perkhidmatan oleh PBT dan juga bahan bacaan. Ini menunjukkan bahawa kerajaan prihatin dan sensitif kepada rungutan yang ditimbulkan oleh rakyat. Ini kerana rata-rata daripada kita harus berurusan dengan pihak PBT dan saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah mengesyorkan bahawa *zero rated* atau tiada cukai dikenakan di atas perkhidmatan dengan PBT-PBT, Tuan Yang di-Pertua.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, daripada pemerhatian saya, bagi memastikan stok makanan negara sentiasa berada pada kadar berpatutan, kerajaan juga turut memperuntukkan RM50 juta kepada FAMA. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada FAMA yang diterajui oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin iaitu Pengerusi Tetap UMNO Malaysia kerana telah diberi suatu amanah dan tanggungjawab untuk melaksanakan tanggungjawab yang saya rasa diasaskan kepada *track record*, dengan izin, atau produktiviti yang selari dengan dasar kerajaan. Di sini, kita dapati kerajaan tidak berkira atau kedekut menambah lagi peruntukan bagi mana-mana agensi yang bersama-sama secara aktifnya melaksanakan program kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya di atas aspek yang saya ingin sentuhkan dari segi aspek ataupun sektor infrastruktur, logistik dan pengangkutan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah meluluskan kewujudan *special border economic zone* di Bukit Kayu Hitam. Oleh kerana saya juga mewakili negeri Perlis, jadi saya hendak merayu kepada kerajaan supaya menimbang juga perluasan kawasan eksklusif *economic zone* ini hinggalah ke negeri Perlis.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua dan akhir kalam Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sokongan saya kepada Bajet 2018. Saya ucapkan, merakamkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang masih setia mendengar dan juga peluang yang diberikan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ramli Shariff dan Yang Berhormat telah membawa isu yang terbaik yang dapat sokongan baik daripada kita, tokoh-tokoh Dewan ini.

Saya hendak beritahu juga, bulan lepas juga saya dipanggil malam-malam hari oleh ibu tunggal, minta tolong sebab dia dikejar oleh *Ah long*, dia kata. Mana yang saya mampu tolong, saya tolong. Bayangkanlah. Bayangkan ibu tunggal diasak oleh *Ah long* ini, malam. Kalau saya tidak bayar Datuk, saya teruk, Datuk. Saya pun sedih juga. Dua orang ya. Mana saya boleh tolong, saya tolong. Itu dia. Jadi isu yang Yang Berhormat bawa sangat kena, disokong oleh kita punya presiden kita, Datuk Seri kita punya Khairudin, kita punya *Speaker* kita iaitu Dato' Haji Mohd Suhaimi, ya. Terima kasih.

Last sekali, saya beri kepada Yang Berhormat Tuan Aknan A/L Ehtook dan saya bagi sampai 5.30. Teruskan.

5.13 ptg.

Tuan Aknan A/L Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pasti sama ada saya hendak bercakap satu hari atau saya kena cakap dua hari sebab masa juga tidak banyak. Ada juga teks yang saya perlu habiskan. Ada perkara-perkara yang perlu dibangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak mengapa, boleh sambung esok.

Tuan Aknan A/L Ehtook: Apa pun, terima kasih sekali lagi kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bajet atau Belanjawan 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Oktober yang lepas. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mengambil kira semua keperluan

rakyat dan pembangunan negara dalam menyediakan bajet kali ini. Di celah-celah kekangan kewangan yang ada, kita tahu kita pun ada masalah kewangan tetapi kita telah berjaya menyediakan bajet yang merangkumi semua orang yang memerlukan bantuan dan perkhidmatan daripada kerajaan.

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sentiasa memberi ruang kepada setiap genap lapisan masyarakat untuk memberi maklum balas sama ada dalam bentuk sesi *townhall*, melalui portal yang kita juga cuba memberi pandangan ataupun melalui wakil-wakil persatuan pertubuhan yang telah dijemput untuk bersama-sama dengan Kementerian Kewangan untuk memberikan pandangan dan juga input mereka bagi membolehkan bajet ini disediakan dengan cara yang terbaik. Ini adalah kaedah yang terbaik yang sepatutnya diamalkan oleh semua kementerian dan saya difahamkan banyak kementerian yang telah melakukan kaedah ini iaitu dengan mengadakan sesi konsultasi dengan semua *stakeholders*, dengan izin, pemegang taruh perkataannya dalam merangka program ataupun mencadangkan bajet masing-masing.

Jadi dengan cara ini, barulah tidak timbul di mana kes-kes orang katakan bajet ada tetapi lambat dilaksanakan kerana kadang-kadang tanah tiada, kadang-kadang penerima bantuan pun tiada. Contoh yang paling klasik ialah kita pernah kerana berdasarkan pengalaman lama, kita pernah dapat bantuan untuk memberi lembu kepada petani tetapi apabila kita dapat bajet, lembu dapat, hendak cari petani yang sanggup terima lembu tidak ada. Itu yang menjadi masalah. Jadi dengan cara ini, dengan keadaan ini, ramailah mula menuduh kerajaan sebagai kementerian buat projek syok sendiri, buat syok sendiri. Okey.

Sebagaimana kita sedia maklum, salah satu tujuan bajet ini ialah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Jadi tangan yang boleh atau yang akan menukarkan bajet ini kepada satu yang boleh dinikmati oleh semua rakyat ialah kementerian yang dipimpin oleh Menteri-menteri yang berkaliber. Tercapai atau tidak tujuan bajet ini, bergantung sepenuhnya kepada kecekapan kementerian dan juga kakitangan-kakitangan yang ada di kementerian. Jadi saya ingin mengambil peluang ini untuk memberikan maklum balas secara percuma kepada kementerian bagaimana mengikut pandangan saya, apakah yang kurang, apakah yang perlu dilakukan yang saya fikir wajar diambil perhatian oleh kementerian untuk menambah baik apa yang mereka sedang buat sekarang ini.

Jadi untuk memudahkan perbincangan, saya akan menyentuh beberapa kementerian iaitu Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan- Yang Berhormat Timbalan Menterinya ada hari ini. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Pendidikan.

Pertama sekali Kementerian Dalam Negeri. Ini isu yang hari pertama itu hari, rakan kita Datuk Haji Abdullah telah bangkitkan iaitu tentang masyarakat Siam yang masih lagi memegang *IC* merah. Mereka ini bukan yang baru-baru datang daripada Thailand, tidak. Mereka ini dilahirkan di Malaysia. Umur pun sudah lebih tua daripada saya, okey? Usia 60 tahun, 70 tahun tetapi masih lagi memegang *IC* merah iaitu pemastautin tetap dan telah memohon beberapa kali tetapi masih tidak dapat. Yang menyedihkan lagi adalah tidak ada berita daripada KDN. Entah diterima atau

tidak permohonan mereka. Entah ke mana permohonan mereka, telah ditimbang atau tidak dan sebagainya. Diam, membisu seribu bahasa. Jadi apabila keadaan macam ini, timbullah tohmahan kepada kerajaan, tohmahan kepada KDN yang kata orang asing dari negara lain yang datang setahun, dua sudah dapat *IC*, kenapa kita lahir dekat sini tidak dapat-dapat walaupun mohon berkali-kali.

Ini menjadi susah. Jadi apabila saya pergi *on the ground*, turun padang, saya diajukan dengan soalan ini. Satu keadaan yang serba salah dibuatnya. Saya sukar untuk jawab. Kemudian mereka mulalah menuding jari, jadi Senator buat apa, tidak boleh hendak tolong? Itu yang susah, ya. Jadi saya harap Kementerian Dalam Negeri tolonglah, berilah jawapan kepada mereka yang memohon. Kalau masih dalam tindakan, cakaplah dalam tindakan. Kalau masih lagi di dalam *pigeon hole*, belum lagi dibaca oleh pegawai, cakaplah kedudukannya supaya senang kita hendak mempertahankan kedudukan kerajaan di mata orang ramai.

■1720

Satu lagi yang ditanya juga ialah tentang berapa lama kah yang diperlukan oleh KDN sebelum menjawab apa yang dipohon oleh orang ramai. Tidak kah ada SOP? Tidakkah ada *client charter*, dengan izin, yang diikuti oleh KDN dalam menguruskan permohonan ini? Jadi saya harap kementerian dapat menguruskan perkara ini dengan baik supaya apabila saya dan juga rakan-rakan lain yang pergi *on the ground*, sebab saya rasa kalau rakan saya di Perlis, di Kedah yang ada orang Siam di tempatnya, sering diajukan dengan soalan-soalan ini. Saya rasa juga mereka juga ada masalah yang sama untuk menjawab bagi pihak saya.

Yang kedua, ini melibatkan KDN juga ialah tentang di mana cara untuk mendapatkan Pas Lawatan Ikhtisas. Secara umumnya orang Siam di Kedah, di Kelantan dan di Perlis belajar bahasa Thai sebagai bahasa tambahan. Jadi mereka ini diajar sama ada oleh orang tempatan tetapi oleh sebab mereka kurang dengan orang tempatan kita terpaksa mengimport ataupun membawa masuk sami daripada Thailand untuk membantu mengajar.

Jadi untuk membolehkan mereka tinggal lama, kita perlu memohon Pas Lawatan Ikhtisas iaitu selama tiga tahun. Jika tidak mereka cuma datang sebulan, kena balik, kemudian datang balik. Jadi berulang-ulang, tidak selesa. Akan tetapi untuk memohon Pas Lawatan Ikhtisas ini, Kementerian Dalam Negeri hanya mengiktiraf beberapa badan sebagai badan penyokong. Tanpa sokongan badan-badan ini, Pas Lawatan Ikhtisas tidak akan diproses atau diluluskan.

Jadi untuk membolehkan memudahkan sami-sami dari Thailand ini untuk mendapat pas lawatan, saya telah mencadangkan kepada kementerian untuk mengiktiraf, ini dalam Bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua, *Malaysian Siamese Buddhist Monk Organisation (MSBMO)* sebagai salah satu badan penyokong, selain daripada dua badan yang sedia ada.

Persoalan saya, ini satu lagi soalan tentang tempoh masa yang digunakan KDN untuk memproses ini. Persoalan saya, berapa lama kah kementerian perlukan masa untuk menimbang cadangan saya itu. Kerana saya difahamkan segala keperluan yang diperlukan untuk kementerian buat keputusan telah disediakan, cuma sekarang menunggu masa untuk mendapat keputusan. Saya berharap kementerian dapat mengambil tindakan sewajarnya bagi membolehkan

permohonan-permohonan untuk mendapat Pas Lawatan Ikhtisas ini di kemukakan dan diproses dan diluluskan mengikut yang diperlukan.

Yang ketiga yang melibatkan KDN ialah tentang definisi Siam. Ini pun yang dikatakan satu perkara yang merumitkan. Apabila Kementerian Dalam Negeri dan juga Jabatan Pendaftaran mengasingkan definisi antara Siam dengan Thai. Jadi dulu kita kata saya ini orang Thai, tetapi sekarang saya tidak boleh cakap saya orang Thai lagi. Saya kena cakap saya orang Siam. Kerana perkataan Thai itu telah dianugerahkan mereka yang datang daripada Thailand dan mendapat warganegara di sini. Kami orang Siam ini, lahir di sini, tok nenek di sini tidak boleh pakai perkataan Thai kerana kita bukan berasal dari Thailand. Jadi perkataan Siam itu ialah orang di sini.

Akan tetapi timbul sedikit masalah apabila berlaku kahwin campur aduk dan sebagainya. Jadi saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri supaya definisi perkataan Siam itu ditambah dengan agamanya sekali. Ini timbul masalah apabila di peringkat negeri Kedah di mana orang Siam juga ada memegang tanah rizab Melayu ini sejak sekian lama. Jadi apabila mereka pegang, mereka tidak hanya boleh pindah milik kepada orang Siam ataupun siapa-siapa lah. Akan tetapi mereka tidak boleh memiliki tanah rizab Melayu yang dipegang oleh Orang Melayu.

Jadi untuk memudahkan pindah milik dan sebagainya, saya mencadangkan supaya definisi Siam ini dilengkapi dengan parameter agama Buddha sekali. Penggunaan definisi ini digunakan oleh kementerian, jabatan, agensi dan juga sehingga peringkat negeri. Ini kerana akan memudahkan proses mengenal pasti orang Siam di Kedah kerana tanah rizab Melayu di Kedah hanya boleh dimiliki oleh orang-orang Siam kerana ia ada di dalam Akta Kanun Tanah di negeri Kedah. Orang-orang Thai tidak boleh memiliki tanah rizab Melayu di Kedah.

Seterusnya, ini Kementerian Pendidikan, ada lima minit lagi, dua hari lah saya. Kementerian Pendidikan, ini adalah tentang anak-anak masyarakat Siam yang masih berstatus warganegara, bukan warganegara, *sorry*. Terima kasih kepada kementerian pada hari pertama kita bersidang kementerian telah menjawab soalan saya. Kini ada lebih kurang 1070 orang murid keturunan Siam yang berstatus bukan warganegara.

Jadi mereka ini bersekolah tetapi masalahnya ialah apabila mereka meninggalkan sekolah, apabila mereka telah tamat SPM. Jika kita tengok seribu lebih orang, 1070 orang ini kalau dibahagikan kepada Darjah 1 hingga Tingkatan 5 kita ada purata lebih kurang 100 orang setiap satu tingkatan atau satu darjah. Jadi setiap tahun kira-kira 100 orang anak Siam yang berstatus bukan warganegara ini akan keluar, akan tamat SPM.

Jadi persoalannya ialah apa akan jadi dengan mereka? Mereka tidak ada kad pengenalan kerana bukan warganegara. Jadi kalau, saya tidak pasti sama ada mereka ini diterima ke IPTA ataupun IPTS ataupun Institusi Latihan Kemahiran. Jadi jika mereka tidak dapat menyambung pelajaran mereka, mereka tidak mendapat latihan kemahiran, apa akan jadi dengan mereka? Itu persoalannya. Mereka adalah rakyat Malaysia. Mereka tidak boleh baling ke mana. Kerana hantar ke Thailand, ke Burma, tidak ada negara yang akan terima...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Yang Berhormat mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya sila, sila.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Saya terpanggil juga untuk bertanya soalan penjelasan daripada Yang Berhormat kerana saya pun ada menantu orang Siam. Yang Berhormat kata tadi kita minta supaya kerajaan, status itu jadi Siam-Buddha. Siam-Islam, dan Siam-Buddha yang masuk itu Islam, macam mana tafsiran dia pula? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mohon mencelah. Tuan Yang di-Pertua saya terpanggil juga sebagaimana Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi tadi oleh sebab orang Siam juga di dalam parti UMNO diterima sebagai ahli. Jadi keistimewaan ini ada kepada orang Siam yang tidak ada kepada kaum yang lain, selain daripada Sabah di Sabah iaitu kaum bumiputera. Di mana keistimewaan ini diberi oleh parti UMNO itu satu pengiktirafan. Adakah itu merupakan satu penghargaan oleh masyarakat Siam terhadap kerajaan yang di bawah parti UMNO ini. Jadi minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Aknan A/L Ehtook: Terima kasih rakan-rakan saya, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi dan rakan saya dari Perlis jauh datang.

Pertama sekali soalan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi, orang Siam kalau dia bukan beragama Buddha, kalau katakan kalau dia telah memeluk agama Islam, saya rasa dalam itu tidak lagi *title* sebagai Siam kerana dia boleh bertukar kepada keturunan Melayu. Kalau tidak silap saya, minta maaf kalau silap.

Akan tetapi ini untuk membezakan antara orang Siam dan orang Thai, Thailand, itu sahaja. Ini kerana Siam adalah orang yang lahir di sini orang Thai adalah orang lahir di Thailand dan datang sini dapat warganegara, itu sahaja. Jadi saya rasa tidak timbul persoalan kerana tidak ada perbezaan, kerana kalau Siam di sini memang saya rasa *100 percent* agama Buddha. Ini kerana apabila mereka memeluk Islam saya rasa mereka tidak lagi menggunakan keturunan Siam dalam status keturunan mereka. Akan tetapi saya kena rujuk kepada JPN kerana ini urusan JPN. Minta maaf kalau saya silap. Hendak merujuk kepada rakan saya daripada Perlis. Masyarakat Siam amat berterima kasih kepada kerajaan dan juga parti UMNO kerana bersetuju menerima orang Siam sebagai ahli.

■1730

Dimulakan di Kedah sekian lama. Kelantan saya rasa baru sahaja tidak beberapa tahun yang lepas. Ini kerana dulu di Kelantan tidak dibenarkan orang Siam masuk sebagai ahli UMNO, tetapi di Kedah sudah sekian lama. Terima kasih banyak-banyak kerana orang Siam masih lagi bilangannya kecil, belum lagi berhasrat untuk menubuhkan parti sendiri. Akan tetapi apabila UMNO menerima kami masuk dalam parti UMNO, kami berasa bersyukur kerana dapat bersama-sama dengan rakan-rakan kita untuk berjuang demi kesejahteraan rakyat semua.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Terus, terus Yang Berhormat. Saya bagi peluang esok.

Tuan Aknan A/L Ehtook: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, banyak berita baik. Saya nampak Yang Berhormat banyak buat poin bagus, jadi kita sambung esok.

Jadi petang ini saya mendengar banyak sekali perkara kita membela rakyat, banyak sangat timbul *Ah Long* itu ini, semua cerita, macam-macam kita lakukan untuk kepentingan rakyat. Dasar kita, bajet kita sangat baik.

Jadi di luar sana tadi kenang budi kita tadi, dia ingat budi kita, rasa hendak junjung dia kata. Bak kata pantun orang Melayu senang sahaja, dia kata.

*Tenang-tenang air di laut,
Sampan kolek mudik ke tanjung,
Hati terkenang mulut menyebut,
Budi baik YB rasa hendak junjung... [Dewan tepuk]*

Itulah dia junjung, kita buat baik ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 6 Disember 2017. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang]